



BULETIN PARLIMEN MALAYSIA 2014

Bahagian Komunikasi Korporat, Parlimen Malaysia
Tingkat 8, Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel : 03-2072 1955
Faks : 03-2072 7436
Emel : sidangredaksi@parlimen.gov.my



www.parlimen.gov.my

VISI

Parlimen Malaysia sebagai institusi perundangan unggul bertaraf dunia.

Sebagai sebuah institusi legislatif yang terulung, Parlimen Malaysia berwawasan untuk terus menjadi peneraju dan penanda aras kepada institusi-institusi legislatif tempatan dan Antarabangsa.

MISI

Memastikan tadbir urus yang profesional, inovatif dan strategik untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti.

Komited untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan cekap kepada *stakeholders*, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan serta mengguna pakai amalan terbaik dan strategik dalam pengurusan sumber dan pentadbiran organisasi.

MOTO

Mendukung Profesionalisme.

Warga Parlimen konsisten memberikan perkhidmatan yang terbaik dan profesional tanpa mengira perbezaan latar belakang pelanggannya.




BULETIN Parlimen

BP.BIL. NO. 8 2013 | ISSN 1985 - 3513

MALAYSIA 2014

PELANCARAN MAJLIS SENATOR MALAYSIA 2014





Gambar Kulit depan

Kulit Buletin adalah ilustrasi penting yang dirakamkan semasa Majlis Makan Malam Sempena Pelancaran Majlis Senator Malaysia (MSM) yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 3 Mei 2014 di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia.

Sekalung Budi

Pihak Parlimen Malaysia ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak serta individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penerbitan Buletin Parlimen Malaysia 2014.

Penafian

Semua bahan yang diterbitkan dalam Buletin Parlimen Malaysia 2014 ini merupakan hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak sidang editorial. Walaupun ketepatan fakta dipatuhi semasa pengumpulan maklumat, pihak sidang editorial tidak bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang timbul akibat kesilapan yang tidak dimaksudkan.

SIDANG REDAKSI

Penasihat

YB SENATOR TAN SRI ABU ZAHAR UJANG
Yang di-Pertua Dewan Negara

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
PANDIKAR AMIN BIN HAJI MULIA**
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Ketua Pengarang

YBHG. DATUK LAMIEN SAWIYO
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Pengarang

YM TENGKU NASARUDDIN TENGKU MOHAMED
Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat

Penolong Pengarang

IDZUAFI HADI BIN KAMILAN
Pegawai Penyelidik

SAYANI BINTI UMAR
Pegawai Penyelidik

JOHARI BIN JUNID
Pegawai Penyelidik

ALBASYA'ARI BIN ABDUL LATIF
Pegawai Perhubungan Awam

NOR SYAFINAZ BINTI SAMSUDIN
Pustakawan

Penolong Pengarang Foto

SITI NUR AZLIN BINTI RASHIM
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

MOHD KHAIRUL ADNAN BIN KHALIP
Jurufoto Parlimen Malaysia

Edaran

**NOOR AZLINA BINTI MURAD
KAMARUL BAHARIN BIN SHAUDIN
STEVEN A/L JEMES
RIZAL BIN HASSAN**

Terbitan

PARLIMEN MALAYSIA

Artikel yang disiarkan dalam BULETIN PARLIMEN MALAYSIA tidak semestinya mencerminkan pendapat Sidang Redaksi, tetapi lebih merupakan pendapat penulis.

Reka Bentuk dan Cetakan GLOBAL STUDIO SOLUTION

Sidang Redaksi BULETIN PARLIMEN MALAYSIA mengalu-alukan sumbangan artikel dan maklumbalas. Sila kemukakan kepada:

BULETIN PARLIMEN MALAYSIA
Bahagian Komunikasi Korporat
Parlimen Malaysia, Tingkat 8, Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 2072 1955 • Faks : 03 – 2072 7436
Emel : sidangredaksi@parlimen.gov.my

KANDUNGAN

2

PERUTUSAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

3

PERUTUSAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

4

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

5

DARI MEJA KETUA PENGARANG

7

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

- Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas
- Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Ringkasan Titah di-Raja

21

DEWAN RAKYAT

- Ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan
- Rang Undang-Undang Yang Diluluskan Pada Tahun 2014
- Mesyuarat Khas MH17
- Belasungkawa

69

DEWAN NEGARA

- Pengenalan Mengenai Dewan Negara
- Senarai Ahli-ahli Dewan Negara Terkini 2014
- Senarai Ahli-ahli Dewan Negara Yang Mengangkat Sumpah Tahun 2014
- Senarai Ahli-ahli Dewan Negara Yang Tamat Tempoh Pada Tahun 2014
- Petikan Perbahasan Ahli-ahli Dewan Negara

111

ARTIKEL PILIHAN

- YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
- YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Ahli Parlimen Santubong merangkap Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

119

KUNJUNGAN HORMAT

- Kunjungan Hormat Dalam Negara
- Kunjungan Hormat Luar Negara

159

BERITA

- Kerja Menaiktaraf Bangunan Parlimen Malaysia
- Misi Bantuan Pasca Banjir
- Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Mangsa Banjir

173

SOROTAN AKTIVITI TAHUN 2014



PERUTUSAN

YB SENATOR TAN SRI ABU ZAHAR UJANG

Yang di-Pertua Dewan Negara

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersua semula dalam Buletin Parlimen Malaysia edisi ke sembilan. Tahniah diucapkan kepada barisan Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menerbitkan buletin kali ini kerana membolehkan Buletin Parlimen Malaysia terus memainkan peranan menyalurkan pelbagai berita dan maklumat institusi untuk diketahui dan dikongsi bersama seluruh warga kerja, *stakeholders*, dan pelanggannya yang dikasihi.

Malaysia adalah sebuah negara masyarakat majmuk yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Setelah 56 tahun kita menikmati kemerdekaan, besar harapan saya agar sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan kini dapat diperkasakan supaya lebih mantap dan cemerlang.

Untuk mencapai kecemerlangan ini sesungguhnya menuntut anjakan paradigma yang tekad daripada semua Ahli Parlimen. Justeru itu, semua Ahli Parlimen sewajarnya memberikan komitmen yang tinggi untuk memberi nilai tambah kepada sistem perundangan negara di samping memartabatkan institusi ini sejajar dengan tuntutan iklim dunia semasa yang menjurus ke arah keamanan, kestabilan, serta kemantapan politik dan sosio-ekonomi pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Wakil-wakil rakyat serta pegawai-pegawai kerajaan yang professional, inovatif dan berpengalaman, yang sentiasa bersikap jujur, bertanggungjawab dan ikhlas berperanan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada semua *stakeholders* dan rakyat sejagat. Semua Ahli Parlimen hendaklah betul-betul memahami serta menghayati aspirasi nasional supaya institusi perundangan ini menjadi badan terunggul negara.

Akhir kata, sebagai wadah utama yang memaparkan pelbagai peristiwa menarik dan relevan untuk dikongsi bersama, Buletin Parlimen Malaysia membawa perubahan. Perubahan yang dicorak pada hari ini menjanjikan kecemerlangan pada masa hadapan.

Selamat membaca.

PERUTUSAN

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA PANDIKAR AMIN HAJI MULIA

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Assalamu'alaikum dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya jua, maka Parlimen Malaysia telah dapat menerbitkan Buletin Parlimen Malaysia bagi tahun 2014. Antara lain, penerbitan ini merupakan usaha pentadbiran Parlimen untuk mendokumentasikan aktiviti-aktivitinya sebagai rekod sejarah yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa hadapan.

Bersandarkan pada imej yang sedia ada di mana fungsi Parlimen tidak difahami oleh semua rakyat, makanya Parlimen Malaysia ingin menunjukkan perubahan serta kefahaman kepada rakyat bahawa institusi Parlimen, eksekutif dan kehakiman merupakan tiga entiti yang menjalankan fungsi yang berbeza seperti yang dituntut oleh sistem demokrasi ala *Westminster*.

Parlimen Malaysia dengan sedaya mungkin cuba untuk memecahkan "tembok halangan" iaitu tahap kefahaman rakyat yang rendah terhadap fungsi Parlimen yang sebenar. Saya berharap melalui usaha kecil penerbitan buku ini, warga Malaysia sedikit sebanyak akan dapat memahami bahawa Parlimen adalah merupakan salah satu daripada beberapa institusi yang penting dalam negara ini.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan penerbitan Buletin Parlimen Malaysia kali ini. Harapan saya, semoga bahan-bahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga Parlimen dan rakyat jelata yang cintakan demokrasi.

Sekian, terima kasih.





PERUTUSAN

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. Persidangan Parlimen bagi penggal ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Pembukaan Parlimen bagi penggal ini telah memperlihatkan perbahasan yang mantap dan berkualiti dengan kombinasi idea dan pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang, muka baru dan lama serta daripada pelbagai lapisan usia. Harapan saya agar kombinasi Ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat Malaysia bagi penggal ini akan memberikan manfaat yang besar kepada masa depan negara yang lebih cemerlang.

Dari segi pentadbiran dan perancangan polisi kerajaan, sidang Parlimen merupakan suatu sumber maklumbalas yang amat berguna untuk menambahbaik sistem dan perjalanan kerajaan. Keterbukaan dalam kepimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, membolehkan idea-idea yang baik daripada semua pihak, termasuk pihak pembangkang, diambil kira dalam agenda transformasi negara. Ini termasuklah perkara-perkara yang melibatkan penambahan dan penstrukturan semula pelbagai peruntukan kerajaan sebagai reaksi kepada isu-isu yang dibahaskan di Parlimen.

Ruang untuk penambahbaikan sentiasa ada dan akan terus wujud. Parlimen negara kita juga tidak terlepas daripada melalui suatu proses transformasi yang menuntut kesungguhan Ahli-ahli Parlimen untuk memilih pendekatan yang bersederhana dalam mengangkat isu-isu rakyat untuk diperbahaskan.

Akhir kalam, syabas dan tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Parlimen Edisi Kesembilan dengan harapan agar usaha murni untuk melaporkan perkembangan dan perjalanan semasa Parlimen akan dapat diteruskan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DARI MEJA KETUA PENGARANG

YBHG. DATUK LAMIEN SAWIYO
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Bismillahirrahmannirahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, kita bertemu semula dalam Buletin Parlimen Edisi 2014. Pelbagai peristiwa penting telah dilakarkan di Parlimen Malaysia pada tahun 2014. Pada 10 Mac 2014, Istiadat Pembukaan Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas telah diadakan. Seperti tahun sebelumnya, istiadat pembukaan pada kali ini turut diadakan di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia berikutan masalah jerebu yang telah melanda negara.

Peristiwa penting lain yang berlaku pada tahun 2014 ialah Perasmian Majlis Senator Malaysia (MSM) yang telah diadakan pada 3 Mei 2014 dan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan MSM telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan keanggotaannya terbuka kepada Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional yang sedang berkhidmat juga yang telah bersara. Majlis ini berperanan untuk memperkasakan Dewan Negara serta berusaha mengubah persepsi umum yang beranggapan bahawa Dewan Negara hanya bertindak sebagai *rubber stamp*. Dari semasa ke semasa, pelbagai program akan di atur untuk meningkatkan pengetahuan rakyat mengenai tugas-tugas Dewan Negara sebagai salah satu badan yang terlibat dalam penggubalan undang-undang.

Diharapkan penerbitan Buletin Parlimen ini, disamping menjadi koleksi rekod peristiwa penting di Parlimen, diharapkan ianya boleh mendekati institusi Parlimen kepada masyarakat umum.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi dan semua warga Parlimen yang terlibat dalam menerbitkan buletin ini.

Sekian, terima kasih.





SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KEDUA PARLIMEN KETIGA BELAS

Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas telah diadakan pada 10 Mac 2014 bertempat di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia berikutan cuaca berjerebu yang melanda negara. Ini merupakan kali kedua istiadat ini diadakan di Dewan Bankuet selepas Istiadat Pembukaan Penggal Pertama pada 25 Jun 2013.



Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada jam 10 pagi telah disambut oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Turut menyambut ketibaan ialah Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri.

Seterusnya Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah telah diiringi masuk ke Dewan Bankuet untuk menerima sembah "Hormat Diraja" daripada para pegawai dan anggota Batalion Petama RAMD Kem Sungai Besi. Pada jam 10.45 pagi, SPB Yang di-Pertuan Agong telah diiringi masuk ke Dewan Persidangan untuk acara perasmian dan menyampaikan titahnya. Di dalam titahnya, Yang di-Pertuan Agong menzahirkan rasa simpati dan prihatin terhadap kejadian yang menimpa pesawat MH370 dan baginda berharap keluarga kepada penumpang berkenaan dapat menghadapi situasi tersebut dengan tenang dan tabah menerima ketentuan Ilahi.

Persidangan Dewan Rakyat tersebut berlangsung selama 20 hari bermula pada 10 Mac hingga 10 April 2014 dan Dewan Negara bersidang selama 16 hari bermula pada 21 April hingga 6 Mei 2014.



**TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

**Bismillaahir Rahmanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
dan Salam Sejahtera**

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

1. Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersamasama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas. Di kesempatan ini, Beta dan Raja Permaisuri Agong bersama rakyat Malaysia amat prihatin terhadap insiden yang berlaku ke atas pesawat MH370 Penerbangan Malaysia ke Beijing pada Sabtu, 8 Mac 2014 dan menzahirkan rasa simpati kepada penumpang-penumpang dan anak kapal pesawat tersebut serta keluarga mereka. Beta juga berharap agar ahli-ahli keluarga penumpang dan anak kapal yang terlibat dapat bertenang dan tabah menerima ketentuan tersebut.



TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

3. Beta amat berbangga dengan peranan yang telah dimainkan oleh semua Ahli Yang Berhormat dalam mewakili suara rakyat melalui isu-isu yang telah dibawa dan dibahaskan secara berhemah di Dewan yang mulia ini. Berkat kerjasama dan semangat perpaduan di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelbagai rang undang-undang dan usul yang menyentuh kehidupan rakyat telah diluluskan dalam sidang Parlimen pada penggal yang lalu. Ini membuktikan kematangan sistem demokrasi negara dan kesediaan Kerajaan Beta untuk mendengar serta mempertimbangkan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak, demi kemakmuran negara.
4. Dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, kesejahteraan hidup rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Kemakmuran tidak akan memberi makna jika masih ada golongan rakyat hidup dalam kesusahan. Justeru, Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah usaha mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup dan menangani kesan daripada pelaksanaan langkah-langkah transformasi ekonomi serta konsolidasi fiskal termasuk rasionalisasi subsidi secara berperingkat bagi memastikan negara terus berdaya saing. Subsidi pukal yang banyak ketirisannya perlu diganti dengan subsidi bersasar agar rakyat teramai dapat dibantu.
5. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk membantu meringankan beban rakyat, antaranya melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia, Baucar Buku 1Malaysia, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, Bantuan Khas Awal Persekolahan dan Kedai Rakyat 1Malaysia. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, program penyeragaman harga akan diteruskan. Beta menyeru agar Kerajaan memperbanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh negara dengan sekurang-kurangnya sebuah dibina di setiap kawasan Parlimen. Sektor swasta juga perlu lebih giat menawarkan produk dan perkhidmatan berkonsepkan 1Malaysia yang berkualiti pada harga yang rendah. Beta percaya dengan usaha-usaha ini secara berterusan dan bersepadu, kenaikan harga barang dan kos sara hidup rakyat akan dapat diselesaikan secara holistik. Beta juga menyeru para peniaga supaya berlaku jujur dalam menjalankan perniagaan agar hasil yang diperoleh diberkati.
6. Pada masa ini, hampir semua negara terpaksa berhadapan dengan cabaran daripada ketidakpastian ekonomi global termasuk menyediakan pekerjaan kepada rakyat. Oleh itu, kita bersyukur kadar pengangguran di negara ini adalah rendah dan terkawal. Dalam hal ini, Beta menyeru Kerajaan agar mempertingkatkan usaha untuk mewujudkan lagi pekerjaan bernilai tinggi yang bukan sahaja membantu meningkatkan produktiviti negara, malah menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat.
2. Beta bersyukur di atas keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara selama ini dan berdoa agar nikmat ini dapat terus dikecapi. Beta sukacita Agenda Transformasi Negara sudah mula membuah hasil dan yakin ia akan membawa kemajuan dan kemakmuran yang mampan kepada rakyat dan negara dalam jangka panjang. Beta percaya, dengan sokongan padu dan kerjasama yang erat antara pemimpin dan rakyat, pelbagai kejayaan akan terus dilakar oleh negara pada masa depan.

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

7. Kemakmuran dan kemajuan hidup tidak akan bermakna jika negara terus menghadapi ancaman keselamatan. Beta menghargai peranan agensi-agensi keselamatan dan pertahanan serta awam melalui Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dalam mengembalikan keamanan di timur Sabah. Begitu juga usaha Kerajaan dalam pencegahan jenayah terutamanya jenayah berat dan terancang. Tahniah Beta ucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia di atas kejayaan Ops Cantas dalam mengurangkan jenayah kekerasan. Beta menyeru agar usaha untuk membasmi jenayah termasuk melalui penambahbaikan undang-undang dan peningkatan kecekapan dalam penguatkuasaan terus dipertingkatkan.
8. Seperti termaklum, negara kita juga tidak terkecuali menerima kesan daripada perubahan iklim global yang mengakibatkan berlakunya peningkatan kejadian bencana alam seperti banjir dan cuaca panas serta kering. Beta berharap semua pihak dapat bekerjasama untuk memastikan kualiti udara berada di tahap baik. Beta juga menzahirkan rasa simpati dan takziah kepada mangsa-mangsa yang kehilangan ahli keluarga, pendapatan serta harta benda. Beta mengucapkan terima kasih atas tindakan pantas pihak Kerajaan dan semua pihak yang sudi menghulurkan bantuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Berdasarkan jangkaan ekonomi global yang beransur pulih serta aktiviti ekonomi domestik yang kekal cergas, Beta berharap pertumbuhan ekonomi akan lebih kukuh pada tahun 2014. Ke arah ini dan juga mengambil kira realiti keadaan ekonomi yang sentiasa berubah, Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian dalam memperkukuhkan ekonomi dengan menggalakkan pelaburan berkualiti, memperluaskan pasaran, mengurus perdana sains, teknologi dan inovasi, mengungguli modal insan, menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta melaksana perbelanjaan berhemat. Beta menyeru semua pihak bersikap realistik dan bersedia menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang semakin mencabar.
10. Kerajaan Beta akan terus memperkukuh kedudukan kewangan dan memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara, antara lain melalui peluasan asas cukai dan penambahbaikan pentadbiran cukai. Ini termasuk pengenalan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada April 2015. Sebagai persediaan, Beta menyeru kepada Kerajaan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama memberi kefahaman kepada rakyat mengenai pelaksanaan dan faedah GST yang bukannya cukai tambahan tetapi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan sedia ada.
11. Hasil usaha transformasi Kerajaan juga, kedudukan Malaysia telah dilonjakkan ke tangga keenam paling mesra perniagaan di dunia berbanding kedudukan kedua belas pada tahun sebelumnya seperti yang dilaporkan oleh Bank Dunia. Peningkatan ini akan terus meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelaburan pilihan. Ini adalah satu pengiktirafan kepada langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya Perkhidmatan Awam dalam memudahkan urusan perniagaan.
12. Beta berbangga dengan kemajuan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang sehingga 31 Disember 2013 mencapai kadar pelaksanaan sembilan puluh enam persepuluh tujuh peratus. Beta berharap pelaksanaannya dapat dipercepatkan lagi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memberi manfaat kepada rakyat.

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. Sebagai sebuah negara perdagangan, adalah penting Kerajaan terus meneroka pasaran-pasaran baharu untuk produk dan perkhidmatan. Bagi tujuan ini, Malaysia telah menandatangani pelbagai perjanjian perdagangan dan pelaburan di peringkat antarabangsa. Bagi setiap perjanjian ini, kepentingan rakyat dan negara tidak akan dikompromi dan sentiasa diutamakan. Namun, Malaysia perlu sentiasa berada di barisan hadapan dalam persaingan pasaran global dengan mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif.
 14. Dalam pada itu, Kerajaan Beta telah memperkenalkan Dasar Automotif Nasional 2014 yang bertujuan mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih berdaya saing bagi menghadapi cabaran liberalisasi dan seterusnya membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi kenderaan cekap tenaga. Selain itu, dasar ini akan turut memberi faedah kepada peningkatan eksport, pemuliharaan alam sekitar, pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, pemindahan teknologi dan juga pewujudan peluang perniagaan baharu kepada syarikat-syarikat automotif tempatan. Pada masa yang sama, rakyat juga bakal menikmati penurunan harga kereta.
 15. Dengan pengiktirafan Malaysia sebagai antara sepuluh buah negara destinasi pelancongan dunia pada tahun 2014, Beta percaya penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2014 mampu memaksimumkan potensi industri pelancongan, berasaskan keunikan kebudayaan dan warisan masyarakat majmuk dan keindahan alam semula jadi negara. Justeru, Beta menyeru agar semua rakyat memainkan peranan demi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan seterusnya bersama-sama meraikan Year of Festivals 2015.
 16. Kerajaan Beta memandang serius mengenai kepentingan menjamin bekalan makanan yang mencukupi memandangkan sektor pertanian terdedah kepada kesan perubahan iklim dunia dan harga komoditi yang tidak menentu di pasaran global. Pendekatan holistik dalam membangunkan industri agro-makanan akan diteruskan. Selain itu, pembangunan sektor perladangan dan komoditi terus diberi tumpuan dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti di setiap peringkat rantai nilai terutama bagi industri sawit dan getah, termasuk menghasilkan produk-produk berasaskan komoditi yang bernilai tambah tinggi dan bersifat mesra alam.
- Ahli-Ahli Yang Berhormat,**
17. Kerajaan Beta komited dalam memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat bandar dan luar bandar, masyarakat Orang Asli serta kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak terus dipertingkatkan. Justeru, usaha berterusan akan dilaksanakan bagi menyediakan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur asas di samping usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi seperti Pusat Transformasi Luar Bandar, Cabaran Perniagaan Luar Bandar dan Desa Lestari yang berupaya menjana pendapatan termasuk dalam bidang pertanian, industri kecil dan sederhana serta pelancongan desa. Bagi menangani isu-isu perbandaran, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk telah ditubuhkan untuk menyalurkan isu-isu kesejahteraan hidup penduduk bandar kepada agensi-agensi berkaitan.

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

18. Kerajaan menyedari impian rakyat untuk memiliki rumah yang selesa pada harga berpatutan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang tinggal di bandar termasuk penjawat awam. Sehubungan ini, inisiatif-inisiatif seperti Program Perumahan Rakyat, Perumahan Rakyat 1Malaysia, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat terus dipergiatkan termasuk dengan penubuhan Majlis Perumahan Negara.
19. Sistem pengangkutan yang cekap adalah penting kepada kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat di bandar mahupun luar bandar. Kerajaan Beta akan melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pengangkutan darat, udara dan maritim. Beta percaya rungutan rakyat mengenai kesesakan lalu lintas dan kekangan akses pengangkutan awam di bandar-bandar besar akan dapat ditangani melalui pelaksanaan inisiatif mempertingkatkan sistem pengangkutan awam di bandar. Keutamaan juga akan diberi kepada pembangunan rangkaian jalan raya di Sabah dan Sarawak seperti Jalan Raya Pan Borneo dan jalan-jalan luar bandar.



TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kesejahteraan hidup amat berkait dengan persekitaran yang lestari, bersih dan sihat. Sehubungan ini, Beta amat mendukung usaha-usaha menjayakan teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang bebas daripada pencemaran. Di samping itu, taraf kesihatan rakyat akan terus diutamakan dengan menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan kesihatan yang berkualiti pada kos yang berpatutan termasuk mewujudkan lebih banyak Klinik 1Malaysia. Dalam pada itu, program pendidikan kesihatan perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan gaya hidup sihat bagi mengelak penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes dan darah tinggi. Sesungguhnya kadar obesiti di Malaysia yang kini paling tinggi di Asia Tenggara dan keenam tertinggi dalam kalangan negara Asia Pasifik perlu diberi perhatian serius. Justeru, Beta juga menyambut baik konsep "*sporting nation*" atau negara bersukan yang bukan sahaja dapat memupuk budaya bersukan di bawah inisiatif sukan untuk semua, malah meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan gaya hidup sihat.
21. Institusi keluarga terus diberi perhatian antaranya melalui penambahan Pusat Khidmat Keluarga Bergerak terutama di kawasan pedalaman. Di samping itu, langkah-langkah akan dipertingkatkan untuk membantu ibu tunggal selari dengan usaha memperkasakan kaum wanita dan orang kurang upaya, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperjuangkan kesaksamaan hak dan peluang kepada semua golongan rakyat dalam arus pembangunan negara.
22. Keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat pada hari ini umumnya adalah hasil usaha generasi terdahulu yang kini merupakan pesara atau warga emas. Beta juga menyeru agar Kerajaan mempertingkatkan usaha bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan warga emas melalui hari tua mereka secara aktif dan produktif serta diberi perlindungan dan penjagaan yang sempurna, jika mereka memerlukan. Beta juga percaya ramai golongan pesara mahu dan mampu menyumbang dalam membantu negara demi kesinambungan pembangunan yang telah dikecapi bersama dengan berkongsi pengalaman luas yang mereka miliki.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Kerajaan Beta telah meletakkan asas untuk memperkasa sektor pendidikan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007 hingga 2020. Pelan ini bertujuan mencapai satu tahap kualiti sistem pendidikan yang setanding dengan negara lain yang berjaya dalam bidang pendidikan serta memenuhi keperluan modal insan, tanpa meminggirkan mana-mana pihak. Dalam pada itu, pembangunan tenaga mahir dan peningkatan kreativiti dan inovasi di kalangan tenaga kerja dan peranan penting institusi-institusi latihan kemahiran terus dijadikan agenda utama bagi menampung keperluan industri negara.

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

24. Generasi muda dan belia hari ini adalah cermin wajah negara pada masa hadapan dan merupakan aset penting dalam mencorakkan pembangunan serta kemakmuran negara. Beta berharap golongan belia akan terus didampingi melalui program pembangunan yang inklusif dan komprehensif berteraskan pendekatan dari belia untuk belia, yang meliputi aspek-aspek kepimpinan, kemahiran, keusahawanan dan kesukarelawan. Golongan belia juga perlu ditanamkan dengan semangat patriotik dan dipupuk jiwanya agar cintakan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Islam sebagai agama bagi Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perlu terus dimartabatkan. Kecelaruhan pemikiran ummah dan ancaman akidah misalnya fahaman pluralisme serta penyebaran ajaran sesat hendaklah ditangani oleh pihak-pihak berkuasa agama selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan umat Islam di negara ini dan demi mengelakkan perpecahan ummah.
26. Tindakan tegas mesti diambil ke atas anasir-anasir jahat yang cuba menyebarkan pemikiran dan tindak tanduk yang bertujuan meruntuhkan nilai-nilai serta keluhuran perlembagaan negara. Semua pihak perlu sedar akan peri pentingnya perpaduan dengan kembali kepada landasan sebenar asas-asas penubuhan negara ini seperti yang dihasratkan oleh para pemimpin terdahulu. Untuk tujuan memelihara keharmonian negara, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk mencari kebersamaan dalam pelbagai isu agama dan etnik. Beta menyeru agar semua pihak mengelak daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan yang bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Ingatlah, apabila terurainya perpaduan, negara akan menuju kehancuran. Justeru, kita hendaklah mengukuhkan perpaduan dengan memupuk perasaan hormat-menghormati dan kesederhanaan dalam menjalani kehidupan. Dalam pada itu, kemajuan teknologi tanpa sempadan hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab untuk memuliakan lagi peradaban manusia, bukan menghancurkannya.
27. Sesebuah negara akan pantas menjadi maju apabila segala urusan perniagaan dan pentadbiran negara bersandar kepada prinsip akhlak, beretika dan mengamalkan integriti yang tinggi. Beta menyokong usahausaha Kerajaan meningkatkan ketelusan tadbir urus antara lain melalui pemantapan konsep ketelusan dan pembanterasannya rasuah yang mana hasilnya, negara telah memperoleh kedudukan yang lebih baik dalam Indeks Persepsi Rasuah 2013. Namun begitu, masih banyak yang perlu dilakukan di peringkat Kerajaan dan swasta serta setiap rakyat untuk memerangi rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
28. Di arena antarabangsa, Malaysia bukan sahaja memainkan peranan penting dalam bidang keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya di rantau Asia Tenggara, malah turut menyumbang kepada penyelesaian di wilayah-wilayah yang sedang menghadapi krisis. Anggota-anggota keselamatan negara juga telah menyumbang kepada keamanan sejagat melalui penglibatan dalam misi-misi pengaman di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam semangat ini, Malaysia berusaha untuk memperoleh kerusi sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 2015 dan 2016. Di samping itu, Beta menaruh sepenuh kepercayaan bahawa Malaysia yang bakal menjadi Pengerusi ASEAN akan mampu menerajui usaha-usaha bagi merealisasikan Komuniti ASEAN 2015.



TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Di kesempatan ini, Beta menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Laksanakanlah tugas dengan jujur, amanah, penuh dedikasi dan tanggungjawab. Sebagai wakil rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan contoh yang terbaik kepada rakyat dan sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji terutama sepanjang berada dalam Dewan yang mulia ini.
30. Kepada rakyat jelata terutamanya golongan belia, gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada dengan bijaksana. Marilah kita bersamasama berpadu tenaga melonjakkan negara ini menjadi negara maju berpendapatan tinggi dalam suasana aman, makmur dan sejahtera. Segala cabaran dan rintangan pasti dapat di atasi. Beta yakin melalui sokongan padu semua pihak, Kerajaan di bawah pimpinan Mamanda Perdana Menteri dan barisan Anggota Pentadbiran mampu merealisasikan segala perancangan yang direncanakan.
31. Sebelum mengakhiri Titah, Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah keamanan, pembangunan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Akhir sekali, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan dilimpahi rahmat dan nikmat yang berpanjangan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

RINGKASAN TITAH DI-RAJA

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam ucapan perasmianya pada Penggal Ketiga Parlimen ke-13 berharap tahun 2015 dapat dibuka dengan lembaran baru yang lebih positif.

Titahnya, apa yang terjadi pada tahun 2014 di mana negara telah mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran dapat menguatkan Malaysia agar menjadi sebuah negara bangsa yang lebih hebat dan berdaulat.

" Tahun lalu kita diuji dengan beberapa peristiwa yang tidak diduga seperti tragedi pesawat MH370 dan pesawat MH17 serta bencana banjir luar biasa di beberapa negeri".

" Beta dan Raja Permaisuri Agong sama berduka dan berdoa supaya ahli keluarga mangsa tragedi pesawat tersebut mendapat ketenangan dan memperoleh penyelesaian terbaik, di samping itu, beta turut bersimpati dan berdoa agar mangsa banjir terus tabah menghadapi ujian ini".

" Makanya beta berharap dengan segala ujian yang ditempuhi ini, lebih menguatkan Malaysia di masa hadapan," titahnya.

Bertitah lanjut, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah baginda amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut.

" Beta amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada pegawai-pegawai kerajaan, anggota pasukan keselamatan dan semua pihak dari pelbagai kaum yang merangkumi NGO, badan korporat, golongan belia, wanita mahupun individu yang telah menunjukkan semangat kesukarelawan dan menyumbangkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut," titahnya.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah turut meminta rakyat berwaspada dengan propaganda kumpulan militan agar tidak terpedaya menyalah-gunakan konsep jihad atas nama Islam.



Seri Paduka bertitah mereka perlu sentiasa mengawasi anggota keluarga masing-masing serta bersama-sama menghayati ajaran Islam sebenar.

" Beta menyambut baik usaha berterusan untuk memperkukuh kawalan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya menangani ancaman pengganas di Sabah dan membendung penularan fahaman ekstrem dalam kalangan rakyat seperti militan Islamic State (IS).

" Lanjutan daripada pembentangan Kertas Putih berhubung ancaman militan, kerajaan juga bercadang mewujudkan undang-undang berhubung antikeganasan," titah Seri Paduka.

Seri Paduka turut menggesa semua anggota Parlimen menjadikan mesyuarat Parlimen ini sebagai waktu terbaik untuk membuka lembaran baharu pada tahun 2015 ini dengan niat dan tekad yang positif setelah negara mengharungi pelbagai cabaran serta dugaan sepanjang 2014.

Sepanjang tahun lepas, negara diuji dengan beberapa peristiwa yang tidak diduga seperti tragedi melibatkan pesawat MH370 dan MH17 milik Malaysia Airlines serta bencana banjir besar luar biasa di beberapa negeri.

" Beta dan Raja Permaisuri Agong sama berduka dan berdoa supaya anggota keluarga mangsa tragedi pesawat tersebut mendapat ketenangan dan memperoleh penyelesaian terbaik," titah Seri Paduka.

Seri Paduka berdua juga berdoa supaya mangsa banjir tabah menghadapi ujian.

" Beta berharap segala ujian yang ditempuhi lebih menguatkan Malaysia sebagai satu negara bangsa yang berdaulat demi masa depan yang lebih sejahtera," titah Yang di-Pertuan Agong.

Tuanku Abdul Halim berharap proses bantuan dan pemulihan semula infrastruktur di kawasan terlibat banjir dapat dilaksanakan dengan segera termasuk pembinaan rumah kekal dan pembaikan rumah yang rosak teruk akibat musibah itu.



DEWAN RAKYAT

UCAPAN BAJET 2015

OLEH YAB PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN

BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan lafaz Bismillahhirahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil A'lamini, Wa bihi Nastai'n. Diiring pula selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Marilah bersama berdoa, dan yang beragama Islam, menadah kedua-dua tangan setingginya, pohon limpah keberkatan juga inayah-Nya, bagi saya membenteng sebuah dokumen penting, yakni Bajet 2015 agar dapat didengar dan dihadami sebaiknya oleh Sidang Dewan dan Rakyat Malaysia seluruhnya.

Sebelum meneruskan pembentangan, saya bagi mewakili pihak Kerajaan mengucapkan takziah atas kembalinya ke-Rahmatullah Allahyarham Tun Hajah Suhaila Binti Tan Sri Mohammad Noah yang merupakan isteri kepada Perdana Menteri ketiga. Semoga rohnyanya diletakkan di kalangan para solihin dan solehah.

Saya turut ingin mengambil kesempatan pada petang Jumaat penuh berakal, penghulu segala hari, mengucapkan selamat kembali ke tanah air kepada YAB Timbalan Perdana Menteri berserta para hujjaj lain, yang telah selesai menunaikan fardu haji. Mogamoga beruntunglah di atas kurniaan Haji Akbar yang Maburur hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara sedar ataupun tidak, sepanjang hampir 60 tahun merdeka, kita telah merencan pelbagai rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam usaha memakmurkan negara. Hakikatnya, pelaksanaan serta pembangunan ekonomi telah melalui segala macam strategi yang disusun kemas lagi sistematik. Jika tidak, mana mungkin Malaysia sampai pada tahap yang ada pada hari ini.

Cumanya, ramai yang tidak begitu sedar bahawa proses ini bukanlah satu kerja yang mudah, apatah lagi terjadi dengan semena-mena. Suka atau tidak suka, dalam tempoh yang bukan sekejap, ia menagih ikhtiar-ikhtiar yang cukup banyak, meliputi rencana-rencana yang menyeluruh, dengan segala jerih payah, kepahitan, terutamanya apabila wajarnya diambil ketetapan-ketetapan dan keputusan-keputusan yang tidak popular. Namun, semuanya itu, perlu diperbuat dan diperlakukan oleh pihak Kerajaan yang bertanggungjawab dan berakuntabiliti, demi mendahulukan kepentingan rakyat sejak dulu, kini dan selamanya.



Tuan Yang di-Pertua,

Dari perspektif ekonomi, ketika mana meraih kemerdekaan 57 tahun lalu, kita telah membina negara ini berlandaskan pertanian. Kemudiannya, kita menuju negara perindustrian moden. Selanjutnya, kita melalui fasa negara berpendapatan sederhana tinggi. Sekarang ini pula, kita sedang melangkah ke arah ekonomi berasaskan perkhidmatan.

Bila disimpulkan, objektif, prinsip dan teras kepada 3 Rangka Rancangan Jangka Panjang, kesepuluh-sepuluh Rancangan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara dan sejak 2010 Dasar Transformasi Nasional, kesemuanya berkisar tentang pembasmian kemiskinan, peningkatan pendapatan, penyusunan semula masyarakat, sehingga tercapai matlamat sosio-ekonomi, mempelbagaikan ekonomi berteraskan komoditi, pembangunan modal insan, meningkatkan daya saing sektor awam dan swasta, rantai nilai lebih tinggi, pembangunan secara inklusif dan transformasi Kerajaan, ekonomi, sosial serta politik.

Ternyata, bapa-bapa pimpinan terdahulu dengan bijaksana, telah menjalankan kewajiban masing-masing membentuk Malaysia menurut acuan tersendiri. Dimulai perjuangan oleh Tunku Abdul Rahman, diikuti oleh Tun Abdul Razak yang telah melaksanakan pembangunan dan menyusun semula struktur sosial masyarakat, Tun Hussein mengekalkan keamanan dan perpaduan, Tun Mahathir memodenkan negara, manakala Tun Abdullah pula menekankan aspek pembangunan modal insan.



UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya, Kerajaan yang ada hari ini, terus komited memacu pertumbuhan negara dengan tasawur yang lebih luas bagi meletakkan Malaysia di jajaran kukuh dari masa ke semasa.

Jelasnya, jika dicongak, pembentangan Bajet, petang ini, adalah yang keenam sejak saya mengambil alih pentadbiran, dan juga adalah bajet negara kali yang ke-56. Sesungguhnya jua, Bajet 2015 ini, menjadi bingkisan pelengkap kepada 10 Rancangan Malaysia.

STRATEGI PEMBANGUNAN NASIONAL MALAYSIA ATAU MALAYSIAN NATIONAL DEVELOPMENT STRATEGY

Selanjutnya, pada Mei 2015 nanti, bermulalah jendela Rancangan Malaysia kesebelas. Serentak itu, satu pendekatan baharu sedang digariskan yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau Malaysian National Development Strategy atau MyNDS.

MyNDS akan menjadi antara formula kepada perancangan dan penyediaan program serta projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Ia akan menggunakan sumber yang terhad secara optimum, yakni menumpukan kepada projek dan program berimpak tinggi, kos yang rendah serta pelaksanaan secara cekap dan pantas. Ertinya, Bajet 2016 kelak, akan menjadi pemula kepada pelonjak akhir memacu separuh dekad Malaysia dalam menuju status, dengan izin – *High Income Advanced Economy* menjelang 2020.

Merujuk kepada perjalanan negara-negara yang lain seperti Korea, Jerman, Jepun, Taiwan mahupun China, di mana kebanyakannya bermula dengan asas pertanian sebagai ekonomi mereka dan kini beralih kepada asas ekonomi yang mengutamakan pengetahuan, kemahiran, inovasi dan kepakaran yang tinggi.

Jika dapat diterangkan dengan bahasa yang mudah, perancangan dan instrumen ekonomi kepada sesebuah negara perlu disesuaikan mengikut musim dan peredaran masa serta tuntutan domestik dan global. Justeru, untuk terus kekal relevan Malaysia sewajibnya bergerak dengan ekonomi berasaskan pengetahuan, kemahiran tinggi, kepakaran, kreativiti dan inovasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya, dari sudut ekonomi, sesebuah negara yang pesat membangun, tidak boleh lari daripada menjana kekayaan menerusi aktiviti *capital economy*. Namun demikian, dari sudut kesejahteraan rakyat, kita mendengar keluh kesah, sungutan dan rungutan orang ramai. Mereka bertanya melalui komen-komen blog, surat-surat yang diterima, mesyuarat, temu bual, sesi dialog dan wacana semasa akan persoalan bahawa angka berjuta-juta, peruntukan berbilion-bilion dan pelbagai projek mega, apakah manfaatnya kepada rakyat terbanyak?

Bak kata orang kampung saya di Pekan, maaf bercakap, rasanya, perkara-perkara dokumen bajet begini, serta apa yang disebut seperti jauh dan tidak ada kena mengena dengan pakcik, makcik, kawan-kawan bukan sahaja di luar bandar malahan juga di bandar.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya, inilah cabaran terbesar dalam mentadbir Negara seistimewa Malaysia dengan kerencaman masyarakat. Saya selaku Perdana Menteri sehingga petang semalam ketika bertemu para wartawan diajukan soalan apakah hal yang paling sukar untuk diputuskan? Saya menjawab... yakni bagaimana kita hendak mengimbangi antara polisi yang *populist in nature as compared to those policies based on economic and financial imperatives*.

Sejelasnya, Kerajaan yang ada hari ini berpegang teguh kepada prinsip bahawa usaha memantap tadbir urus fiskal seperti mengurangkan defisit fiskal adalah satu tanggungjawab moral generasi kita untuk generasi pewaris masa hadapan. Pokoknya, kita tidak mahu mewariskan Malaysia dengan kewangan Persekutuan yang terbeban dengan masalah hutang.

Tuan Yang di-Pertua,

Capital Economy dan People Economy - Lantaran demikian, mengambil kira dan memahami denyut nadi rakyat serta realiti kehidupan, sebagai Ketua Kerajaan, saya mahukan falsafah tunjang kepada pembikinan bajet tahun ini mestilah menitikberatkan keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy*.

Bila kita membicarakan istilah *Capital Economy*, ia merujuk kepada pengurusan dan dasar-dasar ekonomi yang berbentuk makro. Ini memudahkan sesebuah negara mengunjurkan sasaran-sasaran utamanya berbanding negara-negara lain. Antaranya, ia merujuk kepada pengurusan ekonomi yang berasaskan modal, pertumbuhan KDNK, pendapatan per kapita, pelaburan swasta, pasaran modal, keuntungan syarikat, penarafan ekonomi dan kredit, indeks Bursa dan nilai saham. Tuan Yang di-Pertua, sesudah ini saya akan menyebutnya sebagai '*Capital Economy*'.

Manakala apabila kita mengupas dan mentakrif istilah '*People Economy*', ia merupakan ekonomi yang berorientasikan rakyat meliputi keutamaan-keutamaan dan kepentingan-kepentingan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan, kualiti hidup, perumahan, latihan, kemahiran, keusahawanan dan keselamatan, yakni aman dari jenayah. Ringkasnya, ia merupakan ekonomi yang berlandaskan pengalaman seharian rakyat. Sesudah ini saya akan menyebutnya sebagai Ekonomi Keperluan Rakyat atau EKR.

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Keperluan Rakyat - Memang benar, dari sudut teori dan ilmiahnya, *capital economy* dan *people economy* tidak dapat dipisahkan dan wujud secara simbiosis antara satu dengan yang lain. Walau apa pun, ingin saya tegaskan dalam bajet ini, Ekonomi Keperluan Rakyat menjadi paksi dan pegangan dalam mendahulukan kepentingan rakyat. Barulah nanti apabila kita mencapai status negara maju, nikmat kekayaan dan kemakmuran sebenar negara akan melimpah ke kaki-kaki halaman serta mengetuk pintu-pintu rumah setiap rakyat di negara ini, Insya-Allah.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula 3 April 2009, setelah lebih 5 tahun, saya memegang pucuk pimpinan sebagai Perdana Menteri, diperkenalkan gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, berlandaskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN. Ia merangkumkan Program Transformasi Kerajaan atau GTP, Program Transformasi Ekonomi atau ETP, Program Transformasi Politik atau PTP, Program Transformasi Komuniti atau CTP, Program Transformasi Sosial atau STP dan Program Transformasi Fiskal atau FTP dalam usaha kita mencapai matlamat negara ekonomi maju berpendapatan tinggi. ETP telah menyasarkan peningkatan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita Malaysia kepada 15,000 dolar Amerika dan memperoleh 444 bilion dolar Amerika dalam pelaburan menjelang 2020.

Sejak 2009 juga, secara kumulatifnya, sebanyak 196 projek daripada 12 NKEA dan 6 SRI telah dilaksanakan. Jumlah pelaburan pula mencecah 219 bilion ringgit dan lebih 437,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi telah diwujudkan. Mutakhir ini, ekonomi negara telah tumbuh dengan positif dalam semua sektor dan mencatatkan KDNK sebanyak 6.3 peratus. Alhamdulillah, kita merafak syukur kepada Yang Maha Kuasa, kerana pencapaian ini, menempatkan kita sebagai yang paling tinggi di kalangan negara ASEAN dalam tempoh separuh pertama 2014.

Tuan Yang di-Pertua, antara tahun-tahun 2009 hingga 2014, kita mampu berasa lega dan berbangga dengan prestasi-prestasi berikut. Indeks FBM KLCI telah meningkat sebanyak 114 peratus iaitu daripada 884.45 mata pada Januari 2009 kepada 1,892.65 mata pada Julai 2014. Pertumbuhan modal pasaran juga meningkat sebanyak 162 peratus daripada 667.87 bilion ringgit kepada 1,749.49 bilion ringgit dicatatkan pada 7 Oktober 2014.

Pendapatan Negara Kasar Per Kapita pula menunjukkan peningkatan sebanyak 50 peratus iaitu daripada 6,700 dolar Amerika kepada 10,060 dolar Amerika dalam tempoh 5 tahun ini. Insya-Allah, saya yakin pada tahun ini kita akan mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh pada kadar 5.5 peratus hingga 6 peratus. Kadar defisit fiskal negara juga semakin bertambah baik. Kita telah dapat menurunkan kadar defisit daripada 6.7 peratus pada 2009 kepada 3.9 peratus pada 2013 dan dijangka terus menurun kepada 3.5 peratus pada tahun ini.

Bagi 2015 pula, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal kukuh pada kadar 5 hingga 6 peratus, manakala defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung itu, sukalah saya memaklumkan di sini, kita juga telah memecah beberapa rekod pencapaian antaranya:

Pertama Indeks Bursa Malaysia telah mencatat paras 1,892.65 mata pada Julai 2014, menjadikannya paras tertinggi dalam sejarah negara; dan

Kedua Kemasukan pelabur asing sebanyak 38.7 bilion ringgit pada tahun 2013, juga merupakan catatan tertinggi *actual realized investments* yang pernah dicapai dalam sejarah Negara.

PERUNTUKAN BAJET 2015

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2015 memperuntukkan sejumlah 273.9 bilion ringgit iaitu peningkatan sebanyak 9.8 bilion ringgit berbanding peruntukan asal 2014. Daripadanya, 223.4 bilion ringgit bagi perbelanjaan mengurus dan 50.5 bilion ringgit sebagai perbelanjaan pembangunan.

Di bawah peruntukan mengurus, 65.6 bilion ringgit adalah untuk Emolumen, dan 38.1 bilion ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan. Agihan terbesar sebanyak 116.4 bilion ringgit adalah untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Pembelian Aset pula diperuntukkan sebanyak 1.5 bilion ringgit dan 1.8 bilion ringgit untuk perbelanjaan lain.

Di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak 29.3 bilion ringgit, diikuti oleh sektor sosial 12.6 bilion ringgit merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta kesejahteraan masyarakat. Sektor keselamatan pula diperuntukkan sebanyak 4.9 bilion ringgit. Selebihnya, diagihkan kepada sektor pentadbiran am iaitu sebanyak 1.7 bilion ringgit dan simpanan luar jangka sebanyak 2 bilion ringgit.

Pada tahun 2015, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan diunjurkan sebanyak 235.2 bilion ringgit, yakni peningkatan sebanyak 10.2 bilion ringgit berbanding 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Khususnya pada tahun 2015, dengan pelaksanaan GST, hasil kutipan dianggarkan berjumlah sebanyak 23.2 bilion ringgit. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan yang prihatin, kita telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhannya dianggarkan 3.8 bilion ringgit.

Harus diketahui, bahawa dengan pelaksanaan GST ini, maka Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau SST, dimansuhkan yang menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan sebanyak 13.8 bilion ringgit. Ertinya, bila ditolak 13.8 bilion ringgit dan 3.8 bilion ringgit daripada kutipan 23.2 bilion ringgit itu, baki yang ada, berjumlah 5.6 bilion ringgit.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4.9 bilion ringgit disalurkan kembali untuk keperluan rakyat melalui pakej-pakej bantuan, contohnya tambahan BR1M. Akhirnya, hasil bersih kutipan GST hanyalah berbaki 690 juta ringgit.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2015 ini digubal berfokus kepada Ekonomi Keperluan Rakyat dengan menggariskan tujuh strategi utama, iaitu:

- Strategi Pertama** ▶ Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi;
- Strategi Kedua** ▶ Memantap Tadbir Urus Fiskal;
- Strategi Ketiga** ▶ Mengupaya Modal Insan dan Keusahawanan;
- Strategi Keempat** ▶ Memperkasa Agenda Bumiputera;
- Strategi Kelima** ▶ Memartabat Peranan Wanita;
- Strategi Keenam** ▶ Membangun Program Transformasi Belia Negara; dan
- Strategi Ketujuh** ▶ Mensejahtera Rakyat



UCAPAN BAJET 2015

BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

STRATEGI PERTAMA: MEMPERKUKUH PERTUMBUHAN EKONOMI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif bagi melonjak pelaburan domestik dan asing.

TINDAKAN PERTAMA:

Merancang Sektor Perkhidmatan Untuk makluman, pada 2013, sektor perkhidmatan menyumbang 55.2 peratus kepada KDNK. Bagi mencapai sasaran 60 peratus menjelang tahun 2020, Kerajaan akan merancang sektor perkhidmatan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- Pertama** Melaksana Blueprint Sektor Perkhidmatan;
- Kedua** Menyediakan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah 5 bilion ringgit kepada semua Perusahaan Kecil dan Sederhana yang terlibat dalam sektor perkhidmatan dengan had maksimum pembiayaan sebanyak 5 juta ringgit bersekali 70 peratus jaminan Kerajaan. Ia dijangka memberi manfaat kepada 4,000 syarikat PKS;
- Ketiga** Mewujudkan *Research Incentive Scheme for Enterprise* dengan peruntukan 10 juta ringgit untuk menggalakkan syarikat-syarikat menubuhkan pusat penyelidikan dalam bidang berteknologi tinggi, ICT dan industri berasaskan pengetahuan;
- Keempat** Memperkenalkan semula Dana Perkhidmatan Eksport berjumlah 300 juta ringgit untuk menggalakkan PKS menjalankan kajian kemungkinan pasaran dan promosi eksport bagi menembusi pasaran baru; dan
- Kelima** Mengukuhkan Skim Pembangunan Francais di bawah KPDNKK bersama Persatuan Francais Malaysia. Sebanyak 20 juta ringgit diperuntukkan untuk skim ini.

TINDAKAN KEDUA:

Memperkukuhkan Pasaran Kewangan Islam

Industri kewangan Islam Malaysia kini, mencakupi 25 peratus daripada industri perbankan dari segi aset. Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia kekal sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia, merangkumi 60 peratus daripada pasaran sukuk global.

Selanjutnya, Kerajaan akan memperkenalkan akaun pelaburan patuh syariah pada 2015, dikenali sebagai Investment Account Platform, atau IAP. Ia akan memberi peluang kepada pelabur dalam pembiayaan aktiviti keusahawanan dan pembangunan PKS yang berdaya maju. Pada masa yang sama, IAP akan menarik pelabur institusi dan individu termasuk High Net Worth Individuals dalam pasaran kewangan Islam. Dalam hal ini, dana permulaan sebanyak 150 juta ringgit akan disediakan.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Bagi menggalakkan pelaburan dalam IAP, Kerajaan mencadangkan pelabur individu diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas keuntungan dari pelaburan yang layak selama 3 tahun berturut-turut.

Untuk merancakkan terbitan dan urusan niaga pasaran sukuk dan bon tempatan pula, Kerajaan telah memperkenalkan produk Bon dan Sukuk Dagangan Bursa atau ETBS pada Januari 2013. Makanya, Kerajaan mencadangkan supaya Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan turut disenaraikan dan diurus niaga dalam ETBS.

Selain itu, perbelanjaan menerbitkan sukuk telah diberi potongan cukai mulai tahun taksiran 2003 hingga tahun taksiran 2015. Selaras dengan ini, dicadangkan potongan cukai bagi perbelanjaan menerbitkan sukuk berasaskan prinsip Ijarah dan Wakalah dilanjutkan selama 3 tahun lagi sehingga tahun taksiran 2018.

TINDAKAN KETIGA:

Menggalakkan Industri Perkapalan Tempatan

Akta Perkapalan Saudagar 2011 memperuntukkan keperluan mandatori insurans atau sekuriti kewangan untuk perlindungan liabiliti pihak ketiga bagi kapal yang beroperasi di Malaysia. Buat masa ini, kebanyakan pemilik kapal muatan besar di Malaysia mempunyai perlindungan liabiliti pihak ketiga melalui Protection & Indemnity, di luar negara.

Justeru, bagi membantu pemilik kapal muatan kasar 300 tan ke bawah, Kerajaan akan menubuhkan Kelab P&I Malaysia, di bawah Exim Bank, pada kadar premium yang berpatutan.

TINDAKAN KEEMPAT:

Memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif, dengan terus menggalakkan pelaburan di kawasan-kawasan yang kurang membangun

Dalam konteks ini, Kerajaan akan menambah baik pakej insentif khas yang disediakan di bawah Koridor-koridor Ekonomi merangkumi lebih banyak kawasan yang kurang maju.

TINDAKAN KELIMA:

Insentif Untuk Pengurusan Kawasan Perindustrian

Kawasan-kawasan perindustrian yang mempunyai kemudahan awam atau infrastruktur yang diselenggara secara sistematik merupakan antara faktor utama yang menyokong pembangunan industri. Dalam hal ini, insentif dengan 100 peratus pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun akan disediakan untuk menggalakkan pihak swasta menyelenggara dan menambah baik kawasan perindustrian di kawasan kurang membangun.

Manakala insentif dengan 70 peratus pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun akan disediakan kepada pihak swasta yang mengurus kawasan perindustrian di kawasan yang lain.



TINDAKAN KEENAM:

Elaun Modal Bagi Peningkatan Proses Automasi oleh Industri Berintensif Buruh

Kerajaan akan menyediakan insentif elaun modal perbelanjaan automasi untuk menggalakkan proses automasi sektor perkilangan mengikut kategori berikut:

- **Kategori Pertama** iaitu untuk industri yang mempunyai kebergantungan buruh yang tinggi seperti industri produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil. Insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas 4 juta ringgit perbelanjaan pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2017; dan
- **Kategori Kedua** iaitu untuk industri-industri yang lain. Insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas 2 juta ringgit perbelanjaan modal pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2020.

TINDAKAN KETUJUH:

Pelaburan Berkualiti Tinggi

Dalam menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan lebih tertumpu, pakej galakan lebih istimewa akan ditawarkan untuk projek-projek pelaburan yang berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan, melibatkan pekerja berkelayakan tinggi dan berpengetahuan, dengan gaji yang tinggi.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT



TINDAKAN KELAPAN: Merancang Pelaburan Awam dan Swasta

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2015, beberapa projek infrastruktur akan dilaksanakan:

- Pertama** Membina Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Klang sepanjang 59 kilometer dengan kos pembinaan berjumlah 5.3 bilion ringgit;
- Kedua** Membina Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting sepanjang 276 kilometer dengan kos pembinaan berjumlah 5 bilion ringgit;
- Ketiga** Membina Lebuhraya Damansara - Shah Alam sepanjang 47 kilometer dengan kos pembinaan 4.2 bilion ringgit;
- Keempat** Membina Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur - Hubungan Timur sepanjang 36 kilometer dengan kos pembinaan 1.6 bilion ringgit;
- Kelima** Menaik taraf landasan kereta api sektor Pantai Timur melibatkan jajaran Gemas-Mentakab, Jerantut-Sungai Yu dan Gua Musang-Tumpat dengan peruntukan 150 juta ringgit;
- Keenam** Pembinaan MRT Jajaran Kedua sepanjang 56 kilometer dari Selayang ke Putrajaya, melibatkan anggaran 23 bilion ringgit; dan
- Ketujuh** Manakala, Projek LRT3, yang bakal menghubungkan Bandar Utama sehingga Shah Alam dan Klang, dianggarkan 9 bilion ringgit akan dilaksanakan.

Projek Pengerang *Integrated Petroleum Complex* dengan nilai pelaburan 69 bilion ringgit pula yang dijangka dapat mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Di samping itu, bagi membangunkan industri pembuatan kenderaan elektrik, dana pinjaman *Sustainable Mobility Fund* berjumlah 70 juta ringgit disediakan bawah SME Bank. Sebagai permulaan, 50 bas elektrik akan diperkenalkan.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

TINDAKAN KESEMBILAN: Mengalakkan Penubuhan Hab Prinsipal

Untuk ini, Kerajaan akan terus berusaha memperbanyakkan lagi pusat operasi global syarikat multinasional di Malaysia. Sejaraj dengan itu, satu insentif Hab Prinsipal yang berbentuk *customised incentives* akan diperkenalkan mulai awal tahun depan.

TINDAKAN KESEPULUH:
Merencanakan Industri Kreatif Untuk memajukan industri kreatif seperti animasi, perfileman, seni reka, dan warisan budaya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 200 juta ringgit kepada MyCreative Ventures pada tahun 2012. Lanjutan daripada ini, usaha ini diteruskan melalui Dana Industri Kandungan Digital di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebanyak 100 juta ringgit.

TINDAKAN KESEBELAS:
Meningkatkan Keupayaan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi *High Speed Broad Band*, di kawasan ekonomi berimpak tinggi, akan diteruskan meliputi ibu negeri dan bandar-bandar terpilih di seluruh negara. Sebanyak 2.7 bilion ringgit akan dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun melibatkan pembinaan seribu menara pencawang telekomunikasi baru dan pembinaan kabel dasar laut.

TINDAKAN KEDUABELAS: Merancang Industri Pelancongan

Sempena sambutan '*Malaysia - Year of Festivals 2015*', Kerajaan menyasarkan kedatangan pelancong asing seramai 29.4 juta orang dengan jangkakan pendapatan sebanyak 89 bilion ringgit. Untuk tujuan ini, sebanyak 316 juta ringgit diperuntukkan bagi pelbagai program di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

TINDAKAN KETIGABELAS: Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Tuan Yang di-Pertua,

Kini, sumbangan PKS kepada KDNK adalah sebanyak 33 peratus dan kita menyasarkan peningkatan kepada 41 peratus menjelang 2020. Maka, bagi merencanakan penglibatan PKS dalam aktiviti ekonomi, Kerajaan mencadangkan pelaksanaan SME Investment Partner, di mana PKS akan diberi bantuan pembiayaan dalam bentuk pinjaman, ekuiti atau kedua-duanya, terutamanya di peringkat *startup*.

Dana permulaan berjumlah 375 juta ringgit akan disediakan untuk tempoh lima tahun, di mana 250 juta ringgit adalah daripada SME Bank dan 125 juta ringgit lagi daripada pelabur swasta. Di bawah SME Corp pula, 10 juta ringgit akan diperuntukkan untuk *Business Accelerator Programme*.

Sebagai meningkatkan penggunaan teknologi baru, automasi dan inovasi dalam pembangunan PKS pula, sebanyak 80 juta ringgit diperuntukkan untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS di bawah Malaysian Industrial Development Finance Berhad.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Di sudut lain, TEKUN juga telah menyalurkan pinjaman berjumlah 3.1 bilion ringgit kepada hampir 300 ribu orang peminjam dengan had pembiayaan di antara 1,000 hingga 100 ribu ringgit. Pada tahun 2015, TEKUN akan menyediakan tambahan dana pembiayaan sebanyak 500 juta ringgit, diagihkan seperti berikut:

- Pertama** 350 juta ringgit diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera yakni hampir 33 ribu orang peminjam baru;
- Kedua** 50 juta ringgit dikhususkan kepada Skim Pembiayaan Usahawan Muda India, dijangka memanfaatkan 5,000 peminjam kaum India;
- Ketiga** 50 juta ringgit diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Wanita Muda Profesional yakni pembiayaan kepada 5,000 peminjam wanita profesional; dan
- Keempat** 50 juta ringgit diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Bekas Tentera, yang menawarkan pembiayaan kepada 5,000 orang bekas tentera yang tidak berpencen.

Seiring itu, bagi membantu PKS kaum Cina, Kerajaan akan menyediakan pinjaman mudah sebanyak 50 juta ringgit, manakala bagi penjaja dan peniaga kecil sebanyak 30 juta ringgit.

TINDAKAN KEEMPATBELAS: Pembangunan Inovasi dan Pengkomersilan

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika ini, nisbah R&D kepada KDNK adalah rendah jika dibanding dengan negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan. Justeru, Kerajaan memperuntukkan 1.3 bilion ringgit kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program berkaitan, antaranya:

- Pertama** Menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersilkan dalam tempoh 5 tahun akan datang;
- Kedua** Menyediakan dana penyelidikan sebanyak 290 juta ringgit bagi menjalankan pelbagai aktiviti R&D&C yang berimpak tinggi;
- Ketiga** Menjenamakan semula SIRIM. Untuk itu, SME Technology Penetration, *Upgrading Program* dan *Technology Auditing* akan dilaksanakan;
- Keempat** Memperkenalkan inisiatif baru iaitu *Public Private Research Network* yang diterajui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama MTDC dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit; dan
- Kelima** Memperkukuhkan Program *Technology Commercialization Platform* oleh Agensi Inovasi Malaysia dengan tambahan 50 juta ringgit.

STRATEGI KEDUA: MEMANTAP TADBIR URUS FISKAL

Tuan Yang di-Pertua,

Hakikatnya, Kerajaan sentiasa berusaha bagi mengukuhkan kemapanan kedudukan kewangan Negara, untuk menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dan mengurangkan defisit fiskal, bagi mencapai bajet berimbang.

TINDAKAN PERTAMA: Melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan

Semasa pengumuman GST sewaktu pembentangan Bajet 2014 lalu, Kerajaan telah mencadangkan senarai barang makanan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Maka berdasarkan kepada maklum balas pelbagai lapisan masyarakat, Kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barang yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya adalah:

- (i) Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- (ii) Roti putih dan roti *whole meal*;
- (iii) Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- (iv) Mi kuning, kuetiau, laksa dan bihun;
- (v) Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi hampir 2,900 jenama ubat.
Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, kanser dan rawatan kesuburan;
- (vi) Bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; dan
- (vii) Surat khabar.

Selain itu, Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat langsung.

Di samping itu, bagi memastikan pelaksanaan GST tidak membebankan rakyat, Kerajaan bersetuju supaya penjualan runcit minyak petrol RON95, diesel dan LPG diberikan pelepasan GST. Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.

Molek saya nyatakan di sini bahawa, daripada 944 barang dan perkhidmatan yang terdapat di dalam basket of goods, Indeks Harga Pengguna, 532 barang atau 56 peratus dijangka mengalami penurunan harga sehingga 4.1 peratus. Antara produk tersebut adalah ubat-ubatan, barangan elektrik seperti peti sejuk dan mesin basuh, produk tekstil, barangan plastik seperti baldi dan pinggan mangkuk, kasut dan selipar, perabot rumah, lampin bayi, sabun, daging, telur ayam, minyak masak, makanan laut, beras dan sayursayuran.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Manakala sekitar 354 jenis barang dan perkhidmatan yang akan mengalami kenaikan harga tidak melebihi 5.8 peratus. Apa yang penting, Kerajaan berharap para peniaga bersifat bertanggungjawab dengan tidak meningkatkan harga sehingga membebaskan rakyat. Untuk memudahkan rakyat, Kerajaan akan mengeluarkan shoppers' guide bagi membolehkan mereka membuat perbandingan harga sebelum dan selepas GST.

Tuan Yang di-Pertua, perlu difahami baik-baik juga, sebenarnya, kesan langsung daripada perlaksanaan GST, membolehkan Kerajaan mengurangkan beban cukai kepada rakyat seperti berikut:

Pertama Kepada individu dan isi rumah bagi tahun taksiran 2015

- (i) Kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar.
- (ii) Manakala, golongan berkeluarga yang berpendapatan empat ribu ringgit sebulan tidak lagi mempunyai tanggungan cukai.
- (iii) Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi 100 ribu ringgit kepada melebihi 400 ribu ringgit. Kadar cukai maksimum yang kini 26 peratus pula, dikurangkan kepada 24 peratus, 24.5 peratus dan 25 peratus. Justeru, pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3 peratus.

Kedua Bagi tahun taksiran 2015, kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan satu hingga dua mata peratusan. Selain itu, yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai juga dibenarkan potongan cukai;

Ketiga Bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25 peratus kepada 24 peratus; dan

Keempat Bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratusan daripada 20 peratus kepada 19 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada satu perspektif, pengalaman antarabangsa membuktikan, tahap kesediaan peniaga adalah salah satu faktor kejayaan pelaksanaan GST. Bagi membantu para peniaga, insentif dan bantuan berikut akan dilaksanakan:

Pertama Pemberian Geran latihan sebanyak 100 juta ringgit kepada peniaga untuk menghantar kakitangan menjalani latihan tentang GST;

Kedua Bantuan kewangan berjumlah 150 juta ringgit kepada PKS bagi pembelian perisian perakaunan;

Ketiga Kos pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan

Keempat Perbelanjaan latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan cukai tambahan.

TINDAKAN KEDUA: Merasionalisasi Subsidi

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan 588 juta ringgit bagi pelbagai subsidi pada tahun 1994. Jumlah ini telah meningkat kepada 40.5 bilion ringgit pada tahun 2014.

Bagi menambah baik kedudukan kewangan awam, Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi, terutamanya subsidi petroleum. Langkah ini bertujuan memastikan pemberian subsidi lebih bersasar serta mengurangkan ketirisan dan penyeludupan. Kerajaan akan memastikan langkah rasionalisasi subsidi dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan ianya tidak membebaskan rakyat.

Kini, lebih 21 bilion ringgit setahun diperuntukkan untuk membiayai subsidi petrol RON95, diesel dan gas memasak LPG. Kesannya, peruntukan subsidi telah meningkat lebih 14 kali ganda daripada 1.65 bilion ringgit tahun 2002 kepada 23.5 bilion ringgit tahun 2013, semata-mata untuk mengekalkan harga runcit petrol yang rendah. Ini disebabkan peningkatan jumlah kenderaan daripada 13.6 juta unit pada 2008 kepada 23.7 juta unit pada 2013.

Oleh yang demikian, bagi memastikan pemberian subsidi yang lebih bersasar dan mengambil kira kesedaran dan kesediaan rakyat terhadap langkah rasionalisasi subsidi, Kerajaan akan membangunkan satu mekanisme baru pemberian subsidi petroleum yang akan saya umumkan dalam masa terdekat.



TINDAKAN KETIGA: Menyebarkan Luas Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Tuan Yang di-Pertua,

National Blue Ocean Strategy, telah menunjukkan keberkesanan pelaksanaan projek dan program Kerajaan. Untuk itu sebanyak 356 juta ringgit akan disediakan bagi tahun 2015, iaitu:

Pertama Membuka 4 buah lagi UTC di Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis serta 1 mini UTC di Kedah; dan

Kedua Mempergiatkan latihan peningkatan kemahiran atau upskilling kepada 5,000 pelatih melalui program *1Malaysia Skills and Employability Scheme* bagi sektor awam dan *1Malaysia Training Centre* bagi sektor swasta.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

STRATEGI KETIGA: MENGUPAYA MODAL INSAN DAN KEUSAHAWANAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kontemporari ini, antara faktor yang menentukan kejayaan bagi sesebuah negara banyak bergantung kepada sumber manusianya. Kekayaan kini tidak lagi berasaskan kepada sumber 'bahan mentah' seperti petroleum, kelapa sawit atau sumber galian, semata-mata, tetapi juga merangkumi idea, kreativiti dan inovasi serta kemahiran insaniah, termasuklah ciptaan-ciptaan produk terkini, yang berupaya menjana ekonomi dan melahirkan usahawan-usahawan baharu.

Bagi maksud strategi ini dan falsafah modal insan, selaras dengan Ekonomi Keperluan Rakyat, adalah menjadi hasrat Kerajaan agar komponen gaji dalam KDNK ditingkatkan daripada takuk 34 peratus pada masa ini kepada 40 peratus daripada KDNK menjelang 2020.

TINDAKAN PERTAMA:

Memantapkan Profesionalisme Perguruan dan Prestasi Sekolah

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pendidikan negara akan terus diperkukuh selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bagi tujuan ini, 56 bilion ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk penekanan akan diberikan kepada pemantapan sekolah-sekolah yang memerlukan bimbingan serta bantuan khusus. Justeru, peruntukan sebanyak 250 juta ringgit disediakan untuk menjayakan program Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah dan program Rakan Peningkatan Sekolah.

TINDAKAN KEDUA:

Mengupaya Program Sekolah Amanah dan Pembinaan Sekolah Baru

Kerajaan juga akan memperluaskan program Sekolah Amanah yang telah dimulakan pada tahun 2011. Setakat ini, 30 buah Sekolah Amanah telah diwujudkan yang memanfaatkan lebih 20 ribu pelajar dan 1,500 guru. Di bawah program ini, Pengetua diberi kuasa autonomi dan akauntabiliti yang tinggi dalam menguruskan pentadbiran serta proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru, pada tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk memperluaskan program ini ke 20 buah sekolah lagi di negeri Johor, Sarawak, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan peruntukan 10 juta ringgit.

Di samping itu, Kerajaan juga akan membina 12 buah sekolah baru, iaitu 7 buah Sekolah Rendah, 3 buah Sekolah Menengah dan 2 buah Sekolah Berasrama Penuh di seluruh negara.

TINDAKAN KETIGA:

Mengurus Perdana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Menjelang tahun 2020, sekurang-kurangnya 46 peratus pekerjaan memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Untuk itu, Kerajaan akan meningkatkan pengambilan pelajar di kolej vokasional dan kolej komuniti melalui program Transformasi Vokasional dan Teknik serta menaik taraf kolej. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan memperuntukkan 1.2 bilion ringgit.

Bersabit hal ini juga, buat masa ini bagi permohonan untuk mengambil jurusan di bawah Program Latihan Teknikal dan Vokasional atau TEVT, yang diterima oleh Kementerian Pendidikan jauh melebihi kemampuan tempat yang boleh disediakan, yakni lebih kurang 20 ribu. Jadinya, sebagai langkah untuk membuka lebih peluang bagi bidang ini, Kerajaan bersetuju meluluskan 100 juta ringgit dengan serta merta kepada Kementerian Pendidikan untuk menempatkan 10 ribu pelajar di kolej-kolej teknikal dan vokasional swasta. Di samping itu, 50 juta ringgit juga turut diperuntukkan kepada MARA bagi pelaksanaan Program TEVT.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai dorongan kepada syarikat swasta pula, Kerajaan mencadangkan galakan cukai sedia ada ditambah baik seperti berikut:

- Pertama** Potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diperluaskan kepada biasiswa untuk pelajar di peringkat pengajian pensijilan vokasional dan teknik;
- Kedua** Potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan syarikat dalam melaksanakan program *internship* berstruktur di peringkat diploma dan vokasional; dan
- Ketiga** Potongan tambahan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan latihan yang ditanggung oleh majikan bagi pekerja untuk mendapatkan sijil dan kelayakan profesional yang diiktiraf.

TINDAKAN KEEMPAT:

Membangunkan dan Menyelenggara Fasiliti Pendidikan

Dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajaran pula, Kerajaan akan menyediakan 800 juta ringgit untuk tujuan ini dengan pecahan seperti berikut:

- Sekolah Kebangsaan 450 juta ringgit;
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina 50 juta ringgit;
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil 50 juta ringgit;
- Sekolah Mubaligh 50 juta ringgit;
- Sekolah Berasrama Penuh 50 juta ringgit;
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan 50 juta ringgit;
- MRSM 50 juta ringgit;
- Sekolah Pondok yang berdaftar 25 juta ringgit; dan
- Sekolah Menengah Kebangsaan Cina atau *conforming school* yang mengguna pakai kurikulum Kebangsaan diperuntukkan sebanyak 25 juta ringgit.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Kerajaan juga sukacita mengumumkan supaya pembayaran kos bil elektrik dan air kepada semua Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan, dapat dibayar sepenuhnya dengan siling sebanyak 5,000 ringgit sebulan. Ini berbeza dengan kuota 2,000 ringgit setiap sekolah sebelum ini.

TINDAKAN KELIMA: Menaja Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, untuk Tahun 2015, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 3 bilion ringgit, di mana 1.9 bilion ringgit melalui tajaan JPA, sebanyak 759 juta ringgit kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan 258 juta ringgit kepada Kementerian Kesihatan.

TINDAKAN KEENAM: Memperluas Program MyBrain15

Kerajaan telah memperkenalkan program MyBrain15 untuk menghasilkan 60 ribu pemegang PhD menjelang tahun 2023. Setakat ini, seramai 34,525 pelajar sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah melibatkan perbelanjaan lebih 386 juta ringgit. Untuk tahun 2015, sebanyak 112 juta ringgit lagi akan diperuntukkan. MyBrain15 yang kini terbuka kepada sektor swasta, dicadangkan diperluas kepada penjawat awam dan kakitangan badan berkanun yang ingin melanjutkan pengajian secara separuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan.

TINDAKAN KETUJUH: Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Sejak penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau PTPTN pada 1997 sehingga kini, seramai 2.1 juta rakyat Malaysia telah mengambil pinjaman berjumlah 47.8 bilion ringgit. Namun demikian, setakat 31 Ogos 2014, hanya 5.36 bilion ringgit atau 46 peratus daripada 11.76 bilion ringgit telah dikutip.

Lebih menyedihkan, terdapat seramai 174 ribu peminjam, yang langsung tidak pernah membayar balik setakat 2010. Oleh itu, Kerajaan akan mengambil langkah baru yang setimpal dan sewajarnya kepada para peminjam ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Hatta dalam Islam pun, melalui mafhum beberapa hadis sahih antaranya riwayat Muslim menyatakan bahawa, roh seorang mukmin itu tergantung-gantung dengan sebab berhutang, waima dosa orang mati syahid pun diampuni, melainkan hutangnya.

Berkait ini, harap ramai dapat mengambil iktibar. Jadinya, dalam usaha menggalakkan peminjam membuat bayaran balik, Kerajaan mencadangkan supaya 10 peratus rebat diberikan sekiranya peminjam membuat bayaran balik pinjaman secara berterusan selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015. Sebagai tambahan, tawaran diskaun 20 peratus diberikan kepada peminjam yang membuat penyelesaian secara sekali gus atau *lump sum* mulai hari ini sehingga 31 Mac 2015.

Sejak tahun 2005, golongan berpendapatan tidak melebihi 2,000 ringgit sebulan, yang menyimpan di dalam SSPN-i, telah menikmati pemberian geran sepadan. Justeru, bagi menggalakkan lebih ramai ibu bapa menjadi pendeposit untuk menikmati geran sepadan ini, Kerajaan mencadangkan supaya had pendapatan isi rumah pencarum dinaikkan kepada tidak melebihi 4,000 ringgit sebulan.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT



TINDAKAN KELAPAN: Meningkat Kebolehpasaran Graduan

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, dianggarkan seramai 53 ribu graduan masih belum lagi mendapatkan pekerjaan setelah 6 bulan tamat pengajian. Untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, Kerajaan mencadangkan supaya kurikulum dan program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran awam serta institusi pengajian tinggi dikaji semula.

Untuk tujuan ini, Talent Corp akan menyediakan 30 juta ringgit bagi program *Industry Academia Collaboration* di mana, universiti, entiti Kerajaan dan industri bekerjasama membangunkan kurikulum program *internship* serta latihan industri.

Selain itu, keyakinan diri dan kemahiran graduan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris akan dipertingkatkan. Pada masa ini, syarat kemasukan ke IPTA menghendaki pelajar mencapai tahap minimum di Band 1 dalam *Malaysian University English Test* atau MUET. Mulai tahun hadapan:

- (i) bagi kemasukan ke IPTA tahap minimum Band MUET ditingkatkan mengikut bidang pengajian seperti contoh berikut:
 - a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial - Band 2
 - b) Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM - Band 3
 - c) Pengajian Undang-undang & Perubatan - Band 4
- (ii) sebagai syarat bergraduan pula, pelajar wajib mencapai:
 - a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial - Band 3
 - b) Pengajian STEM - Band 4
 - c) Pengajian Undang-undang & Perubatan - Band 5

Saya juga ingin menyarankan IPTS melaksanakan langkah yang sama.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

TINDAKAN KESEMBILAN

Mensejahterakan Golongan Pekerja

Tuan Yang di-Pertua,

Pada suku kedua 2014, jumlah pekerjaan adalah sebanyak 13.5 juta iaitu peningkatan lebih 1.6 juta pekerjaan berbanding tahun 2010. Bagi memastikan kebajikan pekerja terus terbela:

- (i) Akta Kerja 1955 dan akta perburuhan yang berkaitan akan dikaji semula yang termasuk terma dan syarat pekerjaan, pelantikan dan pemberhentian, waktu bekerja yang fleksibel serta faedah penamatan kerja;
- (ii) Portal JobsMalaysia akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang semakin dinamik;
- (iii) Kerajaan akan memperkenalkan Sistem Insurans Pekerja bertujuan membantu golongan pekerja yang diberhentikan melalui pemberian bantuan saraan sementara serta peluang latihan semula atau *reskilling* and *upskilling*; dan
- (iv) Menyediakan latihan teknikal dan bantuan pendidikan kepada golongan belia India terutama dari keluarga kurang berkemampuan dengan peruntukan 30 juta ringgit.

Pada tahun 2011, Skim Latihan 1Malaysia atau SL1M telah berjaya mendapatkan pekerjaan kepada lebih 45 ribu graduan dari kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan luar bandar. Kerajaan telah menyokong usaha CSR oleh majikan dalam perlaksanaannya melalui galakan potongan dua kali kepada syarikat bagi maksud pengiraan cukai pendapatan sehingga 31 Disember 2016. Saya mencadangkan galakan cukai ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

TINDAKAN KESEPULUH:

Globally Recognised Industry and Professional Certification atau 1MalaysiaGRIP

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperhebatkan program *upskilling* dan *reskilling*, Kerajaan akan memperkenalkan satu program baru, iaitu *Globally Recognised Industry and Professional Certification* atau 1MalaysiaGRIP dengan peruntukan sebanyak 300 juta ringgit secara matching grant antara Kerajaan dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi melatih seramai 30 ribu pekerja.

TINDAKAN KESEBELAS:

Program Latihan Kemahiran

Kerajaan akan meningkatkan program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran Jabatan Tenaga Manusia atau JTM. Program latihan ini akan melibatkan pelajar lepasan Sijil Kemahiran Malaysia, graduan universiti atau kolej serta pekerja industri terutama pekerja separuh mahir. Bagi mengoptimumkan 32 institusi latihan JTM, Kerajaan akan mengoptimumkan kapasiti latihan double shift bagi program sepenuh masa melibatkan 176 kursus yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Pengambilan pelajar sebanyak 2 kali setahun dianggarkan melibatkan 48 ribu dalam tempoh 5 tahun pelaksanaannya dengan peruntukan 570 juta ringgit.

TINDAKAN KEDUABELAS:

Syarikat Permulaan atau Start-up

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi tumpuan bagi Syarikat Permulaan atau Start-up di rantau ini. Salah satu usaha adalah penubuhan MaGIC bagi mewujudkan ekosistem yang lebih kondusif untuk memudahcara syarikat Start-up memulakan perniagaan. Justeru, bagi menarik lebih ramai usahawan ekspatriat syarikat Start-up beroperasi di Malaysia, dicadangkan kriteria khas Modal Berbayar syarikat Start-up ditetapkan sebanyak 75 ribu ringgit. Usahawan ekspatriat Start-up yang layak akan diberi *Startup Work Pass* untuk tempoh satu tahun.



STRATEGI KEEMPAT: MEMPERKASA AGENDA BUMIPUTERA

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak merdeka, semua perancangan serta dasar ekonomi Melayu dan Bumiputera oleh pihak Kerajaan telah digubal berasaskan perhitungan komposisi masyarakat majmuk tersebut. Secara prinsipnya, perkara dan amalan ini telah diterima pakai sebagai satu kontrak sosial sejak sekian lama oleh seluruh rakyat Malaysia, dilindungi, dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Makanya, Melayu dan Bumiputera sebagai teras kepada agenda nasional tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Sesungguhnya, sebarang prakarsa bersifat nasional yang tidak mengambil kira atau mengabaikan agenda Melayu serta Bumiputera sama ada Islam mahupun bukan Islam, adalah tidak adil dan tidak saksama.

Hatta, sejarah telah membuktikan sejak puluhan tahun dilaksanakan, bukan sahaja orang Melayu dan Bumiputera, bahkan semua rakyat Malaysia berkongsi nikmat, meraih manfaat bersama, hasil daripada pembangunan ekonomi negara. Jelasnya, ini telah kita lakukan bukanlah dengan mengambil, atau meniadakan hak sesiapa, tetapi sebenarnya melalui penciptaan kekayaan baru dan penjanaan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Apatah lagi menjelang 2020, jumlah Melayu dan Bumiputera, Islam dan Bukan Islam, akan mencapai lebih 70 peratus.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

TINDAKAN KEDUA:

Memantapkan Keusahawanan Bumiputera

Bagi melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera, beberapa inisiatif telah dirancang:

- Pertama** Memperkukuh peranan Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN sebagai Pusat Kecemerlangan Keusahawanan Bumiputera;
- Kedua** Merancang lagi program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB dengan peruntukan tambahan sebanyak 30 juta ringgit. Program ini juga akan diperluaskan penyertaannya kepada usahawan di Sabah dan Sarawak;
- Ketiga** Memperkenalkan program pre-eksport untuk syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi atau TERAS bagi meningkatkan penjenamaan, pensijilan antarabangsa, dan market survey keluaran Bumiputera. Program ini menyasarkan 60 syarikat TERAS yang dapat meningkatkan kapasiti dan menembusi pasaran antarabangsa; dan
- Keempat** Memperluaskan program *carve-out and compete* secara meritokrasi meliputi projek Kerajaan dan penswastaan, termasuk projek MRT jajaran kedua dan Lebuhraya Pan Borneo.



TINDAKAN KETIGA:

PKS Bumiputera

Bagi PLS Bumiputera pula, antara inisiatif-inisiatif khusus yang akan dilaksanakan melalui Bajet 2015 adalah seperti berikut:

- Pertama** Lembaga Tabung Haji akan memperuntukkan 200 juta ringgit bagi penubuhan Akaun Pelaburan Terhad patuh syariah di Bank Islam. Tujuan akaun ini adalah bagi menyediakan kemudahan pembiayaan dan kredit yang bernilai antara 50 ribu hingga 1 juta ringgit mulai Januari 2015; dan
- Kedua** Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM akan menggunakan sumber dalaman berjumlah 1.8 bilion ringgit untuk menyediakan pembiayaan yang dapat memanfaatkan 346 ribu sahabat AIM.

TINDAKAN KEEMPAT:

Membangunkan Modal Insan Bumiputera

Sebagai sebuah institusi unggul Bumiputera, MARA perlu terus diperteguhkan. Pastinya, antara aspek yang terpenting ialah Pembangunan Modal Insan. Ia merupakan salah satu pelengkap bagi Memperkasa Agenda Bumiputera. Dalam hal ini Kerajaan telah menyediakan inisiatif-inisiatif berikut:

- Pertama** 2 bilion ringgit diperuntukkan menerusi MARA kepada pelajar Bumiputera yang layak untuk tajaan pelajaran;
- Kedua** 72 juta ringgit akan digunakan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera dalam pelaksanaan 3 program dalam bentuk biasiswa, latihan dan bantuan kewangan yang keseluruhannya melibatkan 5 ribu orang; dan
- Ketiga** Menubuhkan Pusat Perakaunan Profesional di Universiti Teknologi Mara dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan amat prihatin dalam membangun dan membela nasib rakyat di Sabah dan Sarawak dalam agenda pembangunan negara.

Sehubungan itu, sebagaimana Projek Lebuhraya Utara-Selatan telah mentransformasikan pembangunan dari Perlis ke Johor, Kerajaan akan mula membina Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 1,663 kilometer melibatkan jajaran Sarawak sepanjang 936 kilometer dan jajaran Sabah sepanjang 727 kilometer dengan kos pembinaan sebanyak 27 bilion ringgit.

Menerusi NBOS pula, satu lagi mini UTC dan RTC masing-masing di Sabah dan Sarawak akan dibuka bagi memudahkan urusan masyarakat di pedalaman dan bandar.

Membina Klinik Kesihatan di Tenom, Sabah dan di Lubok Antu, Sarawak, serta menaik taraf kemudahan di Hospital Tawau. Kerajaan akan turut menyediakan perkhidmatan perubatan nuklear dan radioterapi bagi merawat pesakit kanser di Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Likas Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai pesisiran pantai yang panjang dan luas. Justeru, bagi memperkukuhkan keselamatan di kawasan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah atau ESSZONE, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau ESSCOM diperuntukkan 660 juta ringgit.

Dua batalion melibatkan satu batalion PGA PDRM dan satu batalion Tentera Darat dengan jumlah anggota baru seramai 1,280 anggota telah diluluskan. Dua buah kem juga akan dibina di ESSZONE iaitu Kem Batalion 20 PGA di Beluran dan Kem ATM di Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Di samping itu, kelengkapan operasi pertahanan dan keselamatan akan ditambah baik. Antaranya perolehan sistem radar pengawasan yang berkeupayaan tinggi. Kerajaan juga akan menggunakan satu pelantar minyak yang diubahsuai dan sebuah kapal auxillary sebagai *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan peruntukan sebanyak 230 juta ringgit melalui program CSR Petronas.

Sebagai tambahan, untuk membolehkan pesawat berkeupayaan tinggi mendarat, Kerajaan akan memanjangkan landasan lapangan terbang di Lahad Datu dan perpindahan *Skudron Hawk* dari Butterworth ke Labuan, dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit.

Kerajaan juga akan menempatkan semula perkampungan-perkampungan air seperti di Semporna dan Sandakan secara berperingkat. Kerajaan berharap dengan inisiatif ini, keselamatan rakyat Malaysia di Sabah akan terus terjamin dan aktiviti ekonomi akan terus rancak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Memperkukuh Rantaian Bekalan Makanan di Sabah dan Sarawak, julung-julung kalinya subsidi padi bukit diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak 70 juta ringgit. Bantuan ini akan memberi manfaat kepada kawasan penanaman seluas 76,000 hektar.

Hakikatnya, Kerajaan amat mementingkan kesejahteraan rakyat, terutama yang melibatkan aspek kos sara hidup seharian mereka. Justeru, Kerajaan akan berusaha untuk menyeimbangkan harga barang keperluan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak melalui langkah-langkah berikut:

Pertama 262 juta ringgit bagi membiayai kos pengangkutan dan penguatkuasaan kawalan harga barangan keperluan harian terutamanya di Sabah dan Sarawak; dan

Kedua Tambahan 2 buah KR1M di Sabah menjadikan jumlah 16 buah dan 3 buah lagi di Sarawak menjadikan 19 buah.

Sesungguhnya, agenda pembelaan nasib rakyat di Sabah dan Sarawak, *Agi Idup Agi Ngelaban*, akan tatap kita perjuangkan.



STRATEGI KELIMA: MEMARTABAT PERANAN WANITA

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya wanita sangat istimewa. Keunikan mereka bukan sekadar penyeri kepada sesebuah keluarga, malahan menjadi penyuluh dalam mengatasi banyak permasalahan kehidupan. Bahkan wanita itulah tulang belakang pembangunan negara. Sesuai dengan itu, Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam memastikan mereka terus berperanan dalam mewarnai negara dan generasi mendatang.

Pada masa ini, pekerja wanita hanya mewakili 38 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja di negara ini. Bagi meningkatkan sumbangan wanita dalam pembangunan negara, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha mempergiatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja dan aktiviti keusahawanan. Atas tujuan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, diperuntukkan sejumlah 2.26 bilion ringgit bagi pembangunan dan operasi. Antaranya program-programnya termasuklah:

Pertama Memperkukuh Program Pengarah Wanita bagi mencapai 30 peratus penglibatan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan. Kerajaan merancang untuk melatih 125 orang bakal pengarah wanita untuk mengisi jawatan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat berkaitan Kerajaan dan swasta. Saya menyeru syarikat milik Kerajaan dan swasta memberi peluang kepada lebih ramai wanita profesional menjadi ahli lembaga pengarah;

Kedua Menambah baik peluang wanita untuk kembali ke pasaran kerja melalui program *1Malaysia Support for Housewife* yang menitikberatkan latihan kemahiran dan galakan suri rumah; dan

Ketiga Talent Corp akan mewujudkan *Program Women Career Comeback* untuk wanita profesional kembali ke pasaran pekerjaan berdasarkan kelayakan profesional.

Kerajaan juga sentiasa peka terhadap kesejahteraan golongan wanita terutamanya dari aspek keselamatan. Sehubungan itu, Kerajaan akan membeli premis Rumah Perlindungan Khas Wanita mengikut zon wilayah timur, utara dan tengah. Selain itu, bagi memberi peluang kepada ibu tunggal yang berminat dalam keusahawanan, Kerajaan akan meneruskan Program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal atau I-KIT, Program Inkubator Keusahawanan Wanita dan Program Teras Pembangunan Wanita.

Seterusnya, susulan daripada pembiayaan keseluruhan yang disediakan di bawah AIM, usahawan wanita India akan diberi peruntukan khusus sebanyak 30 juta ringgit.

Selain itu, bagi Penjawat Awam, Kerajaan bersetuju menambah baik kemudahan Cuti Menjaga Anak dengan meminda syarat pemberian supaya tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin berkuat kuasa 1 Januari 2015. Kemudahan ini terhad untuk tempoh satu tahun dan diperluaskan kepada pegawai wanita yang mempunyai anak tiri tanggungan, anak angkat yang diambil mengikut undang-undang, anak pelihara dan anak kurang upaya.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak di premis pejabat swasta, garis panduan sedia ada akan dipinda.

Mulai Januari 2015, Kerajaan akan membenarkan majikan mengendalikan pusat penjagaan kanak-kanak melebihi tingkat dua, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Tuntasnya, apa yang dilakukan oleh Kerajaan ini, sudah tentu mampu mengangkat martabat wanita, dalam berperanan aktif di persada negara.

STRATEGI KEENAM: MEMBANGUN PROGRAM TRANSFORMASI BELIA NEGARA

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi saya belia bukan sekadar harapan bangsa, tidak hanya setakat aset atau rakan kongsi kepada pembangunan negara, malah nilai belia adalah lebih daripada kesemuanya itu. Bertolak daripada itu, Kerajaan prihatin kepada kehidupan generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan dan memikul amanah demi kemajuan dan kemakmuran masa depan Malaysia yang kita cintai ini.

Pelan Transformasi Belia Negara

Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan melancarkan Pelan Transformasi Belia Negara. Bagi menjayakan pelbagai program belia, sebanyak 320 juta ringgit diperuntukan untuk tujuan berikut:

- Pertama** Mengkaji semula Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN dan satu konsep baru yang menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan akan diperkenalkan dalam sedikit masa lagi;
- Kedua** Menambah baik program Rakan Muda dan memperkenalkan program Kem Uniti;
- Ketiga** Mengukuhkan aspek kepimpinan belia melalui pengenalan program Akademi Kepimpinan Belia untuk mengasah bakat kepimpinan di kalangan Belia Malaysia;
- Keempat** Mempergiatkan program sukarelawan belia melalui 1M4U dan memperkenalkan program MyCorp. Program MyCorp melibatkan belia menjalankan aktiviti sukarela kebajikan dan sosio ekonomi di peringkat antarabangsa dengan peruntukan 10 juta ringgit;
- Kelima** Menggilap bakat keusahawanan di kalangan belia melalui Program MaGIC, SME Bank dan Agro Bank serta memperkenalkan *Online Resource Centre* dan menganjur persidangan keusahawanan sosial antarabangsa;
- Keenam** Melaksanakan Program Agropreneur Muda oleh FAMA yang melibatkan 1,200 orang belia dengan sasaran pendapatan melebihi 5,000 ringgit sebulan; dan
- Ketujuh** Meningkatkan keupayaan dan kemahiran belia melalui Program Transformasi IKBN dan Program *Coding Bootcamp* serta program Projek Angkat dan Upaya atau PADU.

1Malaysia Youth City

Kerajaan juga berhasrat supaya satu ekosistem komprehensif yang disertai belia dapat disediakan untuk meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan dan keusahawanan serta dapat menikmati kemudahan perumahan dan rekreasi. Untuk ini, Kerajaan akan mewujudkan 1Malaysia Youth City dengan peruntukan 100 juta ringgit bagi membiayai tiga projek perintis di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Skim Perumahan Belia atau Youth Housing Scheme

Bila mengupas ehwal belia juga, pemilikan rumah merupakan satu isu besar khususnya soal harga rumah dan kebolehiayaan. Menyedari permasalahan ini, sukacita saya mengumumkan Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme* secara perkongsian pintar di antara Kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas.

Skim ini menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi 500 ribu ringgit, kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi 10 ribu ringgit. Tempoh pembiayaan maksimum adalah 35 tahun.

Di bawah skim ini, sebanyak 200 ringgit sebulan diberikan oleh Kerajaan untuk tempoh 2 tahun pertama bagi mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan. Pengecualian sebanyak 50 peratus duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman juga diberi.

Lebih menarik, Kerajaan turut menyediakan jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus, bagi membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan penuh termasuk kos insurans. Peminjam juga boleh mengeluarkan wang daripada Akaun 2 KWSP mereka untuk menampung pembayaran ansuran bulanan dan kos lain yang berkaitan.

Oleh itu, saya menyeru golongan belia supaya merebut peluang ini yang ditawarkan secara "*first come first served basis*" untuk 20,000 unit rumah sahaja.

Blueprint Negara Bersukan atau Sporting Nation

Pada aspek lain, Kerajaan akan mengambil langkah bersepadu ke arah mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan. Untuk ini, Kerajaan akan merealisasikan Blueprint Negara Bersukan atau Sporting Nation. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan memperuntukkan 103 juta ringgit bagi melaksanakan langkah-langkah berikut:

- Pertama** Memastikan kelestarian dan kesinambungan bakat sukan bermula daripada peringkat sekolah rendah melalui Program *Malaysian Talent Identification*. Program ini melibatkan pengujian, saringan dan pengkhususan bakat di kalangan pelajar sekolah;
- Kedua** Meningkatkan mutu sukan berprestasi tinggi untuk enam bidang sukan terpilih dalam fasa pertama iaitu Bola Sepak, Berbasikal, Badminton, Sepak Takraw, Renang dan Olahraga;
- Ketiga** Menyemarakkan Program *FitMalaysia* yang menumpukan kepada kecergasan fizikal; dan
- Keempat** Menyambut Hari Sukan Negara pada hari Sabtu pertama dalam bulan November pada setiap tahun dengan penglibatan sektor awam, swasta dan rakyat secara serentak di seluruh negara.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

STRATEGI KETUJUH : MENSEJAHTERA RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya, kemakmuran sesebuah negara bergantung juga kepada kemampuannya untuk menyediakan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Bantuan Persekolahan

Sebagai langkah meringankan beban perbelanjaan awal persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa dan penjaga pelajar, khususnya golongan berpendapatan rendah, Kerajaan akan meneruskan bantuan persekolahan. Bantuan sebanyak 100 ringgit seorang, akan disalurkan mulai Januari tahun depan kepada seramai 5.4 juta pelajar, sekolah rendah dan menengah dengan peruntukan sebanyak 540 juta ringgit.

Program Baucar Buku 1Malaysia

Selanjutnya, bagi tujuan pembelian buku-buku rujukan dan peralatan pengajian, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Program Baucar Buku 1Malaysia dengan kadar bantuan 250 ringgit seorang. Program ini diperuntukkan sejumlah 325 juta ringgit dan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.3 juta pelajar.

Memperkuh Rantaian Bekalan Makanan

Bagi Memperkuh Rantaian Bekalan Makanan, di samping membantu petani, penternak dan nelayan menambah pendapatan, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 6 bilion ringgit kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antaranya inisiatif yang akan dilaksanakan ialah:

- Pertama** Mulai tahun 2015 sehingga 2017, Kerajaan akan membuka 65 buah Pasar Tani Kekal dan 50 buah Pasar Ikan yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih. Setakat ini terdapat 526 pasar tani dan 50 pasar ikan di seluruh negara;
- Kedua** Memperkenalkan program lelongan sayur-sayuran berkualiti dengan harga berpatutan, setiap minggu di 85 lokasi Pusat Operasi Urusniaga FAMA dan pasar tani terpilih di seluruh negara;
- Ketiga** Merencanakan penanaman dan tanaman semula pokok buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, rambutan serta memperhebatkan Program Jom Bertani supaya rakyat mengusahakan tanaman kontan dan sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri; dan
- Keempat** Menyediakan geran pamadanan sebanyak 100 juta ringgit kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membolehkan ahli-ahlinya membuat pinjaman bagi meningkatkan produktiviti ladang dan rangkaian pemasaran.

Selain itu, Kerajaan akan mempergiatkan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu di Rompin, Batang Lupar, Kota Belud dan Pekan yang melibatkan kawasan tanaman padi seluas 25,905 hektar. Bagi tujuan ini, sebagai permulaan, Kerajaan memperuntukkan 100 juta ringgit.

Pembangunan dan Kebajikan Nelayan

Tuan Yang di-Pertua,

Semua lapisan rakyat, tidak kira di mana, adalah penting. Kerajaan amat prihatin tentang pembangunan dan kebajikan nelayan yang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran hidup. Dalam menangani masalah pendapatan nelayan yang tidak menentu terutamanya ketika musim tengkujuh, serta persekitaran perkampungan nelayan yang tidak selesa, Kerajaan akan:

- Pertama** Menaikkan elaun sara hidup nelayan Zon A kepada 300 ringgit daripada 200 ringgit sebulan. Bagi nelayan Zon B dan C, elaun sara hidup dinaikkan kepada 250 ringgit sebulan;
- Kedua** Bagi nelayan darat sepenuh masa, buat pertama kalinya akan diberi elaun 200 ringgit sebulan. Pemberian elaun ini melibatkan lebih 44 ribu nelayan;
- Ketiga** Mempergiatkan lagi aktiviti akuakultur seperti ternakan ikan, udang, kupang dan tiram dalam sangkar bagi mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan yang terjejas terutama di musim tengkujuh. Untuk ini, sebanyak 60 juta ringgit diperuntukkan; dan
- Keempat** Memasang *Automatic Identification System* ke atas bot-bot nelayan untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan, memastikan kedudukan bot nelayan berdasarkan zon tangkapan dan mengurangkan kos operasi. Untuk tujuan ini, 27 juta ringgit diperuntukkan.

Dalam Bajet 2012, saya telah mengumumkan peruntukan sebanyak 300 juta ringgit untuk Projek Khas Perumahan Nelayan bagi membaik pulih dan membina rumah nelayan. Sebagai meneruskan usaha murni ini, sukacita saya mengumumkan tambahan 250 juta ringgit untuk projek perumahan nelayan dan bagi menyempurnakan lagi perkampungan nelayan.

Program Penyeragaman Harga dan Kedai Rakyat 1Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited melaksanakan beberapa inisiatif termasuklah program penyeragaman harga, pemberian subsidi pengangkutan dan pembukaan lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia. Untuk itu, antara langkah yang akan dilaksanakan oleh KPDNKK adalah:

- Pertama** Menambah 20 buah lagi Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M di Semenanjung;
- Kedua** Mewujudkan dan memberi peruntukan kepada kumpulan pemantau harga atau price watch team dari kalangan persatuan pengguna; dan
- Ketiga** Memperkuhkan Unit Penguatkuasaan GST dengan 2,270 anggota, Unit Pemantauan Harga seramai 1,300 anggota dan Skwad Pengguna seramai 202,800 sukarelawan serta penglibatan 579 penghulu dan penggawa.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Mempertingkatkan Sistem Pengangkutan Awam

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempertingkatkan sistem pengangkutan awam pula, Kerajaan akan memperkenalkan beberapa program berikut:

Pertama Menyediakan perkhidmatan bas antara bandar kepada penduduk yang menetap di luar tetapi bekerja di Kuala Lumpur. Kemudahan ini menawarkan tambang bulanan pada kadar diskaun 30 peratus. Sebagai permulaan, 3 laluan bas akan beroperasi iaitu Rawang-KL; Klang-KL dan Seremban-KL;

Kedua Menyediakan perkhidmatan Electric Train Service atau ETS Ipoh-Butterworth bermula pada April 2015; dan

Ketiga Menambah baik Perkhidmatan Bas Berhenti-henti di beberapa ibu negeri melalui sistem kontrak dengan syarikat bas sedia ada. Pelaksanaan program ini adalah secara berperingkat dan akan melibatkan Bandaraya Kuching, Ipoh, Seremban, Kuala Terengganu dan Kangar.



Bantuan Khas Kepada Pekebun Kecil Getah dan Kelapa Sawit

Tuan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini Kerajaan telah memberi bantuan khas sebanyak 500 ringgit secara one-off kepada pekebun kecil getah yang terjejas akibat kejatuhan harga getah. Lembaga Getah Malaysia atau LGM akan memperuntukkan 100 juta ringgit bagi melaksanakan mekanisme kawal selia harga di peringkat ladang untuk melindungi pekebun kecil daripada mengalami kerugian terutamanya sewaktu harga pasaran dunia lebih rendah daripada harga minimum yang ditetapkan. LGM akan turut menyediakan pinjaman mudah berjumlah 6.4 juta ringgit sebagai modal pusingan kepada 64 buah koperasi pekebun kecil bagi membeli getah terus daripada kira-kira 442,000 pekebun kecil getah di seluruh negara.

Bagi pekebun kecil kelapa sawit pula, Kerajaan akan meneruskan insentif untuk penanaman baru dan penanaman semula dengan peruntukan sebanyak 41 juta ringgit. Di samping itu, pengecualian duti eksport minyak sawit mentah atau CPO akan dilanjutkan sehingga bulan Disember 2014.

Perkhidmatan dan Kemudahan Kesihatan

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perkhidmatan dan kemudahan kesihatan rakyat, Kerajaan akan memperuntukkan 23.3 bilion ringgit untuk pelaksanaan inisiatif berikut:

Pertama Membina dua buah hospital iaitu Hospital Dungun di Terengganu dan Hospital Seri Iskandar di Perak. Membina 20 Klinik Kesihatan dan 4 Klinik Pergigian antaranya di Klinik Kesihatan di Kuala Lipis, Pahang, dan Klinik Pergigian di Kluang, Johor;

Kedua Menambah 30 Klinik 1Malaysia yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 290 buah di seluruh negara dan membina sebuah Klinik Kesihatan di Cyberjaya. Kerajaan juga akan menempatkan 30 orang doktor perubatan di 30 Klinik 1Malaysia;

Ketiga Mengganti 635 unit mesin hemodialisis di hospital dan klinik Kerajaan dengan peruntukan sebanyak 30 juta ringgit. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta, Kerajaan akan menyediakan ruang di hospital dan klinik kesihatan Kerajaan untuk menempatkan 244 buah mesin hemodialisis lagi yang akan disumbangkan oleh sektor swasta dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat mereka; dan

Keempat Menyediakan ubat-ubatan bagi pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis kronik dan akut dengan peruntukan sebanyak 45.4 juta ringgit.

Pada masa ini, perbelanjaan perubatan penyakit serius seperti kanser, kegagalan buah pinggang dan serangan jantung telah diberi pelepasan cukai sehingga 5,000 ringgit. Bagi meringankan tanggungan kos rawatan dan perubatan penyakit serius ini, Kerajaan mencadangkan pelepasan cukai ini ditingkatkan kepada 6,000 ringgit. Pelepasan cukai ini bukan sahaja untuk pembayar cukai itu sendiri tetapi juga meliputi pasangan dan anak.

Mutakhir ini, penularan wabak demam denggi semakin serius. Bagi mengekang penularan wabak berkenaan, program pencegahan denggi akan dipertingkatkan, melalui kesedaran komuniti dan perolehan peralatan pencegahan denggi seperti *re-agen*, *Ultra Low Volume* dan *Mist Blower*.

Di samping itu, Kerajaan akan mengagihkan sebanyak 55 ribu test kit denggi kepada semua klinik swasta untuk mempercepatkan proses pengesanan awal denggi secara percuma. Untuk itu, sebanyak 30 juta ringgit diperuntukkan.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terutama kepada golongan yang memerlukan. Selaras dengan ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 2.2 bilion ringgit kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan program berikut:

- Pertama** Menyediakan 1.2 bilion ringgit bantuan kewangan kepada keluarga miskin, kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya atau OKU. Untuk menunjukkan keprihatinan kepada golongan ini, Kerajaan bersetuju kadar bantuan bagi OKU bekerja dinaikkan daripada 300 ringgit kepada 350 ringgit manakala bagi OKU tidak bekerja dinaikkan daripada 150 ringgit kepada 200 ringgit. Ini memberi manfaat kepada 110 ribu OKU, dengan peruntukan 66 juta ringgit;
- Kedua** Menaikkan pelepasan cukai bagi setiap anak yang OKU daripada 5,000 ringgit kepada 6,000 ringgit;
- Ketiga** Menaikkan pelepasan cukai bagi pembelian peralatan sokongan asas bagi diri sendiri, pasangan, anak dan ibu bapa yang OKU daripada 5,000 ringgit kepada 6,000 ringgit;
- Keempat** Menaikkan kadar makanan harian 8,700 penghuni di 63 institusi Jabatan Kemajuan Masyarakat daripada 8 ringgit kepada 16 ringgit;
- Kelima** Meningkatkan geran tahunan Majlis Kebangsaan bagi OKU, daripada 500 ribu ringgit kepada 1 juta ringgit; dan
- Keenam** Menambah 5 buah Pusat Aktiviti Warga Emas menjadikan 50 buah di seluruh negara serta Unit Penyayang Warga Emas yang menyediakan pengangkutan percuma kepada warga emas ke hospital.



Di samping itu, bagi mengukuhkan pendidikan awal kanak-kanak, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak 711 juta ringgit kepada Kementerian Pendidikan, Tabika Kemas, PERMATA dan Tabika Perpaduan.

UCAPAN BAJET 2015

BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Pemilikan Rumah

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menangani isu pemilikan rumah dengan harga yang berpatutan, pelbagai projek dan program akan terus dilaksanakan, antaranya:

- Pertama** Membina 80 ribu unit rumah PR1MA dengan peruntukan sebanyak 1.3 bilion ringgit. Had kelayakan pendapatan isi rumah juga dinaikkan daripada 8 ribu ringgit kepada 10 ribu ringgit. Selain itu, Skim Pembiayaan Sewa-beli atau rent-to-own akan diperkenalkan kepada individu yang tidak berupaya mendapat pembiayaan daripada bank;
- Kedua** Membina 26 ribu unit rumah Program Perumahan Rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara dengan peruntukan sebanyak 644 juta ringgit; dan
- Ketiga** Membina 12 ribu unit Rumah Mesra Rakyat dan 5 ribu unit Rumah Idaman Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Di samping itu, SPNB juga akan membina 20 ribu unit Rumah Aspirasi Rakyat di atas tanah persendirian.

Bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah pertama dan mengurangkan kos membeli rumah, Kerajaan bersetuju melanjutkan pengecualian duti setem 50 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman serta menaikkan had harga rumah daripada 400 ribu ringgit kepada 500 ribu ringgit. Pengecualian ini diberikan sehingga 31 Disember 2016.

Kerajaan juga bersetuju menambah baik program Skim Rumah Pertamaku kendalian Cagamas, dengan menaikkan had nilai harga rumah kepada 500 ribu ringgit, selaras dengan pengecualian duti setem tersebut. Di samping itu, had kelayakan umur peminjam bagi skim ini akan dinaikkan daripada 35 kepada 40 tahun.

Bagi memberi keselesaan kepada rakyat yang mendiami perumahan kos rendah awam, peruntukan penyelenggaraan sebanyak 40 juta ringgit disediakan di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan Awam. Manakala bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah swasta pula, 100 juta ringgit disediakan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, cukai keuntungan ke atas pelupusan sesuatu harta tanah di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ditaksir secara formal. Kerajaan telah melaksanakan sistem taksiran sendiri bagi cukai pendapatan individu dan syarikat sejak tahun 2001 dan 2004. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terus memodenkan sistem percukaian negara dan memandangkan pembayar cukai pada masa ini lebih bertanggungjawab, adalah dicadangkan mulai tahun 2016, cukai keuntungan ke atas pelupusan harta tanah ditaksir secara sendiri bagi tujuan pengiraan cukai keuntungan harta tanah.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT



Kemudahan dan Infrastruktur Luar Bandar

Kerajaan juga terus komited menyediakan dan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur luar bandar. Sejumlah 4.5 bilion ringgit akan diperuntukkan terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan program berikut, antaranya:

- Pertama** Projek jalan luar bandar sepanjang 635 kilometer termasuk bekas jalan-jalan balak di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak 943 juta ringgit;
- Kedua** Melaksanakan program penyambungan bekalan elektrik kepada lebih 15 ribu buah rumah dengan peruntukan sebanyak 1.1 bilion ringgit;
- Ketiga** Program bekalan air bersih luar bandar kepada 7,500 buah rumah dengan peruntukan sebanyak 394 juta ringgit;
- Keempat** Program membina dan membaik pulih rumah usang melibatkan 9,500 buah rumah dengan peruntukan sebanyak 200 juta ringgit;
- Kelima** Meningkatkan mutu perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak melalui penyelenggaraan dan sewaan pesawat baru dengan peruntukan sebanyak 160 juta ringgit;
- Keenam** Melaksanakan program pembangunan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan penambahbaikan taraf hidup masyarakat Orang Asli dengan peruntukan sebanyak 352 juta ringgit; dan
- Ketujuh** Menambah sepuluh batang tiang lampu menjadikannya 20 batang tiang lampu di setiap kampung di seluruh negara yang melibatkan lebih 22 ribu kampung dengan peruntukan sebanyak 26 juta ringgit. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 56 juta ringgit bagi menyediakan lampu jalan kampung.

UCAPAN BAJET 2015

BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

National Water Blueprint

Tuan Yang di-Pertua,

Bekalan air merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian setiap insan dan industri. Sehubungan itu, Kerajaan akan menyediakan *National Water Blueprint* bagi memastikan kelangsungan bekalan air di seluruh negara untuk jangka panjang. Ini termasuk pengurusan sungai secara holistik, pembinaan dan penambahbaikan loji-loji rawatan air.

Sumber bekalan air juga dipelbagaikan melalui penerokaan air bawah tanah, penggunaan semula air terawat untuk industri dan pertanian serta meluaskan penggunaan *storm water retainer system*. Bagi mengatasi kekurangan bekalan air di Lembah Klang, pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 akan digiatkan. Ini melibatkan kos sebanyak 3 bilion ringgit yang mampu menambah bekalan air terawat sebanyak 1,130 juta liter sehari.

Di samping itu, untuk mengatasi masalah kehilangan air tidak berhasil atau *Non Revenue Water*, sebanyak 112 juta ringgit diperuntukkan bagi kerja-kerja mewujudkan zon kawalan kebocoran, menjalankan kerja pengesanan dan pembaikan paip-paip bocor.

Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta pertahanan negara, peruntukan sebanyak 17.7 bilion ringgit disediakan untuk Angkatan Tentera Malaysia, sementara sebanyak 9.1 bilion ringgit diperuntukkan untuk Polis DiRaja Malaysia. Sejumlah 804 juta ringgit juga, diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi memperkukuhkan penguatkuasaan maritim.

Kerajaan komited untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini, yang menjadi salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara. Untuk ini, Kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak 11,757 perjawatan anggota polis, selain membina sebanyak 14 Ibu Pejabat Polis dan Balai Polis, termasuk bangunan baharu IPK Perlis serta terus memperkukuhkan dengan penambahan 1,000 lagi unit rondaan bermotosikal PDRM. Selain itu, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 121 juta ringgit kepada PDRM untuk melaksanakan pelbagai program NKRA.

Bagi meningkatkan kesiapsiagaan aset dan anggota tentera, sebanyak 7 bilion ringgit diperuntukkan untuk memperoleh dan menyelenggara aset-aset pertahanan. Selain itu, kebajikan anggota tentera akan dipertingkatkan termasuk perkhidmatan kesihatan dan penyediaan kediaman.

Manakala, bagi meningkatkan keselamatan maritim, APMM disediakan peruntukan sebanyak 393 juta ringgit. Ini adalah untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pembelian 7 buah kapal peronda baharu.

Selain itu, Jabatan Sukarelawan Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri atau RELA, akan terus memainkan peranan sebagai sebuah agensi sukarelawan untuk membantu pasukan keselamatan dalam mengekalkan keselamatan dan keamanan negara. Sebanyak 117 juta ringgit akan disediakan terutamanya untuk latihan dan bina upaya bagi mengukuh peranan RELA.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Pemeriksaan NGO

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dahulu, Kerajaan sememangnya mengiktiraf peranan penting NGO. Justeru, saya mengisytiharkan tahun hadapan sebagai pemeriksaan NGO dan kesukarelawan atau MyNGO 2015. Untuk itu, geran secara one-off dengan peruntukan 50 juta ringgit disediakan kepada NGO berwibawa termasuk yang beruniform, melibatkan program berasaskan pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kepenggunaan, kesihatan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli-ahli Dewan yang mulia, serta rakyat Malaysia dikasihi sekalian yang sedang menyaksikan bajet 2015 ini, di kaca-kaca televisyen dan mendengar di corong-corong radio luar sana.

Bersyukurlah...bersyukurlah... kita semua berpijak di atas bumi yang aman, sentosa lagi permai. Menjunjung pula langit luas terbentang. Secara geografinya, tanah air bertuah ini, terpisah oleh Laut China Selatan, menggabungkan Tanah Semenanjung, dengan Sabah dan Sarawak sebagai sebuah kesatuan yang berkeramat, bermula dari Arau, Perlis, membawa hingga ke Semporna, Sabah sampai ke penghujung Ulu Lachau, Sarawak meliputi kawasan seluas hampir 330,290 kilometer persegi.

Tuan Yang di-Pertua,

Sudah menjadi lumrah kehidupan ada pasang surutnya. Bak kata pujangga..., musim panas..., kehujanan..., musim hujan..., kepanasan. Sesungguhnya, tahun 2014 menjadi takwim yang penuh dugaan. Pada suku tahun pertama, belum pun lagi reda dengan misteri kehilangan MH370, rakyat Malaysia dikejutkan pula dengan peristiwa tragik pesawat MH17 milik *Malaysia Airlines System* ditembak jatuh di Timur Ukraine.

Meski apapun, berbekal pengertian surah ke-94 Al-Insyirah, pada setiap kesukaran itu pastinya ada hikmah-hikmah dan kesenangan yang menanti. Tampaknya, rakyat Malaysia menerima dengan tenang dan tabah akan apa yang telah berlaku. Kita telah bersatu dalam suasana kesedihan, membentuk solidariti yang tidak terpecah bentengnya.

Menghadapi krisis ini, Kerajaan telah berusaha tanpa lelah, sehingga tidak pernah terjadi dalam sejarah, perundingan penuh dramatik dan berdiplomasi dengan puak pemisah yang tidak beridentiti negara, demi mencari penyelesaian mendapatkan kotak hitam, memasuki kawasan kejadian, sehingga berjaya membawa pulang, hampir kesemua jenazah yang terkorban kembali ke bumi Malaysia di mana mereka berasal.

Walau apapun, *life goes on*, hidup perlu diteruskan, *when things get tough, the tough gets going*. Apa yang mustahaknya, apabila cabaran datang melanda, rakyat Malaysia telah berjaya keluar sebagai juara.

Tuan Yang di-Pertua,

Di atas segalanya, memetik madah Rabindranath Tagore, seorang pujangga terkenal bahawa, "...Janganlah kita menangis kerana matahari telah menghilang sebentar daripada kehidupan, kerana air mata itu bisa menghalang kita melihat bintang-bintang yang masih bergemerlapan..."

Pusat Percetakan Al-Quran

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin, dalam kemajmukan dan kepelbagaian agama, masing-masing telah pun berbuat sehabis baik dan berdoa mengikut kepercayaan semua demi kebaikan Malaysia. Bagi pihak Kerajaan pula, antara lain, kita menzahirkan rasa syukur atas banyak kurniaan Ilahi dan bersetuju membina Pusat Percetakan Al-Quran di Putrajaya, yakni kedua terbesar di dunia selepas Arab Saudi. Pusat ini atas inisiatif Kerajaan, bersama Yayasan Restu, dijangka dapat mencetak sehingga sejuta naskhah Al-Quran setahun untuk diedarkan ke seluruh dunia. Selain itu, Pusat ini juga akan menjadi tempat tumpuan penggiat dan penggemar seni khat. Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan 30 juta ringgit bagi tempoh tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti saban tahun, saya sebutkan bahawa, Malaysia yang terbina seutuh ini, tidak lain dan tidak bukan, hasil mahsul kerja keras Kerajaan Barisan Nasional, selama berdekad-dekad yang disokong oleh rakyat. Tidak seperti pihak pembangkang yang sibuk merebut kuasa sesama sendiri, berkemelum dalam parti, sehingga pihak istana pun menjadi murka.

Tuan Yang di-Pertua,

Alhamdulillah..., Alhamdulillah..., di celah-celah pelbagai dugaan ini, Malaysia melangkah gagah dengan banyak catatan pencapaian di peringkat global, antaranya:

- Pertama** Memperbaiki kedudukan dalam Laporan *World Competitiveness Index 2014*, menduduki tangga ke-12 daripada tangga ke-15 pada tahun sebelumnya. Kedudukan tersebut menunjukkan kita lebih kompetitif berbanding United Kingdom, Australia dan Finland;
- Kedua** Menduduki tangga ke-3 terbaik daripada 22 buah negara bagi penilaian *Best Emerging Markets* yang dikeluarkan oleh Bloomberg; dan
- Ketiga** Menduduki tangga ke-6 daripada 189 buah negara, dalam Laporan *Ease of Doing Business* oleh Bank Dunia, di mana kita menduduki tangga pertama dalam aspek mendapatkan kemudahan pembiayaan.

Berhubung ini, menurut hadis, bersyukur kepada Tuhan, bererti juga, berterima kasih sesama manusia.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Penambahbaikan Perkhidmatan Awam

Maka demikian, jika pada bajet yang lalu, saya telah mengumumkan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan awam. Dalam bajet kali ini, kerajaan akan menambah baik lagi 252 skim perkhidmatan sedia ada, untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Di samping itu, bagi menghargai khidmat pegawai dan kakitangan kontrak KEMAS, JASA, JPNIN, JAKIM dan Seranta FELDA yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun dan telah tamat perkhidmatan kontrak mengikut umur persaraan wajib, Kerajaan bersetuju memberikan bantuan bulanan sebanyak 300 ringgit seorang. Inisiatif ini akan memanfaatkan 1,655 individu.

Perumahan kepada Penjawat Awam

Tuan Yang di-Pertua,

Sebetulnya, Kerajaan prihatin terhadap kesukaran penjawat awam untuk mendapat pembiayaan memiliki rumah. Oleh itu, saya mengumumkan had kelayakan minimum pinjaman perumahan dinaikkan daripada kadar 80 ribu ringgit, kepada 120 ribu ringgit dan bagi had kelayakan maksimum, dinaikkan daripada 450 ribu ringgit kepada 600 ribu ringgit. Serentak itu, wang pemprosesan permohonan pinjaman perumahan sebanyak 100 ringgit kita mansuhkan. Kedua-dua cadangan ini, berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.



Bertolak dari sini, Kerajaan juga komited untuk terus meningkatkan pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia atau PPA1M. Pada masa ini, sebanyak 10,639 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Pada tahun 2015, bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam memiliki rumah, Kerajaan bersetuju untuk membina 5,380 unit rumah lagi, iaitu di Putrajaya 1,600 unit; di Bukit Jalil 1,530 unit; di Papar, Sabah 1,290 unit dan di Bukit Pinang, Kedah 960 unit. Di samping itu, Kerajaan juga menambah baik PPA1M seperti berikut:

- Pertama** Menurunkan harga minimum rumah PPA1M yang kini berharga 150 ribu kepada 90 ribu ringgit seunit dengan keluasan lantai minimum 850 kaki persegi;
- Kedua** Menaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah daripada 8,000 ringgit kepada 10,000 ringgit; dan
- Ketiga** Menyediakan dana mudahcara sehingga 25 peratus daripada kos projek kepada pemaju yang menyertai skim PPA1M.

Laginya, keadaan rumah yang baik dan selesa didiami akan meningkatkan produktiviti penjawat awam. Untuk itu, Kerajaan menyediakan 500 juta ringgit untuk membaik pulih dan menyelenggara secara berperingkat kuarters tentera, polis, guru dan kakitangan kesihatan di seluruh negara. Sebanyak 105 juta ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk penyelenggaraan kuarters Kerajaan, di bawah Program *MyBeautiful Malaysia* yang melibatkan 126 lokasi.

UCAPAN BAJET 2015 BAJET 2015: EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT

Bantuan Rakyat 1Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan mengambil kira peningkatan hasil GST dan kemampuan fiskal Kerajaan, kita tingkatkan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M daripada 650 ringgit kepada 950 ringgit. Ini, untuk isi rumah berpendapatan bulanan tiga ribu ringgit ke bawah. Bantuan ini akan dibayar sebanyak tiga kali setahun, iaitu 300 ringgit akan dibayar pada Januari dan Mei, manakala bakinya sebanyak 350 ringgit akan dibayar mulai September 2015.

Seterusnya, bagi isi rumah berpendapatan bulanan antara tiga ribu hingga empat ribu ringgit, Kerajaan akan meningkatkan nilai BR1M daripada 450 ringgit kepada 750 ringgit.

Bantuan ini akan dibayar sebanyak tiga kali setahun juga, iaitu 200 ringgit akan dibayar pada Januari dan Mei, manakala bakinya sebanyak 350 ringgit akan dibayar mulai September 2015.

Bagi kategori individu bujang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan tidak melebihi dua ribu ringgit sebulan, Kerajaan akan meningkatkan nilai BR1M daripada 300 ringgit kepada 350 ringgit. Bayaran bantuan ini akan dibuat sekali gus mulai awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga akan menggantikan insurans takaful berkelompok atau i-BR1M yang telah diperkenalkan sebelum ini dengan Skim Khairat Kematian. Skim ini akan memberi manfaat kepada waris penerima BR1M dengan bantuan 1,000 ringgit yang akan berkuat kuasa selama setahun.

Menghargai Sumbangan Ahli Parlimen

Tuan Yang di-Pertua,

Kita sedar bahawa, tanggungjawab seorang Ahli Parlimen begitu besar dan bermakna pada komuniti dan masyarakat setempat. Ahli-ahli Parlimen adalah ketua yang perlu memimpin masyarakat setempat dari semua aspek termasuk kebajikan, keagamaan, sosial dan pendidikan.

Dengan kata lain, khidmat Ahli Parlimen sebagai wakil atau pemimpin di kawasan parlimen masing-masing adalah mendesak tidak kira waktu. Bagi mencerminkan tahap tanggungjawab dan kepimpinan ini, sukacita saya mencadangkan agar elaun Ahli-ahli Parlimen dinaikkan seperti berikut:

- Ahli Dewan Rakyat elaunnya dinaikkan daripada bersamaan gred 54 kepada bersamaan gred Jusa C bersesuaian dengan peranan kepimpinannya; dan
- Ahli Dewan Negara elaunnya dinaikkan daripada bersamaan gred 48 kepada bersamaan antara gred 54 dan Jusa C.

Cadangan ini juga akan melibatkan kenaikan gaji dan elaun Yang Di Pertua Dewan Rakyat dan Yang Di Pertua Dewan Negara serta Timbalan Yang Di Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Yang Di Pertua Dewan Negara sewajarnya, berkuat kuasa 1 Januari 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun mohon bertenang, mohon bertenang, kerajaan telah mengambil keputusan supaya, semakan kenaikan gaji bagi anggota pentadbiran dikaji serta ditangguhkan keputusannya sehingga satu masa yang bersesuaian. Ini termasuklah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.

Menghargai Sumbangan Penjawat Awam

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai penutup, seperti biasalah, buah yang ranum, sudah pun mahu gugur. Makanya, sukacita saya mengumumkan, pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji kepada penjawat awam dengan bayaran minimum 500 ringgit. Pemberian bonus ini akan dibayar pada bulan Januari 2015. Kepada pesara Kerajaan pula, bayaran bantuan khas diberi sebanyak 250 ringgit.

Saya berharap, pemberian ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kenaikan kos sara hidup dan menjaga kebajikan para penjawat awam, terutamanya kepada keluarga untuk persediaan musim awal persekolahan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh rakyat yang sedang menonton dan mendengar bajet ini, semoga Allah membenteng seluas-luas rezeki dan mempermudah selurus-lurus jalan bagi pelaksanaan bajet Ekonomi Keperluan Rakyat yang digubah ini.

Marilah berdoa dan berharap, apabila kejayaan mula menyentuh, mudah-mudahan bahagia mendatangi. Kepada-Mu Tuhan, Ya Ilahi Ya Rabbi, kami meminta selamatkan tanah air ini daripada mara bahaya. Rahmatilah roh serta jasad pertiwi terkasih ini, buat selamanyalamanya.



**RANG UNDANG-UNDANG (RUU)
YANG TELAH DILULUSKAN PADA TAHUN 2014
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KETIGA BELAS**

MESYUARAT	RANG UNDANG-UNDANG	KEMENTERIAN
MESYUARAT PERTAMA	1. RUU Perbekalan Tambahan (2013) 2014 2. RUU Cukai Barang & Perkhidmatan 2014	Kementerian Kewangan
	1. RUU Saraan Hakim (Pindaan) 2013	Jabatan Perdana Menteri
	1. RUU Bahan Kakisan & Letupan & Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013	Kementerian Dalam Negeri
MESYUARAT KEDUA	1. RUU Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 2. RUU Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014	Kementerian Pendidikan
	1. RUU Perbekalan Tambahan (2014) 2014	Kementerian Kewangan
	1. RUU Penggalakkan Pelaburan (Pindaan) 2014	Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri
	1. RUU Kawalan Harga & Antipencatutan (Pindaan) 2014	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
	1. RUU Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013	Kementerian Kewangan
	1. RUU Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014	Kementerian Kewangan
	1. RUU Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
	1. RUU Perbekalan 2015	Kementerian Kewangan
	1. RUU Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014	Kementerian Dalam Negeri
	1. RUU Kewangan (No. 2) 2014 2. RUU Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014	Kementerian Kewangan

MESYUARAT	RANG UNDANG-UNDANG	KEMENTERIAN
MESYUARAT KETIGA	1. RUU Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014 2. RUU Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 3. RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
	1. RUU Malaysia Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014	Jabatan Perdana Menteri
	1. RUU Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
	1. RUU Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014 2. RUU Arkitek (Pindaan) 2014 3. RUU Juruukur Bahan (Pindaan) 2014	Kementerian Kerja Raya

MESYUARAT KHAS MH17



PARLIMEN, 23 JULAI 2014 – Parlimen Malaysia telah mengadakan sidang Parlimen tergempar untuk membincangkan usul Tragedi Malang Pesawat MH17 di Dewan Rakyat yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Razak.

Ahli-ahli Parlimen daripada kedua-dua belah telah menunjukkan kesatuan berhubung tragedi Penerbangan MH17 apabila mereka berdiri dan bertafakur selama seminit untuk mengenang mangsa sebelum bermulanya persidangan khas Parlimen. Bagi anggota Parlimen yang beragama Islam pula, mereka mengiringinya dengan bacaan Al-fatihah.

Ketika membentangkannya, beliau berkata Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan, tidak bertamadun, biadab dan ganas serta tidak bertanggungjawab pihak yang menembak jatuh pesawat itu. Perdana Menteri berkata perbuatan menembak pesawat komersial itu sangat zalim serta jenayah sangat kejam dan ganas.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pembangkang, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Ahli Parlimen Gelang Patah, YB Lim Kit Siang serta ketua parti lain kerana tampil memberi kenyataan yang menyifatkan tragedi MH17 umpama pembunuhan beramai-ramai dan pembunuhnya mesti dibawa ke muka pengadilan.

YAB Perdana Menteri juga menyatakan telah mengarahkan Peguam Negara mengkaji tragedi MH17 dengan mendalam dan teliti bagi memastikan sebarang tindakan yang diambil kelak berlandaskan undang-undang antarabangsa.

Usul itu diluluskan selepas dibahaskan oleh 22 Ahli Parlimen, iaitu 12 wakil Barisan Nasional (BN) dan 10 pembangkang, mulai jam 10 pagi hingga petang semalam. Semua wakil parti dalam BN dan pakatan pembangkang yang membahaskan usul itu juga memuji dan menyokong cara YAB Perdana Menteri menangani tragedi itu.

Kesatuan serupa dijangka ditunjukkan oleh anggota Dewan Rakyat untuk mengetepikan perbezaan politik dan menzahirkan solidariti rakyat Malaysia untuk mengutuk tindakan tidak berperikemanusiaan ke atas pesawat malang itu yang telah meragut nyawa 298 penumpang dan anak kapal pesawat berkenaan yang terdiri daripada pelbagai warganegara.

BELASUNGKAWA

AHLI-AHLI PARLIMEN YANG MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 2014


PARLIMEN – Sepanjang tahun 2014, seramai 2 orang Ahli Parlimen telah meninggal dunia iaitu Mendiang Karpal Singh, Ahli Parlimen Gelugor dan Mendiang Seah Leong Peng, Ahli Parlimen Teluk Intan. Mendiang Karpal Singh, 74 tahun terlibat dalam kemalangan jalan raya di Kilometer 306.1 Lebuhraya Utara Selatan laluan Utara berhampiran Gua Tempurung di Kampar manakala Mendiang Seah Leong Peng meninggal akibat penyakit barah.

Mendiang Karpal Singh telah dilahirkan pada 28 Jun 1940 dan merupakan ahli politik dan peguam di Malaysia. Beliau mula menyertai politik setelah menjadi ahli DAP pada tahun 1970. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Naib Pengerusi DAP dan Timbalan Pengerusi DAP.

Beliau terkenal sebagai seorang peguam yang handal dan amat mahir dalam berhujah serta mendapat nama samaran sebagai "Harimau Jelutong" kerana beliau amat sukar untuk ditewaskan dalam pilihanraya kerusi Parlimen Jelutong sebelum pilihanraya umum pada 1999.

Tempat Mendiang Karpal Singh telah digantikan dengan anak lelakinya iaitu YB Tuan Ramkarpal Singh yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gelugor pada 25 Mei 2014.

Mendiang Seah Leong Peng merupakan ahli politik DAP. Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia 2008, kawasan Pasir Berdamar, beliau bertanding atas tiket DAP dan mendapat 13,655 undi dengan majoriti 7,914.



Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia 2013, beliau telah bertanding di kawasan Parlimen Teluk Intan dan menang dengan majoriti 7,313 menewaskan calon BN yang juga Presiden Gerakan, Datuk Mah Siew Keong dan calon bebas, K Moralingam. Beliau telah meninggal dunia pada 1 Mei 2014 akibat penyakit kanser di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Tempat Mendiang Seah Leong Peng telah digantikan dengan YB Dato' Mah Siew Keong yang telah menewaskan calonnya iaitu Dyana Sofya Mohd Daud.



DEWAN NEGARA

PENGENALAN TENTANG DEWAN NEGARA

PENGENALAN TENTANG DEWAN NEGARA

DEWAN NEGARA, SOROTAN SEJARAH

Institusi Parlimen Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kedudukan institusi perundangan tertinggi negara ini dijamin melalui peruntukan Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan.

Dewan Negara dalam sejarah perundangan negara bukanlah sesuatu yang baru malahan penubuhan institusi ini pada tahun 1959 adalah bukti perlembagaan berfungsi sepenuhnya selepas kemerdekaan negara. Malahan kewujudannya juga sebagai salah satu cabang di dalam Parlimen di Malaysia haruslah disorot kembali sejarahnya berdasarkan cadangan yang dikemukakan Suruhanjaya Perlembagaan Reid yang berbunyi "untuk membuat syor bagi membentuk satu persekutuan di dalam perlembagaan untuk negara menjadi bebas, bersifat tunggal dan boleh memerintah sendiri dalam Komanwel berdasarkan Demokrasi".

Dengan terma rujukan inilah maka Suruhanjaya Perlembagaan Reid telah mengesyorkan agar penubuhan sebuah Parlimen di peringkat Persekutuan yang mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua buah Dewan. Selain itu, menjadi pertimbangan kepada Suruhanjaya bagi memastikan Parlimen bagi sebuah negara baru dan berdaulat seperti Malaysia mempunyai Parlimen yang bebas, kuasanya dihadkan di dalam Perlembagaan, meluluskan undang-undang yang hanya berkaitan Persekutuan dan Menteri Persekutuan bertanggungjawab kepada Parlimen.

Oleh itu, maka kedudukan Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan di dalam Dewan Rendah, perlembagaan di dalam Dewan Atasan, kuasa dua Dewan, dan tanggungjawab dan tempoh memegang kuasa di pejabat Menteri dan tempohnya disetiap kali berada di Parlimen.

Secara majoritinya, Suruhanjaya telah mengesyorkan bahawa ahli-ahli bagi Dewan Atasan yang dipanggil Senat ini tidak seharusnya dipilih melalui undian secara langsung malahan majoriti bersetuju mereka harus dipilih melalui pemilihan secara tidak langsung dan selebihnya harus dilantik bagi tempoh beberapa tahun oleh yang di-Pertuan Agong.

Cadangan berhubung kuasa yang ada pada Dewan Negara ini selain daripada meminda perlembagaan adalah kuasa menyemak dan melambatkan perundangan. Malahan kuasa yang diberikan kepada Dewan Negara ini adalah tidak setaraf dengan kuasa yang ada kepada Dewan Rakyat

Peruntukan berhubung dengan Dewan Negara mengalami beberapa pindaan hingga kini termasuklah pada tahun 1963 peruntukan berhubung dengan Perkara bahawa jumlah perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara oleh Yang di-Pertuan Agong dinaikkan daripada 16 orang kepada 22 orang, setahun selepas itu, jumlah ini dinaikkan daripada 22 orang kepada 32 orang. Pada tahun 1978, peruntukan ini sekali lagi dipinda kepada 40 orang.

DEWAN NEGARA TAHUN 1959

Yang di-Pertua Dewan Negara yang pertama Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Yasin dilantik pada 11 September 1959 beserta dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain yang berjumlah seperti butiran di bawah

AHLI DEWAN NEGARA	JUMLAH
PERLANTIKAN DUN	22
PERLANTIKAN YDPA	15

Tuan Athi Nahappan mengenakan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai ahli Dewan yang ke 38 dengan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara pada 5 Disember 1959.

PERLANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

Perenggan 61

- (iii) Dengan majoriti mencadangkan (Perkara 39) Ahli-ahli Dewan Tinggi, yang seharusnya dipanggil Senat, tidak seharusnya dipilih secara terus melalui pilihan raya, tetapi majoritinya haruslah dipilih melalui pilihan raya secara tidak langsung dan selebihnya harus dilantik bagi tempoh beberapa tahun oleh Yang di-Pertuan Besar. Kami membuat cadangan ini atas

Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan menyatakan secara terang dan jelas di dalam Perkara 44 bahawa kuasa perundangan Persekutuan terletak kepada Parlimen yang mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis yang terdiri daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Manakala di dalam peruntukan Perkara 45(1), Dewan Negara mengandungi ahli-ahli yang dipilih dan dilantik yang terdiri daripada dua orang ahli daripada setiap negeri yang dipilih seperti di dalam Jadual Tujuh. Dan keduanya 16 ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perkara 45(2) menyebut Yang di-Pertuan Agong boleh memilih daripada warganegara yang pada pendapat baginda telah berbakti dengan ceemrlangnya atau telah mencapai taraf gemilang dalam perkhidmatan awam, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan, perkhidmatan masyarakat atau wakil-wakil kaum yang terkecil bilangannya atau yang boleh mewakili kepentingan orang asli.

¹ Perenggan 57, Report of The Federation of Malaya Constitutional Commission, tahun 1957, muka surat 22.

PENGENALAN TENTANG DEWAN NEGARA

PENGENALAN TENTANG DEWAN NEGARA

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

BIL	YANG DI PERTUA DEWAN NEGARA	TEMPOH BERKHIDMAT
1.	YB Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin	11 September 1959 hingga 31 Ogos 1968
2.	YB Senator Tuan Syed Sheh bin Syed Hassan Barakhah	27 Januari 1969 hingga 5 Februari 1969
3.	YB Senator Dato' Haji Mohamad Noah bin Omar	24 Februari 1969 hingga 28 Julai 1970
4.	YB Senator Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan	20 Februari 1971 hingga 22 Februari 1973
5.	Yang Amat Bahagia Senator Tun Datuk Haji Omar Yoke Lin Ong	23 Februari 1973 hingga 31 Disember 1980
6.	YB Senator Tan Sri Ismail Khan	5 Januari 1981 hingga 13 April 1985
7.	YB Senator Tan Sri Datuk Benedict Stephens	15 April 1985 hingga 11 April 1988
8.	YB Senator Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohideen	11 Julai 1988 hingga 9 Julai 1990
9.	YB Senator Tan Sri Dato' Chan Choong Tak	17 Disember 1990 hingga 31 Mac 1992
10.	YB Senator Tan Sri Dato' Vadiveloo s/o Govindasamy	13 April 1992 hingga 12 Jun 1995
11.	YB Senator Tan Sri Dato' Adam bin Kadir	13 Jun 1995 hingga 30 November 1996
12.	YB Senator Tan Sri Dato' Haji Mohamad bin Ya'acob	10 Disember 1996 hingga 5 Disember 2000
13.	YB Senator Tan Sri Dato' Michael Chen Wing Sum	7 Disember 2000 hingga 11 April 2003
14.	YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh	7 Julai 2003 hingga 6 Julai 2009
15.	YB Senator Tan Sri Dato' Ir. Wong Foon Meng	7 Julai 2009 hingga 12 April 2010
16.	YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang	26 April 2010 hingga kini

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

BIL	SETIAUSAHA DEWAN NEGARA	TEMPOH BERKHIDMAT
1.	Ramli bin Abdul Hamid	11 September 1959
2.	Abdul Ghani bin Mohd Don	1960 – 1961
3.	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Sidin	1961 – 1962
4.	Ahmad bin Abdullah	1962 – 1969
5.	Lim Joo Keng	1969 – 1978
6.	Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein	1978 – 1986
7.	Haji Abdul Rahim bin Haji Abu Bakar	1986 – 1988
8.	Haji Mohamad Salleh bin Haji Abu Bakar	1989 – 1995
9.	Dato' Abdullah bin Abdul Wahab	1996 – 2004
10.	Datuk Zamani bin Haji Sulaiman	1 April 2004 hingga 7 September 2014
11.	Riduan bin Rahmat	8 September 2014 hingga kini

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA BAGI TAHUN 2014
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK
OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' JASPAL SINGH A/L GURBAKHES SINGH – MIC	02.11.2011	01.11.2014
2. YB DATUK CHIEW LIAN KENG – MCA	02.11.2011	01.11.2014
3. YB DATUK SERI NALLAKARUPPAN A/L SOLAIMALAI – MIUP	02.11.2011	01.11.2014
4. YB DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH – UMNO	21.01.2009 26.01.2012	20.01.2012 25.01.2015 LS
5. YB DATUK RAJA ROPIAAH BINTI RAJA ABDULLAH – UMNO	09.04.2012	08.04.2015
6. YB DATUK JAMILAH @ HALIMAH BINTI SULAIMAN – PBS	07.11.2012	06.11.2015
7. YB DATO' MUHAMMAD OLIAN BIN ABDULLAH – UMNO	09.12.2009 10.12.2012	08.12.2012 09.12.2015 LS
8. YB DATUK DORIS S. BRODI AK BRODI – PRS Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara	12.03.2010 12.03.2013	11.03.2013 11.03.2016 LS
9. YB TAN SRI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG – UMNO Yang di-Pertua Dewan Negara	26.04.2010 26.04.2013	25.04.2013 25.04.2016 LS
10. YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri	15.05.2013	14.05.2016
11. YB DATO' SERI AHMAD BASHAH BIN MD HANIPAH – UMNO Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	15.05.2013	14.05.2016
12. YB DATO' DR. LOGA BALA MOHAN A/L JAGANATHAN – PPP Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan	15.05.2013	14.05.2016

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA BAGI TAHUN 2014
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK
OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
13. YB DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR Menteri di Jabatan Perdana Menteri	05.06.2013	04.06.2016
14. YB DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT – UMNO	03.05.2010 03.05.2013	02.05.2013 02.05.2016 LS
15. YB TAN SRI DATO' ABDUL RAHIM ABDUL RAHMAN – UMNO	03.05.2010 27.09.2013	02.05.2013 26.09.2016 LS
16. YB DATUK YAHAYA BIN MAT GHANI – UMNO	07.10.2013	06.10.2016
17. YB DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN – UMNO	07.10.2013	06.10.2016
18. YB DATO' KHAIRUDIN BIN E.S. ABD SAMAD – UMNO	07.10.2013	06.10.2016
19. YB PUAN BATHMAVATHI A/P K. KRISHNAN – Wakil Orang Kurang Upaya (OKU)	18.11.2013	17.11.2016
20. YB PUAN HAJAH MARIANY BINTI MOHAMMAD YIT – UMNO	15.12.2010 16.12.2013	14.12.2013 15.12.2016 LS
21. YB DATO' BOON SOM A/L INONG – UMNO	15.12.2010 16.12.2013	14.12.2013 15.12.2016 LS
22. YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD – UMNO	31.03.2014	30.03.2017
23. YB DATO' DR. ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI – UMNO	26.05.2014	25.05.2017
24. YB DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN – SUPP	26.05.2014	25.05.2017
25. YB DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER – KIMMA	30.05.2011 30.05.2014	29.05.2014 29.05.2017 LS

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA BAGI TAHUN 2014
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK
OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
26. YB DATUK CHIN SU PHIN – LDP	30.05.2011 30.05.2014	29.05.2014 29.05.2017 LS
27. YB PUAN NORLIZA BINTI ABDUL RAHIM – UMNO	30.05.2011 30.05.2014	29.05.2014 29.05.2017 LS
28. YB DATO' DR. HOU KOK CHUNG – MCA	23.06.2014	22.06.2017
29. YB DATO' CHAI KIM SEN – MCA	23.06.2014	22.06.2017
30. YB DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE – MIC	23.06.2014	22.06.2017
31. YB DATO' GOONASAKAREN A/L RAMAN – MIC	23.06.2014	22.06.2017
32. YB DATIN PADUKA CHEW MEI FUN – MCA Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	25.06.2014	24.06.2017
33. YB DATUK SUBRAMANIAM A/L VERUTHASALAM – MIC	22.08.2011 25.08.2014	21.08.2014 24.08.2017 LS
34. YB PUAN S. BAGIAM A/P AYEM PERUMAL – MIC	22.08.2011 25.08.2014	21.08.2014 24.08.2017 LS
35. YB DATUK NG WANG @ NG CHIANG CHIN – GERAKAN	10.09.2014	09.09.2017

LS

LANTIKAN SEMULA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH
DEWAN UNDANGAN NEGERI

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS – UMNO	30.05.2011 30.05.2014	29.05.2014 29.05.2017 LS

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' SRI IRIS JALA @ IDRIS JALA Menteri di Jabatan Perdana Menteri	01.09.2009 03.09.2012	31.08.2012 02.09.2015 LS

JOHOR

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' ADAM BIN ABDUL HAMID	20.02.2014	19.02.2017

KEDAH

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH – UMNO	21.05.2014	20.05.2017
2. YB PUAN SHAHANIM BINTI MOHAMAD YUSOFF – UMNO	21.05.2014	20.05.2017

KELANTAN

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' DR. JOHARI BIN MAT – PAS	07.07.2011 08.07.2014	06.07.2014 07.07.2017 PS
2. YB PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED – PAS	30.06.2012	29.06.2015

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH
DEWAN UNDANGAN NEGERI

MELAKA

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATUK HAJI SAAT BIN HAJI ABU – UMNO	15.11.2011	14.11.2014
2. YB DATUK SERI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM – UMNO	02.10.2013	01.10.2016

NEGERI SEMBILAN

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN SHARIF @ MOHD SHARIF – UMNO	21.04.2014	20.04.2017
2. YB TUAN CHONG SIN WOON – MCA	21.04.2014	20.04.2017

PAHANG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' LIM NGET YOON – MCA	22.05.2012	21.05.2015
2. YB PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN – UMNO	22.05.2012	21.05.2015

PERAK

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATO' LEE CHEE LEONG – MCA Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri	21.04.2014	20.04.2017
2. YB DATUK HAMZAH BIN MOHD KASIM – UMNO	21.04.2014	20.04.2017

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH
DEWAN UNDANGAN NEGERI

PERLIS

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD – UMNO	25.04.2009 25.04.2012	24.04.2012 24.04.2015 PS
2. YB TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN P.A MOHD SULTAN YB	25.04.2012	24.04.2015

PULAU PINANG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR – DAP	01.06.2012	31.05.2015
2. YB TUAN SYED SHAHIR BIN SYED MOHAMUD – PKR	01.06.2012	31.05.2015

SABAH

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATUK KADZIM HAJI M. YAHYA – UMNO	22.12.2011	21.12.2014
2. YB DATUK DR. LUCAS BIN UMBUL – UPKO	10.12.2012	09.12.2015

SARAWAK

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB DATUK LIHAN JOK – PBB	07.12.2011	06.12.2014
2. YB DATO' DAYANG HAJAH MADINAH BINTI TUN ABANG HAJI OPENG – PBB	19.07.2010 19.07.2013	18.07.2013 18.07.2016 PS

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH
DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH – DAP	17.12.2012	16.12.2015
2. YB DR. SYED HUSIN ALI – PKR	16.12.2009 17.12.2012	15.12.2012 16.12.2015 PS

TERENGGANU

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
1. YB TO' PUAN HAJAH ZAITUN BINTI HAJI MAT AMIN – UMNO	08.06.2012	07.06.2015
2. YB DATUK HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH – UMNO	26.01.2012	25.01.2015

PS PILIHAN SEMULA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH
DEWAN UNDANGAN NEGERI

KEDUDUKAN KERUSI

AHLI-AHLI YANG DIPILIH OLEH DUN

2 orang ahli bagi tiap-tiap satu Negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh di bawah perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

= 26

AHLI-AHLI YANG DILANTIK OLEH AGONG

i) 2 orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan 1 orang Ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dilantik di bawah Perkara 45(1)(aa) Perlembagaan Persekutuan

} 4

ii) 40 orang ahli dilantik di bawah Perkara 45(1)(b) Perlembagaan Persekutuan

} 40

JUMLAH LANTIKAN OLEH AGONG (I) + (II)

= 44

JUMLAH KERUSI

= 70

KEKOSONGAN

Lantikan Agong

= 7

Pilihan Negeri

= 1

JUMLAH KEKOSONGAN (LANTIKAN AGONG + PILIHAN NEGERI)

= 8

JUMLAH TERKINI (LANTIKAN AGONG + PILIHAN NEGERI)

= 62

**SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014**

**SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014**



YB SENATOR DATO' ADAM BIN ABDUL HAMID
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 20 Februari 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR DATO' LEE CHEE LEONG
BN - MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 21 April 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 31 Mac 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATUK HAMZAH BIN MOHD KASIM
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 21 April 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR TUAN CHONG SIN WOON
BN - MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 21 April 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



**YB SENATOR DATO' HAJI MOHD SALIM BIN SHARIF @
MOHD SHARIF**
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 21 April 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014



YB SENATOR DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN
BN – SUPP

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 26 Mei 2014

Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATO' MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 30 Mei 2014

Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



**YB SENATOR DATO' DR. ASYRAF WAJDI
BIN DATO' DUSUKI**
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 26 Mei 2014

Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE
BN - MIC

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 23 Jun 2014

Lantikan Yang di-Pertuan Agong



**YB SENATOR PUAN SHAHANIM
BINTI MOHAMAD YUSOFF**
BN – UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 30 Mei 2014

Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR DATO' GOONASAKAREN A/L RAMAN
BN - MIC

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 23 Jun 2014

Lantikan Yang di-Pertuan Agong

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAH TAHUN 2014



YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN
BN – MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 23 Jun 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATUK NG CHIANG CHIN
BN - GERAKAN

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 10 September 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATO' DR. HOU KOK CHUNG
BN - MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 23 Jun 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



**YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM
SHAH BIN ABU SHAH**
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 3 November 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR DATIN PADUKA CHEW MEI FUN
BN – MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 26 Jun 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



**YB SENATOR DATUK SERI HAJI ABD. HALIM
BIN ABD.SAMAD**
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 3 November 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAAH TAHUN 2014

SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA
YANG MENGANGKAT SUMPAAH TAHUN 2014



YB SENATOR TUAN CHIA SONG CHENG
BN – MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 1 Disember 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR TUAN ZALI BIN MAT YASIN
BN - UMNO

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 8 Disember 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



YB SENATOR TUAN KOH CHIN HAN
BN - MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 1 Disember 2014
Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri



YB SENATOR DATUK YOO WEI HOW
BN – MCA

Lantikan Sebagai Ahli Dewan Negara: 8 Disember 2014
Lantikan Yang di-Pertuan Agong



SENARAI AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG TAMAT TEMPOH PADA TAHUN 2014

1. YBHG DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM

Tempoh >
18 Mac 2008 hingga 17 Mac 2014
(2 penggal)

2. YBHG DATO' MAZNAH BINTI MAZLAN

Tempoh >
18 April 2008 hingga 17 April 2014
(2 penggal)

3. YBHG DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN

Tempoh >
20 Mei 2008 hingga 20 Mei 2014
(2 penggal)

4. TUAN SAIFUL IZHAM BIN RAMLI

Tempoh >
21 Mei 2011 hingga 20 Mei 2014
(1 penggal)

5. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP

Tempoh >
4 Julai 2008 hingga 3 Julai 2014
(2 penggal)

6. YBHG DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR

Tempoh >
15 Julai 2008 hingga 17 Julai 2014
(2 penggal)

7. YBHG DATUK CHIW TIANG CHAI

Tempoh >
14 Oktober 2005 hingga 21 Ogos 2014
(2 penggal)

8. TUAN BAHARUDIN BIN ABU BAKAR

Tempoh >
6 September 2011 hingga 5 September 2014
(1 penggal)

9. YBHG DATUK DATUK CHIEW LIAN KENG

Tempoh >
2 November 2011 hingga 1 November 2014
(1 penggal)

10. YBHG DATUK DATUK HAJI SAAT BIN HAJI ABU

Tempoh >
15 November 2011 hingga 14 November 2014
(1 penggal)

PETIKAN PERBAHASAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

PERBAHASAN DEWAN NEGARA

Perbahasan di Dewan Negara asasnya tidak berbeza seperti di Dewan Rakyat dan segala proses perjalanan perbahasan di Dewan Negara tertakluk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara atau "Standing Orders of the Senate". Perbahasan Dewan Negara secara praktikalnya merupakan sistem penapis dan semakan semula atas apa yang telah dibincangkan di Dewan Rakyat dan juga sebagai penapis terhadap sebarang niat untuk menyalah guna kuasa melalui tekanan pihak-pihak tertentu. Berdasarkan Fasal 45 Perlembagaan Persekutuan, Ahli Dewan Negara yang dilantik hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan masyarakat tertentu seperti masyarakat orang asli.

Bersesuaian dengan kelayakan perlantikan seseorang Ahli Dewan Negara samaada wakil setiap negeri ataupun perlantikan oleh DYPA, isu atau perbahasan yang sering diutarakan dalam persidangan Dewan Negara lazimnya lebih mendalam atau isu yang dikupas lebih teliti dan berasas kepada fakta - fakta sebenar. Walaupun isu yang dibentangkan oleh kerajaan adalah sama yang dibentangkan semasa persidangan Dewan Rakyat namun kupasan isu yang dibahaskan oleh Ahli Dewan Negara akan memperlihatkan ciri-ciri tertentu yang boleh membezakannya dengan perbahasan di Dewan Rakyat. Kupasan atau hujahan sesuatu isu mempunyai perincian yang lengkap yang secara langsungnya boleh dihubungkan dengan tahap kepakaran atau kebolehan yang dimiliki oleh seseorang Senator. Isu-isu yang dibahaskan juga lebih cenderung kepada kepentingan masyarakat dan Negara tanpa mengira fahaman politik individu yang diwakili oleh mereka, walaupun hakikatnya Ahli Dewan Negara juga mewakili parti pemerintah dan pembangkang.

Bagi edisi Buletin kali ini, sidang redaksi berkongsi beberapa petikan perbahasan Ahli Dewan Negara sepanjang perbahasan Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas, khususnya semasa perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 ataupun lebih dikenali sebagai perbahasan Bajet 2015. Umumnya pelbagai isu telahpun dibentangkan oleh Ahli Dewan Negara sepanjang persidangan yang telah berlangsung selama enam hari yang bermula pada 4hb Disember hingga 16 hb Disember 2014 yang bertemakan '*Ekonomi Keperluan Rakyat*'.

Seramai 44 Ahli Dewan Negara telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Antara isu utama yang diperbahaskan adalah memperkasakan Dewan Negara, pengkalan Akta Hasutan dan isu perpaduan nasional, selebihnya Ahli Dewan Negara banyak membawa isu-isu tersendiri seperti isu-isu berkaitan negeri yang diwakili, isu-isu semasa dan isu-isu yang berdasarkan kepada pengetahuan dan kepakaran masing-masing. Terdapat juga isu-isu telah dibahaskan dan dikupas secara mendalam dan menyeluruh seperti isu keselamatan di Sabah dan isu-isu tersendiri yang lebih khusus kepada kepentingan wakil kumpulan minoriti tertentu yang telah diulas secara terperinci ataupun menyeluruh oleh Ahli Dewan seperti perbahasan oleh ahli dewan yang mewakili golongan Kurang Upaya dan masyarakat Orang Asli, terdapat juga ucapan yang disampaikan dengan persembahan pantun –pantun yang amat puitis seperti ucapan oleh Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Petikan ucapan perbahasan bagi buletin edisi ini hanyalah melibatkan beberapa isu utama yang banyak dibangkitkan oleh para Senator seperti isu memperkasakan Dewan Negara, pengkalan Akta Hasutan dan isu perpaduan nasional, petikan wakil minoriti dan juga petikan perbahasan bagi isu - isu yang menarik dan berinformasi seperti isu pencemaran sungai, isu berkaitan dengan dadah dan juga petikan-petikan pantun oleh Yang Berhormat Senator.

PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

PETIKAN PERBAHASAN BAJET 2015 - DEWAN NEGARA

Isu memperkasakan Dewan Negara

“Saya ingin menyentuh sedikit mengenai gaji Ahli Dewan Negara dan gaji Ahli Dewan Rakyat. Ramai rakan saya yang berucap semalam. Jadi saya rasa kalau seorang dua berucap tidak boleh, saya rasa eloklah semua Ahli Yang Berhormat Senator pun sama-sama memperjuangkan masalah ini. Oleh sebab saya rasa sebagaimana yang saya maklumkan semalam, kita bekerja 24 jam sebagai seorang pemimpin. Jadi kita tidak harus disamakan kategori gaji kita dengan pegawai kerajaan. Kita harus dibuat perbandingan dengan Ahli-ahli Dewan Negara Senator di seluruh dunia bukan dari kalangan pegawai-pegawai.

Okey, yang pertama tadi saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Firdaus. Kita tidak seharusnya masuk perangkap mereka. Akan tetapi kalau kita lihat balik, sebagai seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dia seorang yang prihatin dan ada kalanya untuk membuat keputusan untuk orang kata *to satisfied everybody*, dengan izin, bukanlah mudah. Sebagai contoh Yang Berhormat Senator Dato’ Firdaus, baru ini hampir-hampir masuk perangkap mengenai Akta Hasutan, tetapi tidak jadi. Jadi *alhamdulillah*. Kalau kali ini kita sama-sama memperjuangkan akta untuk gaji Ahli-ahli Parlimen ini, saya rasa *insya-Allah* ia akan berlaku. Jadi janganlah kita risau, kita sama-sama memperjuangkan termasuk Tuan Yang di-Pertua juga akan memperjuangkan sebab termasuk gaji Tuan Yang di-Pertua sekali. Jadi saya mohon sekiranya- kalau kita lihat balik, kadangkala macam semalam Dato’ Lim kata apabila kita jumpa delegasi daripada Singapura, dia bertanya berapa elaun-berapa gaji kita. Kita hendak capak pun kita malu. Kalau kita lihat Senator ini dia bukan jaga satu kawasan dia jaga seluruh Malaysia, yang minta bantuan ini boleh katakan seluruh Malaysia. Semua universiti, pelajar-pelajar semua minta. Tidak akan kita tidak bagi. Ada kalanya memang tidak cukup, memang duit poket sendiri yang harus kita keluarkan. Jadi kita mohonlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Menteri Kewangan...

“Saya rasa yang ini saya tidak boleh jawab, Yang Berhormat ini Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja boleh jawab. Sama ada boleh di backdate atau tidak. Saya punya cadangan itu lebih eloklah di *backdate*. [Tepuk] Daripada tempoh yang disebut itu hendak diberi itu elok kita *backdate* kepada tarikh itu. Perbezaan antara kita dan pihak-pihak tertentu, kita memperjuangkan untuk semua Ahli Parlimen tanpa mengira dari parti politik yang mana. Kita juga tidak mahu Ahli Senator ini dikata sebagai rubber stamp. Jadi macam tadi Yang Berhormat Dato’ Adam kata kita kena sama Dewan Rakyat dan Dewan Negara, sebab kita bukan rubber stamp. Kita pun bekerja sama kuat, kita juga membahaskan rang undang-undang yang sama, kita juga menjaga kepentingan rakyat. Jadi saya rasa kebajikan kita juga harus dilihat sama rata. Jadi saya mohonlah sekiranya pihak Yang Amat Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini dengan lebih serius dan khusus.”

Puan Norliza binti Abdul Rahim (9.12.2014)

“Tuan Yang di-Pertua, saya juga - walaupun sahabat-sahabat telah menyebut khususnya berhubung dengan berkenaan dengan elaun atau gaji Ahli-ahli Parlimen. Jadi, semuanya tadi bersetuju dan termasuk kumpulan minoriti pun bersetuju supaya gaji Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara disamakan kerana tugas Dewan Negara dengan Dewan Rakyat saya kira serupa sahaja. Malahan, Dewan Negara ini kawasan dia satu negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ini selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini, terpaksa melawat 852 kampung. Jadi, satu tahun tidak habis. Itu kampung-kampung yang didaftarkan, tidak masuk lagi kampung-kampung kecil ini. Jadi, lebih besar daripada Datuk Bung lagi. Ada juga cadangan supaya satu penggal lima tahun, saya ingat semua orang bersetuju. Kalau tiga kali mesyuarat pun hari ini, pun RM200 juga. Sampai pukul 7 malam pun RM200, sampai pukul 11 malam pun RM200, sampai pagi esok pun RM200. Jadi, di mana ini? Ini memang patut- dan dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana gaji penggubal undang-undang

Dewan tertinggi ditentukan oleh orang lain? Gaji dia orang, kita yang tentukan termasuk hakim, gaji dia pun kita yang luluskan. Ini gaji kita? Bak kata Yang Berhormat Datuk K, orang lain yang tentukan. Sepatutnya di kalangan Ahli-ahli Parlimen mesti ada jawatankuasa dia yang menentukan gaji dia, bukan orang lain tentukan. Setuju tidak?”

Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (9.12.2014)

“Saya juga nak membawa seperti mana rakan-rakan saya yang lain berkenaan dengan elaun Ahli-ahli Dewan Negara. Kalau saya tak bercakap ini, saya rasa tak kena. Sebagai Ahli Senator yang terbaru- antara yang terbarulah, saya rasa amat kecewa melihat bagaimana Dewan Negara diperlakukan. Ini kerana kita kena ingat bahawa Dewan Negara ini adalah Dewan yang tertinggi dalam konteks sistem Parlimen di Malaysia. Kalau tahap gaji dan elaun Ahli-ahli Dewan ini lebih rendah daripada Ahli Dewan Rakyat, itu pun dah tak kena. Apatah lagi kalau kita nak naikkan martabat kita seiring dengan konsep prinsip perlembagaan yang meletakkan Parlimen, Dewan Negara yang paling tinggi, Dewan Rakyat yang nombor dua. Akan tetapi, kalau gajinya tidak setara, saya rasa itu satu penghinaan kepada Dewan yang mulia ini. [Tepuk] Saya bukan bercakap soal- saya tak merasakan bahawa Ahli-ahli Dewan ini semua nak menagih simpati. Semua akan merempat kalau dapat gaji hanya RM4,000-RM5,000 sahaja, tidak. Akan tetapi, kita nak meletakkan martabat. Nak memartabatkan Dewan Negara. Ada bezanya soal memartabatkan dengan soal nak menagih simpati untuk mendapatkan gaji lebih tinggi. Tidak. Kalau kita sebut kepada orang lain pun malu, apatah lagi kita nak mengatakan bahawa Malaysia ini Dewan Negara paling tinggi tetapi gajinya antara yang terendah. Yang sampai saya pun tersentak jugalah. Kalau kita pencen ini kita juga sebenarnya layak untuk menerima BR1M. Jadi ini perkara yang saya rasa amat malang sekalilah”.

Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki (11.12.2014)

Saya pertamanya mengucapkan terima kasih dan juga bersetuju supaya kajian ini dibuat oleh satu Jawatankuasa Khas yang bukannya daripada orang atau jabatan yang gaji mereka kita yang tentukan. Ini agak sedikit pelik. Di sini kita bincang soal pemerksaan Dewan tetapi ada jabatan lain yang mengkaji saraan kita sebab yang ini saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Dato’ Dr. Asyraf tadi. Ini bukan soal kita meminta atau macam dengan izin macam Yang Berhormat Dato’ Khairudin sebut macam minta belas kasihan tetapi ini ialah soal maruah, integriti dan juga imej Dewan Negara. Jadi saya amat bersetuju sekiranya saraan ini atau gaji ini disamaratakan, jangan dibezakan. Saya nak bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya datang daripada kawasan Parlimen Gombak, negeri Selangor. Dalam PRU Ke-13, kita kalah di tiga-tiga DUN dan Parlimen dengan harapan *insya-Allah*, dengan izin *Allah SWT*, akan menang kembali dalam PRU Ke-14 *insya-Allah* walaupun Ahli Parlimennya Menteri Besar tetapi rakyat di bawah, dia tak tahu ini Senator kah, gaji sikit kah, ini Ahli Parlimen kah, dia tak tahu, yang dia tahu Yang Berhormat. Bila dia kata Yang Berhormat, dia harap dan dia juga mengharapkan samalah macam Yang Berhormat yang lain.

Di bawah, kita tak boleh kata saya Senator, gaji saya RM4,100, banyak-banyak bagi tak boleh. Dia tak tahu, yang dia tahu Yang Berhormat, ini Yang Berhormat. Jadi bila Yang Berhormat, dia mengirakan ini kelayakan atau kemudahannya sama macam Ahli-ahli yang lain Oleh sebab itulah, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang sebelum saya minta supaya perkara ini dikaji dengan cukup bijaksana dan teliti. Bukan soal meminta sekali lagi saya hendak mengulangi. Bukan soal belas kasihan. Ini soal pemerksaan. Ini soal meletakkan tempatnya seperti kata Dato’ Dr. Asyraf, meletakkan sesuatu di tempatnya. Itu prinsip keadilan. Meletakkan sesuatu ditempat. Jadi sudah kata Dewan Negara yang tertinggi maka biarlah dia betul-betul mencerminkan inilah

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Dewan yang tertinggi dalam negara. Jadi dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan harapan Menteri kata akan dapat melihat perkara ini sebelum dibentangkan sekali lagi pada bulan tiga nanti untuk dapat persetujuan. Sebelum itu saya mohon untuk mendapat kajian yang sebenar-benarnya oleh jawatankuasa yang tertentu. Bukan Jabatan-jabatan lain yang akan menentukan soal saraan kita ini. Tuan Yang di-Pertua sendiri, kita cadangkan Tuan Yang di-Pertua sendiri, cukup pengalaman, cukup ilmunya, cukup kebijaksanaan, semua ada. Saya fikir memang layak kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri mempengerusikan Jawatankuasa itu.

Datuk Megat Zulkarnain b. Tan Sri Omardin (11.12.2014)

ISU PENGEKALAN AKTA HASUTAN

“Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh khususnya berhubung dengan Akta Hasutan walaupun telah banyak diperkatakan oleh kawan-kawan. Kita ucapkan setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju mengekalkan Akta Hasutan malahan ingin memperkuatkan dan memperkemaskan lagi Akta Hasutan. Saya kira kita perlu memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pastikan juga Akta Hasutan ini bukan sahaja setakat dua perkara yang disebutkan itu, misalannya untuk membawa Sabah, Sarawak keluar daripada Malaysia dan juga selain daripada itu berkenaan dengan agama Islam. Selain daripada itu, kuatkan lagi kerana Akta ISA kita sudah tidak ada dah. Inilah yang tinggalnya senjata untuk hendak memastikan bahawa keamanan di negara ini terus terpelihara dengan utuh.

Saya kira semua yang ada dalam Dewan dan juga yang juga di luar Dewan sana tidak mahu keadaan yang ada hari ini tergugat. Tidak mungkin kalau kita tidak mempunyai akta yang begitu baik, yang kuat, kita boleh bersidang Tuan Yang di-Pertua dengan baik pada hari ini sampai pukul 7 malam. Saya kira kita semua kena memberi satu sokongan yang kuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk meneruskan akta ini dan malahan perbaiki kerana kalau masa kita masih ada, kita masih memerintah, esok bila kita sudah tidak ada baru kita ingat. “Oh, aku dahulu sudah memerintah, sekarang aku sudah tidak memerintah lagi.” Jangan jadi sampai macam itu. Akhirnya, esok kita dicemuh oleh anak-anak cucu kita. Jadi, itu saya kira semua orang bersetuju”

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (9.12.2014)

“Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengambil keputusan mengekalkan Akta Hasutan 1948. Perdana Menteri telah mengambil pendekatan meraikan suara dan hasrat rakyat yang inginkan keharmonian dan keamanan negara. Akta Hasutan ini amat penting untuk Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama. Kita tidak pelik kalau orang luar seperti Joseph Biden, Naib Presiden Amerika menentang akta ini sebab dia jahil tentang tata hidup dan tata beragama di Malaysia. Akan tetapi kita amat kecewa bila ada rakyat Malaysia sendiri yang menentang sehingga sanggup usul ini dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri Selangor supaya akta ini dimansuhkan. Akta yang boleh menjadi benteng dan menjaga keharmonian dan kerukunan hidup rakyat ini sepatutnya mendapat sokongan semua. Kita boleh berbeza Tuan Yang di-Pertua dalam pegangan politik kepartian, boleh berbeza dalam hal-hal yang lain tetapi apabila menyentuh soal-soal kepentingan negara, kesejahteraan rakyat dan agama, maka kita perlu bersama, lebih-lebih lagi daripada kalangan umat Islam yang sentiasa dituntut supaya kita sentiasa mengingati pesanan Allah SWT dalam Al-Quran. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Surah An-Nisa' ayat 59. “Wahai orang-orang yang beriman, taatilah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulii-Amri (orang – orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah dan Rasul-Nya dan jika kamu benar-benar beriman kepada Allah di Hari Akhirat.”

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu timbul yang boleh mengancam kerukunan hidup rakyat malah mengancam keselamatan negara. Misalnya suara-suara yang mempersendakan ibadah puasa, menghina Sultan, mencaci Ketua Polis Negara, memperlekehkan lagu Negaraku dan bendera negara, menghasut supaya Sabah keluar dari Malaysia dan berbagai-bagai lagi. Ini semua berlaku semasa Akta Hasutan masih ada, apatah lagi sekiranya akta ini dimansuhkan. Tentulah anasir-anasir yang menggugat keamanan dan perpaduan akan lebih berleluasa dan akan lebih mudah menular”

Datin Rahimah binti Haji Mahamad (9.12.2014)

“Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sebagai rakyat yang kerdil, saya menyanjung tinggi pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekalkan Akta Hasutan 1948. Tidak payah kisah bab council ini mereka hendak tunjuk perasaan atau apa kah, *put them aside*. Saya pun hendak tanya juga, semenjak tahun 1948 akta ini, berapa ramai yang kita dakwa? Kalau *you* tidak buat salah, apa *you* takut? Sedangkan Akta 1948 sudah ada 64 tahun, 66 tahun, undang-undang ini ada tidak ada masalah pun. *You* tidak jaga, *you* tidak hentam kerajaan tidak ada masalah. *You can check the government all the time*. Tidak ada masalah, tetapi undang-undang ini yang ada *pressure* mai Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sebagai Perdana Menteri yang semua kita tahu yang adil, yang baik, dia dengar rintihan. Baguslah orang ‘*duk*’ kata, *you* ini *flip flop*lah, apa lah *you* janji. Biar luar negara hendak bercakap, biar mereka bercakap. *They never support us*. *Vice President America Joe Biden, they care kah* apa yang berlaku di Palestin? *He doesn't care...* [Disampuk] Ya, Joe Biden? So Orang-orang ini semua kita *don't bother*. *Bar Council put them aside*. Sepatutnya kita kena ada pula akta untuk *Bar Council* ini. Ia ada satu badan pula untuk *monitor* dia orang ini. Macam baru ini sahabat saya Yang Berhormat Dato' Asyraf bangkit, ini betul. *You should have one act to see them*. Dulu tidak ada pun, tidak ada masalah. Akta ini 1948. *Bar Council* dahulu pun tidak pernah bising pun. *Why these ways ini?* Kebelakangan ini, apabila pembangkang dapat banyak sikit kerusi dalam Parlimen, bangkitlah semua. Mereka cuba hendak cucuk ini. Kesabaran- ya? [Disampuk] *Oh, minoriti*. So, mereka duk balun kita. Oleh sebab kita tidak dapat *two-third*. So, mereka ingat kena hantuk, kita pun kena tunduklah, “*Yes Sir, okay Sir*”. Kita tarik akta ini. Akan tetapi rakyat yang tidak berpolitik, yang mengundi lebih ramai suara rakyat. Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada akta ini, lingkup. Saya cerita betullah, saya cakap lingkup. Tidak ada siapa lagi hendak peduli kita. Akta ini bukan apa salah pun. *The law is there*. Sekarang ini hendak tambah pula, hendak tambah lebih baik. Hendak jaga pula bab orang India, bab orang Cina, semua hendak masuk hendak memperkemaskan lagi. *So what's wrong?* Tidak ada sebab melainkan orang yang tidak siuman yang tidak sokong ini. Orang yang tidak siuman tidak akan sokong ini. Akan tetapi kalau dia siuman, dia fikir betul-betul *it's for the country* bukan untuk individu”.

Tuan Haji Abdul Shukur bin P A Mohd Sultan (9.12.2014)

“Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Akta Hasutan. Walaupun ramai dalam kalangan rakan-rakan yang telah mengutarakan. Hari ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengutarakan mengenai dengan Akta Hasutan ini. Saya ingin merakam-rakamkan setinggi-tinggi tahniah dan merasa lega dan bersyukur kepada Allah SWT kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Akta Hasutan 1948 akan terus dikekalkan, malah akan ditambah baik dengan memasukkan dua peruntukan yang berhubung dengan hasutan terhadap agama dan hasutan untuk membawa keluar Sabah dan Sarawak daripada Gagasan 1Malaysia. Akta Hasutan 1948 merupakan mekanisme perundangan yang penting bagi melindungi seluruh rakyat, semua kaum di Malaysia dan bukan bumiputera dan bukan bertujuan menutup kritikan terhadap kerajaan. Akta tersebut bukan alat untuk menangkap mereka yang menentang, sebaliknya suatu bentuk perundangan yang digubal dan dikekalkan demi menjaga keamanan dan keharmonian negara. Cuma ada sesetengah yang menyalah anggap. Hanya mereka yang cuba menghasut, menimbulkan kebencian kaum dan agama, mempertikaikan Institusi Raja-raja Melayu termasuk membangkitkan isu-isu untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia akan diambil tindakan”.

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini pelampau dalam kalangan rakyat bebas mengkritik Raja-Raja dan Sistem Beraja secara terbuka. Akhirnya, membuat desakan supaya Institusi Raja ini dihapuskan. Tidak ada undang-undang yang boleh menahan mereka setelah ISA dimansuhkan. Mereka yang berminat Akta Hasutan ini dimansuhkan adalah mereka yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara republik dan akan bebas berkempen dan menghasut bagi mencapai hasrat mereka. Terkini, ada usaha membawa Sabah dan Sarawak untuk keluar dari Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan yang ada masih lagi relevan dengan kehendak semasa yang mana pelbagai bentuk ancaman keselamatan telah melanda negara. Namun, beberapa pindaan perlu dibuat bagi memperkukuhkan lagi akta seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya akta ini perlu lebih spesifik, jangan terlalu umum sehingga menyukarkan pihak berkuasa untuk bertindak”.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat (10.12.2014)

“ Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memutuskan untuk terus mengekalkan Akta Hasutan 1948 bagi membendung ekstremis yang bertujuan memporak perandakan keamanan negara. Terima kasih dan tahniah kepada Wanita UMNO yang bawa usul ini dalam PAU baru-baru ini dan mendapat sejuta tanda tangan dari seluruh wanita di Malaysia. Akta ini bukan sahaja dipertahankan tetapi juga akan diperkuat dan diperkukuh dengan penambahbaikan untuk terus menjamin keharmonian negara dan kestabilan perpaduan dapat dikekalkan. Insyallah dan bukan sahaja pada hari ini tetapi untuk terus diwarisi oleh anak cucu kita”.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah(11.12.2015)

“ Sama juga bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan soal penarikan balik Akta Hasutan 1948, ada pihak-pihak khususnya kumpulan minoriti dan ada rakan-rakan kita yang mengatakan Perdana Menteri buat U-turn. Ini tidak tepat. Pada saya, Akta Hasutan ini dipertahankan ialah untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Yang menjadi perkara yang saya pun tidak faham, kenapa rakyat dimomokkan supaya takut dengan Akta Hasutan ini? Kalau kita tidak bersalah, *if you didn't commit any offence*, dengan izin, *why must you be so worried of this act?* Kenapa mesti ada perasaan takut kepada Akta Hasutan ini kalau kita tidak berniat untuk menghasut rakyat? *[Tepuk]*

Unless kita ini hendak menghasut rakyat, pagi, petang, siang dan malam untuk menghuru-harakan negara ini, then you are worried about this act. Akan tetapi kalau kita berjalan seperti biasa, kita ada tanggungjawab kita sebagai good citizens, rakyat Malaysia yang sayang kepada keamanan, yang ingin melihat perpaduan kaum, keharmonian antara kaum ini terjalin buat selama-lamanya, this is not for us alone, dengan izin. Ini untuk generasi akan datang. Yang takut sangat ini kenapa? Soal kononnya tidak menghormati hak asasi manusia dan sebagainya, ini salah seperti kata Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi. Semua benda bila tidak kena kepada kehendak mereka, melanggar hak asasi manusia. Menggunakan perkataan human rights itu sebagai senjata, Tuan Yang di-Pertua, untuk menidakkan kebaikan untuk negara. This is wrong. Ini persepsi yang salah sedang kita ajar kepada generasi muda yang ada dalam negara ini”.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (11.12.2014)

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

ISU PERPADUAN NASIONAL

“ Dari Melaka saya ke Dewan,
Demi bangsa, agama dan negara,
Membahas dengan hati terbuka,
Untuk kebaikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, pada perhimpunan bulanan JPM yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah menyuruh kita beri perhatian kepada perpaduan nasional. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mengatakan kini jarang rakyat jelata mempamerkan perpaduan nasional. Cuma kita dapat lihat sewaktu berlakunya MH370 dan MH17 yang mana perpaduan nasional itu dapat dipamerkan dan ini amat menyedihkan kerana sekarang perpaduan nasional bagaikan sesuatu yang sukar kita dapat lihat ataupun sukar kita mencapai. Amat menyedihkan kerana perpaduan nasional ini menjadi semakin renggang dan tercabar.

Ada segelintir golongan masyarakat yang kian hari kian mempermainkan isu ini demi kepentingan masing-masing. Keadaan bertambah buruk dengan adanya yang mula mengetepikan sensitiviti agama yang lain. Ada pula yang melabelkan kaum-kaum lain sebagai pendatang dan penceroboh dan sebagainya. Ada juga yang membakar *al-Quran*, membakar kitab, ada juga yang membaling kepala babi ataupun khinzir di surau. Ada juga yang menconteng-conteng di dinding surau pada minggu yang lepas dan perkara ini saya ingin mengatakan ia bukannya berlaku disesuatu kaum.

Kita semua berhadapan dengan cabaran ini yang mana isu ini berlaku atau masalah ini berlaku terdapat di semua pihak. Golongan yang tidak bertanggung jawab dan suka main api ini wujud di mana-mana tidak kira di masyarakat kaum Cina, Melayu ataupun India. Saya ingin menyeru supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas bukan sahaja ke atas golongan-golongan yang saya katakan tadi tetapi juga termasuk golongan yang menuduh sebarang tanpa bukti sebenar yang berlaku. Tindakan yang diambil ke atas Alvin Tan mahupun Ali... Kenyataan dan kelakuan-kelakuan tersebut telah menyinggung perasaan kebanyakan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama yang rata-rata kita mencintai keamanan dan kestabilan di negara ini demi membendung gejala tersebut berleluasa. Tindakan yang sewajarnya patut diambil terhadap mereka yang mencaci, menghina atau menyelar mana-mana kaum dan agama di negara ini.

Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan terutamanya patut mengambil tindakan yang tegas dan keras ke atas individu tersebut. Mereka perlu dihadapkan ke mahkamah. Sekiranya didapati bersalah maka hukuman yang setimpal harus dijatuhkan. Hukuman tersebut bukan sahaja melalui hukuman penjara tetapi juga melalui hukuman khidmat komuniti supaya mereka boleh belajar bergaul dan insaf akan kesalahan mereka. Jadi dalam aspek ini, yang tadi saya katakan, kerajaan perlu meminda undang-undang yang berkenaan untuk mencapai tujuan tersebut sama ada akta hasutan yang diperkukuhkan ataupun akta keharmonian yang kita bincangkan sebelum ini. Saya juga berpendapat bahawa pihak media memainkan peranan yang penting dalam memupuk perpaduan nasional ataupun pihak media juga boleh mengelakkan daripada menyebabkan perpaduan nasional ini menjadi semakin renggang. Ini adalah kerana sesetengah pihak media suka memberikan fokus ataupun highlight, dengan izin, kepada golongan yang mempermainkan isu-isu tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa mereka adalah jaguh bangsa sendiri. Cara liputan media sebegini sememangnya akan menaikkan langganan media masing-masing di mana ramai yang akan membaca berita tersebut. Akan tetapi demi perpaduan nasional, pihak media perlu berhenti memperbesar-besarkan ataupun mensensasikan kenyataan-kenyataan yang berunsur sensitif, yang menghina atau tidak menghormati kaum-kaum ataupun agama-agama yang lain. Janganlah kita terus biarkan puak-puak ini terus bersorak sehingga bukan sahaja kampung mereka yang tergadai malah sehingga negara kita yang dicintai ini juga tergadai akibat hubungan antara masyarakat berbilang kaum yang semakin merosot.

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Kita tidak melihat bangsa itu baik buruknya melalui warnanya, melalui agamanya ataupun lain-lain. Sebaliknya, kita melihat seseorang itu berdasarkan kepada nilai-nilai murninya sama ada dia seorang yang jujur, sama ada dia seorang yang berilmu, yang boleh dipercayai. Itulah nilai-nilai yang patut kita lihat pada seseorang, tidak kira dia Cina, Melayu atau India. Bukan berdasarkan kepada warna kulit ataupun agamanya. Saya berpendapat dan penuh yakin bahawa elemen kepelbagaian atau kelainan kaum dan agama serta bahasa bukanlah satu penghalang ataupun kelemahan untuk kita bersatu. Sebaliknya ia adalah satu pendorong dan kekuatan untuk kita maju ke depan, terutamanya ia dapat meningkatkan daya saing kita di pentas antarabangsa. Saya percaya sebab itulah kenapa terdapat lebih daripada 60,000 orang murid-murid bukan kaum Cina yang belajar di SRJK(C) dan angka ini sedang meningkat. Untuk memastikan rakyat daripada kaum dan agama dapat bergaul dan berinteraksi bersama, pihak kerajaan perlu mengadakan lebih banyak program untuk mengeratkan hubungan masyarakat ini, terutamanya semasa mereka masih kecil lagi. Bak kata pepatah, *"Melentur buluh, biarlah dari rebungnya"*. Dalam hal ini saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan yang amat penting untuk mewujudkan program-program supaya murid-murid yang berbilang kaum, agama dan latar belakang sama ada dari sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah vernakular mahupun sekolah antarabangsa atau swasta untuk bergaul bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ini sampai saya hendak gulung. Usaha dan kejayaan perpaduan nasional juga banyak bergantung kepada pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat seperti kita semua yang duduk di dalam Dewan ini. Bagi saya, sekiranya kita menghormati Perlembagaan Persekutuan, kita memegang kepada keikhlasan, persefahaman dan juga semangat inclusiveness, dengan izin, maka saya ingat negara kita boleh capai satu perpaduan nasional yang agak boleh diterima dan mungkin membanggakan. Itu hasrat semualah. Maka, marilah kita berganding bahu dan berusaha sama untuk memupuk perpaduan nasional yang kita ingini. Inilah sahaja perbincangan saya dan cadangan-cadangan saya untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini. Dengan ini, saya mohon menyokong Bajet 2015. Sekian, terima kasih."

Tuan Koh Chin Han (11.12. 2014)

Keunikan negara kita ini bukan setakat bahasa, bukan makan yang kita miliki ini tetapi lebih penting itu ialah kefahaman, understanding, dengan izin, antara satu sama lain. Kehormatan, we are respect one another, dengan izin, antara satu sama lain dan paling penting is toleransi. *Give and take* dengan izin, antara satu sama lain dan itulah asas atau formula perpaduan dan keamanan Malaysia dan formula inilah telah dicipta sejak kemerdekaan. Kemerdekaan negara kita pun luar biasa. Kita tak ambil pisau, tak berlawan, tak menumpah darah, tak menggunakan senjata. Kemerdekaan Malaysia adalah hasil perundingan, aman. Dengan izin, *peaceful negotiation* dengan orang-orang British oleh tiga kaum utama yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan mewakili UMNO, MCA dan MIC.

Di sini saya ingin mengambil ekstrak dengan izin daripada ucapan Tunku Abdul Rahman semasa upacara *Alliance Rally* beberapa jam pada 30 Ogos sebelum merdeka. Di dalam bahasa Inggeris dengan izin, saya bawa ini sebab *I find it very emotional. "This is the Greatest moment of the life of the Malaysian people for at the stroke of midnight a new nation is born. A nation that will stand for with free and independent. A new star rises in the eastern sky. A star freedom for yet another Asian people. Let freedom be secured for all law by the people, there should be freedom of worship, freedom of speech, freedom from one, freedom of association, freedom assembly and freedom of movement. To all members of my party alliance of UMNO, MCA and MIC, I say thank you one and all for having gone through together to all the difficult stages of our journey. At no moment, have been faulted or evolved a lost faith in our cause. Prosperity will remember this year 1957 as the most glorious day in the history of our country. This country must depend on unity of all races for well being peace and happiness.*

Dia mengakhiri, menyatakan negara kita bergantung pada perpaduan semua kaum untuk kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan rakyat. Formula perpaduan kita yang saya sebutkan tadi kefahaman, penghormatan, toleransi antara satu sama lainlah sepatutnya kita memperkasakan dan memperjuangkan. Marilah kita menoleh belakang dan melihat sedikit ke sejarah Malaysia. Human civilization, dengan izin, bermula di Persekutuan Tanah Melayu ataupun Malaya telah sejak abad pertama. Civilization, ertinya orang itu boleh ada they got some form of culture. Mengikuti buku Bujang

Valley diterbitkan oleh tokoh sejarah V. Nadarajah dan juga kajian daripada arkeologi USM terdapat kesan-kesan orang-orang keturunan India berada di Lembah Bujang sejak abad ke tiga. Walau bagaimanapun, Kerajaan Britishlah yang membawa masuk banyak orang India kerana hendak membuka ladang-ladang getah di Malaysia di mana orang-orang dia telah menjadi pekerja utama. Kerajaan British dalam pelan migration of Indian workers to Malaya, dengan izin, membuka kuil-kuil, sekolah Tamil, rumah kediaman dan kadang-kadang pusat perkhidmatan perubatan. Banyak sekolah dan kuil-kuil ini telah didirikan pada awal tahun 90-an. Kita pernah belajar sejarah, Melaka mengenai Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po, kaum Cina pun sudah berada di Malaysia sejak abad ke-15. Kedua-dua kaum Cina dan India, saya rasa bukan pendatang ke negara kita hendak cari untung sahaja. Kita berada di Malaysia sudah beratus-ratus tahun sebelum merdeka. Kita juga mempunyai, membuat banyak sumbangan untuk membangunkan negara kita. Di sinilah saya dilahirkan, di sinilah saya dibesarkan, di sinilah anak saya dilahirkan, di sinilah cucu saya akan dilahirkan, di sinilah saya akan mengambil nafas terakhir. Malaysia negara saya, Malaysia negara orang bumiputera, Malaysia negara orang Cina, Malaysia negara orang India, Malaysia negara orang Sabah, orang Sarawak, Malaysia negara kita semua. Kemerdekaan Malaysia diperjuangkan oleh ketiga-tiga kaum utama. Hasil perjuangan ini dan kefahaman antara satu sama lain, kita telah menyetujui dan melahirkan dan lahiriah Perlembagaan Malaysia.

Kita sudah setuju dalam Artikel 3, Artikel 11, Artikel 12, menyatakan dengan is very clear, agama Islam sebagai agama rasmi untuk negara kita. Agama-agama lain boleh dipraktikkan secara aman dan harmoni. Di mana-mana tempat di Malaysia. Setiap individu mempunyai hak untuk menganut dan mempraktikkan agamanya. Begitu juga dari segi pendidikan, setiap kaum diberi hak untuk mendirikan dan maintain, dengan izin, institusi pendidikan dalam budaya masing-masing. Begitu juga Artikel 153 di mana hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera daripada Sabah dan Sarawak diperuntukkan. Saya setuju dan percaya konsep perpaduan ini, kita mesti memperjuangkannya dan membina setiap masa. Akan tetapi untuk saya, saya lebih suka melihatnya secara holistik. Walau bagaimanapun, masa berlalu, zaman sudah bertukar sikit, ada cabaran yang saya hendak bincangkan di sini. Kalau hendak kekalkan macam itu tanpa hendak faham cabaran yang akan datang pun tak boleh. Jadi biar saya beritahu sedikit tentang cabaran, secara holistik. Nombor satu, pembangunan yang tidak seimbang akan membawa impak yang memberi cabaran kepada perpaduan antara kaum. Negara kita bagus, membangun dengan pesat sekali. Rumah murah dekat sini, rumah canggih dekat sana, macam-macam. Di mana kita melihat bila kita buat pembangunan, tidak mengambil kira sosial ekonomi dan perpaduan dan membina township yang tak seimbang, ini menjadi satu masalah.

Ada banyak tempat yang kita bina, majoriti penduduk adalah daripada selapisan kaum. Apabila estet-estet dimajukan, semua orang-orang India ditempatkan di satu tempat, di flat atau rumah murah. Kawasan bandar-bandar pula yang berpotensi perniagaan, suka dimiliki oleh kaum Cina. Apabila benda-benda seperti ini dibiarkan untuk 60 tahun dan kita tidak ada konsep mencari satu imbalan yang berefleksi kaum-kaum dalam pembangunan bandar, perniagaan, benda seperti ini sudah tentu akan memperlahankan dan menjadi satu halangan untuk mencapai satu perpaduan. Nombor dua, cabaran kepada budaya. Saya dengar hari itu, Yang Berhormat Senator dari Kedah, jiran saya dari Jerai ini, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Beliau membawa isu murid-murid di Sekolah Bukit Damansara, bila dia pergi sana, dia bertutur dalam bahasa Inggeris, budak Melayu. Ibu bapa zaman kini ini, tidak ada masa hendak bersama dengan anak-anak kita ini, terpaksa bekerja kuat, kerja ini, kerja itu, hendak bagi paling baguslah kepada anak-anak. Kebanyakan isi rumah bergantung kepada pembantu rumah untuk menjaga anak. Akan tetapi sebenarnya bukan pembantu rumah yang menjaga anak itu, televisyen, betul ke tidak? [Ketawa] Jadi, dengan adanya contents yang luar biasa ini, seorang itu dia menjadi bukan penagih dadah, penagih TV, TV addict. Macam-

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

macam series ada. Hendak bahasa Cina ada, bahasa Hindi ada, bahasa Tamil ada, bahasa Melayu ada, bahasa Inggeris ada, bahasa Siam pun ada, Tanggari pun ada, Korea pun ada, tengah malam pun ada, boleh tengok TV daripada pagi sampai malam. Bagus juga buka TV biar anak tengok, tidak payah buat kerja. TV jaga anak. Lagipun kalau tidak ada TV, pakai iPad masuk Youtube, lagi ramai dia punya content.

Fenomena ini, dengan influence dia ini, begitu tinggi sekali. We have to admit, yang ini masalah, saya rasa masalah yang paling besar yang membuat orang tidak bergaul, yang tidak membuat orang keluar bertemu dengan orang lain, yang tidak macam Malaysia dulu adalah masalah content baru ini. Masalah cara orang lebih suka menjadi to live in his own world. Dunia dia ialah dunia elektronik, bukan dunia Malaysia dah. Sebab apa? Ini cabaran besar. Kerajaan mesti mencari jalan untuk tackle masalah ini, di mana institusi keluarga mesti diperkuatkan. Yang Berhormat Senator hari itu pun beritahu, di rumah, kita mesti hendak hormat ibu bapa dan kasih anak-anak. Ini institusi keluarga. Ini mesti kita kuatkan. Apa kerajaan sedang buat tentang konsep institusi keluarga ini? Adakah kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan dalam perkara ini, menggunakan sukan untuk memperkuatkan institusi keluarga dan perpaduan? Apabila tempat tinggal semua dipenuhi oleh bangsa sendiri, orang-orang dia semua pergi satu tempat, orang-orang estet semua, 200 orang, 300 orang satu tempat di letak. Pagi-pagi tengok TV, petang tengok TV, malam tengok TV.

Dengan program serial ini, lagipun ada pula budak-budak di kawasan Damansara Heights balik tengok- walaupun belajar dalam Bahasa Malaysia, balik rumah tengok TV bahasa Inggeris sampai malam, sampai siang, cuti tengok TV, cakap dengan kawan pun bahasa Inggeris, sudah tentu budaya sudah tukar, sudah dapat influence budaya Barat, internet. Ibu bapa tidak ada masa dan mengambil berat tentang pergaulan. Sudah tentu generasi ini tidak mempunyai masa untuk bergaul dan bermesra dengan kaum lain. Jika kita betul-betul hendak selesaikan masalah ini, saya rasa dalam bahasa Inggerislah, *we have to go back to the roots of the problem*, dengan izin, dan mencari satu jalan yang lebih holistik. Janganlah kita senang menunjuk jari, menuduh atau membuat cadangan tanpa membuat kajian. Hanya semata-mata untuk mendapat sokongan atau menjadi popular dalam kelompok persendirian. Saya juga berpendapat kita sepatutnya jangan menuduh perpaduan sebagai sama ada bahasa ataupun agama, jikalau sekelompok atau segolongan tidak menyokong kerajaan semasa pilihan raya.

Sistem demokratik adalah satu sistem yang memberi hak kepada sesiapa, seorang individu untuk memilih secara suka hati mereka. Saya di sini hendak memberi beberapa example, di mana kawasan orang Melayu tidak majoriti, kurang seperti Parlimen Johor Bahru dan Parlimen Pulau, wakil daripada UMNO telah dipilih sebagai wakil rakyat. Di sini orang Cina majoriti. Malah ada juga tempat di mana majoritinya ramai orang Melayu seperti Gombak, Lembah Pantai dan Kuala Terengganu, di mana seorang Melayu daripada parti pembangkang di pilih sebagai wakil rakyat. Untuk saya, seperti di nasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap tahun, mempunyai peranan masing-masing untuk menjayakan Malaysia dari segi perpaduan, ekonomi dan pencapaian. Kita perlu sokongan daripada semua. Kalau ada sekumpulan yang tidak menyokong kerajaan, kita ambillah ini sebagai satu cabaran dan cuba bekerjasama dengan mereka memperkuatkan talian persahabatan, kefahaman. Tunjukkan kepada golongan ini bahawa esok adalah lebih cerah daripada hari ini di bawah Kerajaan Malaysia, Barisan Nasional. Ini hanya boleh dicapai jika kita dapat mengambil konsep untuk mendahulukan rakyat dan memastikan bahawa kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional dapat *deliver*, dengan izin. Cara yang paling bagus untuk kita pergi ke hadapan ialah dengan bekerjasama dengan setiap kaum, menghormati satu sama lain. Saya percaya pucuk pemimpin negara kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memang tahu formula untuk membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi dan formula ini berasaskan kepada konsep toleransi antara satu sama lain. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperjuangkan Malaysia sebagai sebuah negara moderate di kalangan antarabangsa.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (9.12.2014)

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

ISU ORANG KURANG UPAYA

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil peluang dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana memperuntukkan RM2.2 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk beberapa program untuk meningkatkan Orang Kurang Upaya di negara ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini 10 Disember adalah hari Hak Asasi Manusia yang diraikan oleh seluruh dunia. Pada hari yang mulia ini dan di Dewan yang mulia ini, dalam perbahasan saya antara lain saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan tentang hak Orang Kurang Upaya. Tuan Yang di-Pertua, mengikut *World Report on Disability 2011* yang disediakan oleh WHO dan World Bank, 15% dari jumlah penduduk di sesebuah negara adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya. Ini bermakna Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk 30 juta orang dianggarkan 4.5 juta adalah Orang Kurang Upaya. Ini merupakan satu golongan minoriti yang agak besar. Minoriti ini bukan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan bincangkan tadi tetapi ini mewakili golongan OKU. Golongan ini lebih besar dari jumlah Orang Asli yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, campur orang Siam yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Boon Som. Ini adalah satu minoriti yang signifikan di negara kita. Walaupun terdapat 4.5 juta tetapi yang berdaftar dengan JKM hanyalah 508,487 orang setakat bulan Julai tahun ini, yang lain belum mendaftar. Saya harap JKM akan menggalakkan kempen untuk mendaftar OKU dalam tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dalam Perlembagaan Persekutuan, di bahagian dua yang mengenai kebebasan asasi. Perkara lapan adalah menyentuh tentang kesamarataan dan fasa 8(1) berbunyi, "*Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang*". Ini bermakna tidak ada perbezaan sama ada orang itu OKU atau tidak, semua adalah sama rata dan berhak mendapat perlindungan yang sama. Ini meliputi semua undang-undang di Malaysia. Namun demikian, masyarakat umum masih memandang serong terhadap Orang Kurang Upaya. Seolah-olah mereka tidak ada hak dan hanya memerlukan pertolongan belas kasihan sahaja. Sehingga ini menyebabkan Orang Kurang Upaya merasa diri mereka di diskriminasi, terpinggir dan tertinggal di belakang dan tidak diberi peluang untuk menyertai kehidupan biasa dalam arus perdana.

Perkara seterusnya yang ingin saya utarakan ialah Akta Orang Kurang Upaya. Akta ini telah dikuatkuasakan pada tahun 2008. Ini adalah satu usaha kerajaan yang patut dipuji sebab kerajaan melihat kumpulan OKU sebagai kumpulan rentan dan mereka harus diberi tumpuan khusus. Lalu kerajaan telah menggubal akta ini yang mengandungi peruntukan-peruntukan khas untuk melindungi hak OKU secara lebih terperinci. Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membacakan sedikit petikan dari akta itu untuk menunjukkan hak yang diberi kepada OKU.

Seksyen 26, akses kepada kemudahan, amenity perkhidmatan dan bangunan awam. Orang Kurang Upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, amenity perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas kesetaraan dengan orang upaya Seksyen 27, akses kepada kemudahan pengangkutan awam. Di mana dikatakan Orang Kurang Upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, amenity dan perkhidmatan pengangkutan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Seksyen 28, akses kepada pendidikan. Orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Seksyen 29 adalah mengenai akses kepada pekerjaan. Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada suatu hakikat iaitu walaupun dalam akta ini hak OKU dinyatakan dengan jelas, tetapi penguatkuasaannya masih menjadi satu masalah besar.

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Pada umum, keberkesanan akta ini masih diragui. Ini kerana sekiranya berlaku pelanggaran akta ini dari sudut ketidakpatuhan kepada apa-apa yang termaktub dalam seksyen-seksyen tersebut itu, tidak ada sebarang tindakan yang boleh diambil terhadap orang atau agensi yang dipertanggungjawabkan untuk, misalnya menyediakan sesuatu kemudahan atau peluang tetapi dia tidak menyediakannya. Ini adalah kerana akta ini tidak termasuk aspek penalti atau denda. Jadi untuk mengatasi masalah kerumitan yang dihadapi oleh OKU disebabkan ini, saya cadangkan supaya pindaan dibuat untuk memasukkan aspek punitif iaitu hukuman dalam bentuk denda ataupun suatu tempoh penjara supaya memperkasakan keberkesanan akta ini.

Perkara yang saya sebut tadi ini juga disokong oleh pihak SUHAKAM. Pada minggu lepas, pemangku Pengerusinya Datuk Khaw Lake Tee telah mengeluarkan satu kenyataan menyatakan bahawa kerajaan perlu mengkaji semula mekanisme perundangan untuk menangani ketidakpatuhan kepada Akta OKU 2008 ini. Di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan supaya seksyen-seksyen lain di Akta OKU yang berikut dikaji semula dan dibuat pindaan juga. Iaitu seksyen 3(2) mengenai keanggotaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Di bawah seksyen ini, pada akta yang sedia ada sekarang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak diwakili dalam majlis tersebut. Walhal, kementerian ini mempunyai peranan yang amat penting untuk memantau penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan 34A (Pindaan) 1990 iaitu mengenai akses ke bangunan dan persekitaran oleh OKU yang terangkum di bawah seksyen 26, Akta OKU sendiri. Jadi amatlah penting untuk memasukkan keanggotaan kementerian ini dalam Majlis Kebangsaan OKU.

Satu lagi seksyen yang perlu dipinda ialah berkenaan kekerapan Majlis Kebangsaan OKU bermesyuarat. Pada masa ini, majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Sejak majlis ini ditubuhkan pada tahun 2008, keperluan minimum sahaja ditunaikan. Saya rasa ini tidak memadai kerana memandangkan banyaknya isu yang perlukan perhatian dan tindakan majlis. Boleh saya bagi satu contoh? Pada tahun lepas, majlis ini telah membuat satu road show di seluruh negara untuk berjumpa dengan NGO. Ini dilakukan serentak pada 29 dan 30 Julai. Dua ahli telah pergi meliputi kawasan-kawasan di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Hasil dari road show ini, pihak sekretariat telah mengumpul sebanyak 600 isu yang perlu perhatian. Ini telah dikumpulkan dan sedang dikaji oleh JKM dan ia diberi perhatian. Inilah sebabnya saya meminta kekerapan mesyuarat majlis ini ditambah. Saya rasa implikasi kewangan bagi tambahan mesyuarat ini tidak akan menjadi masalah kerana dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah pun mengagihkan wang sebanyak RM1 juta bagi Majlis Kebangsaan OKU. Ini merupakan tambahan seratus peratus daripada tahun sebelumnya di mana peruntukannya adalah RM500,000.

Saya sekarang beralih kepada satu lagi perkara yang juga menyentuh hak orang kurang upaya. Ini adalah mengenai Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *National Human Rights Action Plan*. Ini adalah tanggungjawab yang telah diberikan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Antara tugasnya ialah untuk memperbaiki kedudukan hak asasi manusia dalam satu tempoh masa yang tertentu. Fokus agensi ini antara lain adalah termasuklah kumpulan rentan. Kumpulan rentan ini termasuk *vulnerable group* termasuk orang kurang upaya. NHRAP itu harus melalui lima tahap iaitu persediaan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Saya difahamkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah pun dalam proses persediaan. Saya ingin tahu, apakah status terkini dengan NHRAP ini berkaitan dengan hak asasi untuk OKU? Berkaitan hak asasi juga, di arena antarabangsa, Kerajaan Malaysia setakat ini telah menandatangani tiga konvensyen di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Nombor satu ialah *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* yang menghapuskan segala jenis diskriminasi terhadap wanita. Kedua ialah *Convention on the Rights of the Child* yang memberi perhatian kepada perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Kedua-dua konvensyen ini telah diratifikasi pada tahun 1995.

Diharapkan dalam *National Human Rights Action Plan*, perkara ini akan dimasukkan juga. Ketiga, konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Kerajaan Malaysia telah menandatangani CRPD ini, konvensyen ini pada tahun 2008 dan meratifikasikannya pada tahun 2010. Konvensyen ini adalah untuk menjamin golongan OKU menikmati peluang yang setara dengan orang upaya serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat dalam semua aspek kehidupan. Sebagai *state party* yang menandatangani konvensyen ini, ada juga tanggungjawab kerajaan kita untuk menghantar laporan *State Party Report* dalam tempoh dua tahun selepas meratifikasinya. Akan tetapi, kerajaan kita masih belum menghantar *State Party Report* itu.

Saya menyeru kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi perhatian segera atas perkara ini. Selepas *state report* yang pertama, yang kemudiannya empat tahun sekali. Jadi kita sudah meratifikasi dalam tahun 2010 dan sekarang ini sudah empat tahun. So, kita harus hantar report itu secepat mungkin. Berkenaan dengan konvensyen ini, saya ingin memberitahu kepada Dewan juga bahawa sebagai Ahli Parlimen, kesemua Ahli Parlimen memainkan peranan penting dalam melindungi hak asasi rakyat seperti mana kita lihat dalam Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat, betapa ghairah Yang Berhormat-Yang Berhormat memperjuangkan dan membela nasib rakyat. Jadi berkenaan dengan konvensyen ini, pihak *United Nations Office of the High Commissioner for Human Rights* dan juga *Inter-Parliamentary Union* telah mengeluarkan satu *handbook for Parliamentarians on the convention on the rights of persons with disabilities*. Ini, saya akan memberi satu taklimat mengenai ini pada bulan tiga tahun depan di mana saya akan menjemput Ahli-ahli Parlimen dari Dewan ini dan juga dari Dewan Rakyat untuk memberi taklimat kepada mereka mengenai bagaimana *handbook for Parliamentarians* ini boleh digunakan untuk mereka membela nasib dan membantu OKU di kawasan-kawasan mereka.

Beralih kepada satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah hal ehwal OKU dan peranan kementerian. Kalau kita lihat tanggungjawab untuk membela nasib OKU, untuk melihat dan memberi perkhidmatan kepada OKU, semuanya terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini adalah kerana dari tahap pra merdeka sampai sekarang, hal-hal OKU masih di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walhal dalam tempoh 56 tahun lalu, banyak perkara telah berlaku dan keperluan OKU pun telah bertambah. Golongan OKU bukan sahaja memerlukan bantuan kebajikan, tetapi juga dalam segala aspek kehidupan. Jadi untuk melicinkan, untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada OKU, saya mengesyorkan supaya hanya bidang-bidang yang berkenaan dengan bantuan masih dikekalkan di bawah JKM dan yang lain diambil dan diletak di bahagian satu jabatan lain. Kita amat-amat memerlukan satu jabatan untuk menguruskan hal ehwal OKU. Di sini mesyuarat Majlis OKU mempunyai satu tanggungjawab yang amat besar dan fungsi Majlis OKU seperti mana yang termaktub dalam Akta OKU meliputi tiga belas perkara. Antaranya ialah:

- (i) untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara berhubung dengan OKU;
- (ii) membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek OKU;
- (iii) untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara untuk memantau dan menilai kesan dasar program dan aktiviti;
- (iv) untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara;
- (v) mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang;
- (vi) untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran;
- (vii) untuk menerima pakai langkah yang berkesan, yang sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan OKU;
- (viii) memupuk sikap menghormati hak OKU dalam semua peringkat;
- (ix) untuk menasihati kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- (x) untuk mengumpul, semak data dan maklumat;
- (xi) untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional, kakitangan yang bekerja di dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- (xii) untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi OKU; dan
- (xiii) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain seperti mana yang di dalam akta.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Majlis OKU ini memantau ataupun mengambil berat tentang hal-hal OKU. OKU dari segi orang kelam, orang buta minta sumbangan sedekah di tiap-tiap gerai, di tiap-tiap kedai di Kuala Lumpur ataupun di luar Kuala Lumpur. Adakah Majlis OKU mengambil tindakan dan memantau perkara-perkara ini? Terima kasih.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, perkara ini juga dibawa di dalam persidangan yang lalu. Memang ini yang minta sedekah bukan? Okey. Ada dua pandangan. Bila kita bincang dengan pertubuhan OKU cacat penglihatan, mereka kata ini satu perniagaan tetapi ada juga yang dipergunakan oleh pihak lain. Jadi ini memang masih menjadi masalah. Jadi kita tidak dapat mencari satu penyelesaian yang tepat, yang sempurna untuk ini. Jadi kita harus peka sahaja yang mana kita boleh percaya. Kalau ada orang yang meragui, boleh membuat laporan kepada JKM dan mungkin mereka boleh menyiasat sama ada perkara ini memang betul orang berniaga ataupun orang yang cuba menipu orang lain, orang awam.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah? Silakan.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya semangat soalan saya tadi sama dengan semangat soalan itu. Akan tetapi Yang Berhormat mengatakan kalau ada yang syak, sila laporkan. Akan tetapi yang saya harapkan adalah tindakan proaktif di pihak yang bertanggungjawab oleh OKU ini, jangan hanya berharap kepada laporan daripada orang ramai sahaja kerana ini adalah satu bentuk eksploitasi senyap terhadap orang-orang OKU. Tidak boleh berharap kepada laporan orang ramai sahaja. Kalau orang ramai yang umumnya bersikap yang apathy, jadi perlu ada sikap tindakan yang proaktif bagi pihak yang bertanggungjawab nasib OKU.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat untuk cadangan itu. Saya akan bawa ke majlis untuk membincang perkara ini. Terima kasih. Jadi memandangkan tugas yang amat banyak disenaraikan bagi Majlis OKU, sekarang Majlis OKU terletak di bawah Bahagian Pembangunan OKU. Di sini wujud satu kedudukan yang sedikit aneh sebab Jabatan Pembangunan OKU terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini saya fikir harus dikaji semula.

Ya. Jadi saya mengesyorkan supaya jabatan ini dikeluarkan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dijadikan jabatan berasingan dan juga harus dianggotai oleh kakitangan yang secukupnya supaya dapat menangani dan dapat menguruskan semua tanggungjawab yang disenaraikan di Majlis itu. Barulah sekretariat Majlis boleh bertindak secara efektif demi kesejahteraan OKU di negara kita. Berkenaan dengan cadangan saya, memang dalam akta pun ada majlis akta, fasal 10 dalam akta itu yang di mana dinyatakan majlis hendaklah dibantu oleh jabatan dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya di bawah akta ini. Jadi, sudah ada peruntukan di dalam akta. Jadi yang kita tunggu ialah penubuhan satu jabatan baru ini terasing dari JKM.

Satu lagi isu yang saya ingin bawa ialah perlunya penyelidikan mengenai isu-isu OKU. Saya ingin mencadangkan supaya penyelidikan mengenai keperluan OKU dijalankan oleh IPTA-IPTA dan ini adalah penting kerana apabila kita menjalankan penyelidikan, kita dapat kumpul fakta dan juga data. Hasil penyelidikan ini boleh dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk digunakan bagi penggubalan dasar dan rancangan pembangunan OKU pada masa hadapan. Saya juga mencadangkan supaya pusat penyelidikan cemerlang atau Centre of Excellence ditubuhkan di IPTA. Untuk makluman Dewan, buat masa ini Universiti Sarawak sudah pun memulakan satu Centre of Excellence for Disability Studies. Bukan sahaja di Sarawak, saya juga menggesa kerajaan supaya menggalakkan IPTA-IPTA penyelidikan yang sedia ada iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Mara juga menubuhkan CoEDS atau Centre of Excellence untuk menjalankan kajian dalam bidang-bidang tertentu berkaitan OKU. Di sini implikasi kewangan juga mungkin tidak akan jadi masalah oleh kerana kerajaan memang mengagihkan peruntukan kepada IPTA setiap tahun. Ada beberapa jenis geran yang ditawarkan. Misalnya LRGs ataupun Long Term Research Grant Scheme di mana sebahagian daripadanya boleh digunakan untuk penyelidikan mengenai OKU.

Saya ingin sedikit masa lagi untuk mengemukakan mengenai elaun pekerja cacat dan juga bantuan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja. Dalam Bajet Tahun 2015, kerajaan telah meluluskan suatu kenaikan, sedikit sahaja yang saya minta ialah kenaikan RM200 dari RM300 yang sedia ada untuk dinaikkan RM500 bagi Elaun Pekerja Cacat. Akan tetapi yang diberi oleh kerajaan ialah kenaikan sebanyak RM50 sahaja. Jadi diluluskan RM350 untuk EPC dan elaun bantuan untuk OKU yang tidak bekerja atau tidak berupaya bekerja dari RM150 ke RM200 sahaja. Peningkatan RM50 sahaja. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada senator-senator lain yang juga telah membangkitkan isu ini untuk menyokong kenaikan elaun bagi OKU seperti Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih. Saya ingin meminta dan merayu kepada kerajaan supaya dalam perbelanjaan tambahan sekiranya ada, boleh ditambahkan elaun untuk EPC dan juga untuk elaun bantuan OKU yang tidak mampu bekerja. Di samping itu, saya juga ingin mengutarakan suatu situasi iaitu bantuan penjagaan OKU terlantar. Pada masa ini hanya keluarga yang menjaga OKU terlantar menerima bantuan sebanyak RM300, tetapi bantuan tidak diberikan kepada OKU terlantar.

OKU terlantar ialah pesakit yang tidak mampu untuk bergerak dan tidak mampu untuk mengurus diri sendiri dan bergantung 100% kepada orang lain untuk menjaganya. Bagi OKU dalam kategori ini, mereka memerlukan pelbagai peralatan macam sebuah katil yang boleh diselaraskan, tilam khas macam ripple mattress. Oleh sebab tidak mampu menggerakkan badan dengan sendiri, mungkin suhu badan naik dan mereka tidak dapat kawal. Untuk melegakan kedudukan ini, mereka memerlukan kipas angin sepanjang masa dan mungkin juga penghawa dingin. Ini semua memakan belanja yang banyak. Jadi saya minta kerajaan supaya memberi perhatian dan juga memberi elaun kepada OKU yang terlantar. Satu lagi untuk petugas Pemulihan Dalam Komuniti. Pada masa ini petugas yang bekerja di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti atau PDK hanya diambil secara kontrak dan mereka diberi elaun RM800 sahaja, manakala penyelia menerima RM1,200. Mereka tidak diberi latihan seperti petugas di KEMAS. Jadi saya minta supaya kerajaan beri perhatian kepada golongan ini sebab mereka amat diperlukan untuk kita memberi latihan kepada kanak-kanak OKU yang ada down syndrome, autisme dan cerebral palsy yang menerima latihan berdikari di pusat-pusat PDK ini.

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Berkaitan ini, saya juga minta Bahagian Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau National Occupation Skill Standard untuk merangka suatu kursus yang khas untuk diberi latihan yang bertahap supaya mereka boleh meningkat dalam kerjaya dan mereka tidak akan pergi mencari kerja lain. Oleh sebab selepas mereka dapat latihan dan pengalaman untuk mengajar kanak-kanak ini, kalau mereka lari dan pergi ke kerja lain, kita akan mengalami suatu kerugian. Jadi untuk mengekalkan mereka, saya harap jawatan mereka diiktiraf dan mereka diberi latihan dan mungkin elaun mereka pun dinaikkan menepati gaji minimum yang disyorkan iaitu RM900. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan (10.12.2014)

ISU PENCEMARAN SUNGAI

Isu pencemaran sungai dan kesannya kepada kepupusan ikan tempatan oleh YB Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud pada 9hb Disember 2104. Memang isu biasa namun olahan hujah oleh YB dan celahan oleh YB Senator lain telah memberi banyak pengetahuan baru yang begitu menarik dengan perkongsian sedikit kisah-kisah lama berkaitan dengan spesies-spesies ikan di kebanyakan negara kita dan pengalaman-pengalaman di negara lain.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: saya ingin berubah kepada soal yang berkaitan dengan persekitaran yakni mengenai hal sungai. Sungai ini nampaknya di Malaysia sudah diabaikan terus. Kalau kita tengok sungai-sungai yang besar memang sangat mengecewakan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar haruslah melihat ini secara holistik dan memastikan bahawa hidupan air, ikan, udang dan sebagainya boleh kita tangkap dan boleh cukup untuk memberi makanan kepada rakyat di negara ini. Kalau kita perhatikan misalnya beberapa batang sungai yang cukup tercemar sehinggalah sudah tidak ada lagi.

Misalnya udang galah pada satu waktu dahulu yang sangat terkenal di Johor, sudah mula sulit untuk kita dapat. Selain itu, sungai-sungai ini juga dimasuki oleh ikan-ikan yang bukan habitat asal negeri kita. Maknanya bukan sahaja orang lain masuk ke negeri kita, ikan pun masuk ke dalam sungai kita. Misalnya apa? Keli Afrika, ini bukan ikan Malaysia. Tilapia bukan ikan Malaysia, pacu bukan ikan Malaysia dan ikan-ikan ini cukup cepat membiak menyebabkan ikan-ikan asal di negeri kita ini pupus. Ikan seperti kelah, tengas, temalian, tengalan, belida, lampam dan sebagainya. Sekadar menyebutkan beberapa jenis ikan sudah payah untuk kita dapat. Sekarang ini yang ada di dalam sungai kita adalah ikan-ikan yang cukup pelik yang kita tidak pernah lihat 30, 40 tahun yang lalu. Mengapa jadi demikian?

Nasib baik misalnya di Sabah dan Sarawak ikan-ikan seperti semah, ikan tegal dan ikan empurau misalnya masih lagi boleh dipertahankan tetapi di sini terutama sungai-sungai yang di bahagian pertengahan dan hilir sungai sudah mulai dimasuki oleh ikan-ikan yang bukan ikan asal di tempat kita ini. Itu sebab ada satu gerakan di Amerika Syarikat tidak lama dulu, kalau saya tidak silap di Mississippi ada gerakan bersama rakyatnya menangkap puluhan ribu ikan-ikan yang datang dari tropika yang masuk ke dalam sungai mereka. Mereka tidak mahu ikan-ikan tersebut dan cuba membiakkan semula ikan-ikan asal yang berada di sungai seperti *trout*, *purse* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian saya mohon supaya Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya melihat ini secara serius dan mulai selain daripada memulihkan ikan-ikan asal kita, juga menambah pembenihan dan pembiakan supaya ia tidak pupus. Kita lihat sekarang ini bahawa kadangkala lebih banyak penangkap ikan daripada ikan. Macam mana ikan boleh hidup dan boleh berkembang. Kita juga tidak ada budaya seperti di tempat lain di mana mereka telah terdidik sendiri. Apabila dia menangkap ikan, saiznya tidak cukup, dia akan lepaskan semula, di sini tidak. Mereka akan tangkap apa juga yang ada dalam sungai sehingga ikan-ikan sudah semakin pupus.

Di Dewan yang sama ini pada sesi yang lalu. Saya telah membangkitkan soal kepupusan ikan terubuk. Pada suatu waktu, ikan terubuk ini daripada Kuala Linggi sampai ke Benut, itu merupakan tangkapan ikan terubuk. Orang memang kalau daripada Negeri Sembilan sampai ke Melaka sampai ke Johor, malah kalau pergi Melaka yang saya tahu, kenduri-kenduri kalau tidak ada asam pedas itu bukan kenduri dan mestilah ikan-ikan seperti yang saya sebutkan tadi. Namun, ikan terubuk itu hilang. Tidak ada lagi. Sahabat saya Dato' Adam pernah menyokong apa yang saya sebutkan ini. Ertinya apa? Kita tidak ada langsung satu kepedulian hinggalah ertinya pukuk-pukuk tunda ini menunda luar daripada batasan. Sepatutnya ia tidak boleh menangkap ikan yang dihadkan kepada nelayan pantai tetapi ia tidak peduli dan pada alasannya ikan-ikan itu akan menjadi ikan baja.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tadi Yang Berhormat bercakap fasal ikan terubuk. Saya hendak Tanya kepada Yang Berhormat, adakah spesies ikan terubuk Yang Berhormat sebut tadi di Johor sampai ke Negeri Sembilan itu, adakah bersamaan dengan ikan terubuk di Sarawak? Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya, air di Sibuyau itu lain. Air di Sibuyau itu berlainan dengan air Sungai Linggi. Itulah jawapan saya, jadi maknanya spesiesnya sudah tentu lain. Empurau di Sarawak itu berbeza dengan kelah di sini. Kelah di Utara Semenanjung berbeza dengan kelah di Selatan Semenanjung. Kelah di Utara Semenanjung ini dikenali sebagai tor *tambroides*, manakala kelah di Selatan Semenanjung itu dikenali sebagai tor *douronensis*. Dua benda yang berbeza tetapi panjanglah cerita hal-hal ikan ini. Saya ringkaskan, bahawa memang saya bersetuju tetapi soal undangundang satu fasal, pendisiplinan manusia itu satu fasal yang lain.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (9.12.2014)

ISU BERKAITAN MASYARAKAT ORANG ASLI

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebenarnya sebagai wakil kepada masyarakat Orang Asli di Dewan Negara ini, kalau tidak sebut yang ini nanti pun saya tidak boleh balik. Saya hendak ucap terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan RM352 juta bagi tahun 2015 kepada masyarakat Orang Asli di negara ini. Ini satu peruntukan yang sangat besar, yang tidak pernah diperolehi oleh masyarakat Orang Asli di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini merupakan orang yang saya kira sangat prihatin khususnya berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di negara ini, termasuk juga Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sehinggalah hari ini berapa ramai sudah anak-anak Orang Asli boleh melanjutkan pelajaran ke luar negara yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Mana ada kerajaan lain lagi selain daripada Kerajaan Barisan Nasional yang sangat prihatin kepada masalah rakyat. Jadi Orang-orang Asli di luar sana tidak usahlah fikir banyak, tidak usah pilihlah orang lain. Baru-baru ini pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kata Orang Asli ini kita kena tolong kerana dia orang ini penyokong tegar Barisan Nasional. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut beberapa dapatan ataupun kajian yang dibuat oleh UNICEF bersama dengan EPU dalam hendak membentuk dasar pembangunan bagi masyarakat Orang Asli bagi tahun 2014.

Antaranya dalam kajian yang didapati ini menyebut beberapa bahawa Jabatan Orang Asli ini perlu dijenamakan semula. Kena minum air, air tidak ada. Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, sabar dulu. Antaranya Tuan Yang di-Pertua, bahawa Jabatan Kemajuan Orang Asli ini perlu distrukturkan semula. Ini bukan saya sebut, ini kajian yang dibuat oleh EPU bersama dengan UNICEF. Kerana apa? Ini kerana perjawatan yang ada di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini begitu rendah sekali. Umpamanya pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli peringkat daerah baru S17. Jadi bagaimana S17 atau S22, bukan kita hendak menghina dia orang ini, bukan, bukan itu niat dia. Bagaimana dia orang hendak mengendalikan pembangunan dan hendak berhadapan dengan satu masyarakat yang begitu kompleks, hendak menyuarakan masalah di peringkat pentadbiran daerah. Jadi oleh itu,

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

saya mohon supaya khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula daripada segi perjawatan yang ada di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini supaya ia lebih menarik dan lebih menarik minat penjawat-penjawat awam untuk bertugas di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Ini kerana kita tidak mahu yang dihantar ke Jabatan Kemajuan Orang Asli ini seolah-olah orang yang sudah tidak berapa laku di jabatan lain, hantar ke situ kerana perjawatan dia begitu rendah. Jadi oleh sebab itu perlu dikaji dengan baik supaya perjawatan dia lebih baik dan lebih menarik. Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sebut iaitu ini pesan orang kampung. saya, orang-orang di bawah sana. Dia kata sampai bila lagi Jabatan Kemajuan Orang Asli ini hendak melantik ketua pengarah dia daripada kalangan masyarakat Orang Asli kerana hari ini saya fikir ramai sudah anak-anak Orang Asli yang sudah punyai kelulusan, yang punyai kebolehan yang boleh menjawat jawatan, malahan ada yang sudah jadi profesor, yang jadi berbagai-bagai, jadi engineer dan sebagainya. Jadi dah sampai masa dan ketikanya bahawa jawatan ketua pengarah itu dilantik daripada kalangan Masyarakat Orang Asli.

Begitu juga laporan ini Tuan Yang di-Pertua menyebut bahawa Akta135 iaitu Akta Orang Asli yang digubal pada tahun 1954 perlu disemak semula ataupun dipinda beberapa perkara yang penting di dalam itu untuk menyesuaikan dengan keadaan persekitaran pada hari ini. Ini juga kena diambil tindakan. Dalam soal itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bahawa dan saya pernah sebut juga di dalam Dewan ini iaitu berhubung dengan pemilikan tanah oleh masyarakat Orang Asli. Bajet yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 2015 agak besar, jadi saya mohon supaya diperuntukkan satu peruntukan yang cukup untuk menyukat kawasan-kawasan penempatan Orang Asli ini dan akhirnya kawasan mereka diwartakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, hendak sebut juga ini berkenaan dengan perolehan ataupun tender-tender, sebut-sebut harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Saya mempunyai data-data dia iaitu tahun 2009 lebih kurang RM29 juta, tetapi yang ditawarkan kepada kontraktor Orang Asli, koperasi-koperasi Orang Asli hanya 8.6%, RM2.4 juta. Jadi ini kita mohon supaya dipertingkatkan. Begitu juga tahun 2010 lebih kurang RM47 juta yang diperoleh oleh kontraktor Orang Asli tidak sampai 1% pun. Jadi ini amat menyedihkan. Tahun 2011 hampir RM30 juta sebut harga, tender dan pelbagai yang dikeluarkan oleh Jabatan Orang Asli, 3.7% sahaja yang diperoleh oleh kontraktor Orang Asli Tahun 2012, RM48 juta hanya ditawarkan kepada koperasi dan juga kontraktor Orang Asli 7.3%. Jadi ini sesuatu yang sangat menyedihkan dan kalau ada di kalangan kontraktor-kontraktor ini yang tidak mempunyai kebolehan, maka sudah menjadi tanggungjawab, Jabatan Kemajuan Orang Asli, jabatan yang bertanggungjawab untuk membangunkan Orang Asli untuk melatih kontraktor-kontraktor ini agar dia orang mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan dan boleh bersaing dengan lain-lain kontraktor dan akhirnya mereka menjadi kontraktor yang bagus, yang baik.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (9.12.2014)

**PETIKAN PERBAHASAN
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

ISU-ISU BERKAITAN DENGAN DADAH

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (11.12.2015): saya selaku Bendahari Agung PEMADAM, hendak bercakap sedikit berhubung dengan dadah, musuh nombor satu negara. Saya melihat semalam Yang Berhormat Menteri memberi penerangan kepada kita berhubung dengan dadah. Saya melihat setakat mana ekonomi kita berkembang kalau musuh negara nombor satu ini tidak kita atasi, buatlah banyak mana pun, akhirnya anak-anak kita akan terjerumus ke dalam kancuh dadah ini. Fakta yang saya dapat di sini, tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya ini Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2011 hingga 2014, kalau kita tengok nilai harta yang disita sahaja memang menakutkan. Tahun 2011 sebanyak RM64,836,000 harta yang disita. Tahun 2012 ada penurunan sedikit sebanyak RM54.4 juta. Tahun 2013 sebanyak RM94.9 juta. Jumlah bagi tiga tahun ini ialah RM263 juta yang disita oleh Polis Diraja Malaysia. Kemudian kalau kita tengok lagi angka tangkapan ke atas penuntut-penuntut sekolah dan penuntut IPT, bagi sekolah yang umur bawah 11 tahun, tahun 2011 seramai 24 orang, tahun 2012 seramai 32 orang, tahun 2013 seramai 35 orang, tahun 2014 seramai 30 orang. Di IPT, tahun 2011 seramai 118 orang, naik kepada 120 orang, turun kepada 108 orang, turun kepada 71 orang. Mereka yang jual dadah umur 11 tahun ke bawah seramai 49 orang, IPT seramai 48 orang. Kemudian kita tengok orang yang 'dok' tangkap ini pegawai. Pegawai dan anggota tahun 2012, anggota yang ditangkap, bekal dadah 13 orang. Tahun 2012 seramai 10 orang, tahun 2013 seramai 12 orang. Pegawai dan angkatan tentera yang positif dadah adalah seperti berikut 2011 (201 orang), 2012 (193 orang), 2013 (200 orang).

Kalau kita tengok daripada angka-angka ini Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang. Ini kerana yang hendak menangkap pun hisap dadah, yang di sekolah pun hisap dadah dan dalaman angkatan tentera pun hisap dadah. Saya hendak bercerita sedikit daripada pengalaman saya selaku Ahli Bendahari PEMADAM, kami dibawa untuk melawat rakan-rakan kita yang terlibat dengan dadah ini. Terdapat di Melaka, bapa dia di Kedah, dapat bapa dia yang suntik dadah kepada anak lelakinya di kemaluannya. Kemudian selepas bapanya high, anak pula suntik di kemaluan bapanya. Kedua-duanya penagih dadah, dengan izin. Selepas itu kami tanya anaknya yang berumur 6 tahun, "Abang cucuk 'tote' ayah, ayah cucuk 'tote' abang." Jadi apabila kami melihat perkara ini, apa yang akan jadi kepada keluarga ini. Di Subang Jaya, pukul isteri sampai mati kerana hendak beli syabu tidak ada duit. Di Perak, saya melihat dengan mata kepala saya sendiri, potong tetek emak dia ini- tetek, dengan izin. Buah dada emak dia, potong sampai habis. Emaknya tidak mahu buat laporan polis kerana sayangkan anak, hendak ambil rantai emaknya. Saya pun pedih ini. Jadi saya tengok dan saya bertanya ibu ini, "Tidak sakitkah?" Dia kata luka ini tidak sakit, yang sakit hatinya. Ini kerana melihat anaknya sanggup buat begitu. Ibu yang menyusukan dia, dia sanggup potong hingga nampak tulang. Sanggup potong untuk hendak mendapatkan rantai emaknya untuk beli dadah. Masya-Allah. Kami yang tengok dia sendiri itu rasa terlalu amat sedih. Di Melaka anak dapat HIV, bapa dapat HIV, emak tidak dapat tetapi lari tinggal anak dan bapa. Ini cerita-cerita dadah yang amat menakutkan. Oleh sebab itu saya katakan tadi pada awal tadi, setinggi mana ekonomi kita, sebanyak mana pun bajet yang diberikan kepada kita tetapi kalau musuh negara nombor satu ini tidak kita bendung, *masya-Allah*.

Dadah terbaru dipanggil *bath salt* atau *salt bath*. Itu macam kita pergi hotel, dia bagi garam dalam bilik itu dicampurkan dengan *ingredients* lain, dengan izin. Apabila kita kena *bath salt* ini, *the urging power* itu, kita meminati hendak makan daging manusia. Ini dadah yang terbaru, sudah masuk ke Thailand *bath salt* ini. Apabila kena dia, saya katakan tadi dia hendak rasa, dia hendak makan. Orang kata melonjakkan keinginan nafsu dia hendak makan daging manusia. Katanya sudah masuk ke negara kita dan setakat ini saya melihat daripada angka-angka ini amat menggerunkan sekali. AADK, semalam diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kita bahawa AADK membuat program-program dan kita kalau kita tengok pada tahun lepas, banyak guru yang datang jumpa PEMADAM minta duit supaya mereka dapat buat program di sekolah. Kementerian Pendidikan tahu tidak yang bahawa tidak ada peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah untuk membanteras dadah ini, yang diberikan hanya kepada AADK sahaja. AADK pula dengan peruntukan yang diberikan tahun 2013 ini, ini angka sebenar. Program Sekolah - Sayangi Hidup Elak Dadah dibuat hanya 116 kali. Program di IPT 219 tajuk ia "Tomorrow's Leader". Program di tempat kerja 695, Program Keluarga Bebas Dadah, 223.



ARTIKEL PILIHAN

MPs ROLE IN PROMOTING AND PRESERVING THE RACIAL AND ETHNIC COMPOSITION IN MALAYSIA

MPs ROLE IN PROMOTING AND PRESERVING THE RACIAL AND ETHNIC COMPOSITION IN MALAYSIA

BY HON. DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
DEPUTY SPEAKER OF THE HOUSE OF REPRESENTATIVES, PARLIAMENT OF MALAYSIA

A cardinal feature of the Malaysian Parliament is the ethnic composition of its Members of Parliament (MPs). The inclusion of MPs of various ethnic groups has given the House of Representatives a more national outlook and a more distinguished membership than it would otherwise have commanded. The most important official in the House of Representatives is the Speaker and this position of notable distinction is held by a Sabahan of Illanun descent.

The aristocratic nature of Parliament demands that MPs have a formidable duty to perform in instilling, promoting and preserving multi-racialism. Inciting racial and ethnic sentiments may seem heroic, but it rarely succeeds with the educated knowledgeable, reasonable and 'thinking' masses (in Malaysia the literacy rate has soared and it would be wise not to underestimate the intelligence of the public at large). The people have this power to sum up character and detect fraudulent and insincere statements and personal agendas propagated by others.

MPs are generally respected for their probity, their fortitude and their knowledge. It is vital that Parliamentarians uphold their dignity and do not use racial and ethnic issues to promote their careers. We should be careful that we do not cut others down in size. In one of Saki's stories, a character goes into Parliament 'possibly with the idea of making his home life seem less dull.' It is therefore for politicians to put aside the perception that Parliament is an incompetent sham and that all politicians nest-feathering individuals. As Nehru advised when he visited Malaysia, 'co-operate – work with the other races – be a harmonizing factor'.

It would be wise too, to constantly remind ourselves that the real heroes of Parliament are those Members (regardless of which race, religion or ethnic group they belonged to) who, with or without exceptional ability have fought for freedom and the general good with courage, energy and a common sense and who have been, above all, *men without any personal axe to grind*.

In this context, the leadership of any State plays a pertinent role in instilling, cultivating and preserving unity amongst the people. A classic case to cite and emulate is that of Sabah where the encompassing and engulfing of all non-Muslim bumiputeras into the ruling party and the multi-racial and multi-ethnic nature of its composition has brought about economic, social and political development, more so since 1991. Prior to that, the constant change in the leadership of the State government (which leaned towards either mainly Muslim bumiputeras or tended to comprise more non-Muslim bumiputeras) made it rather difficult for the overall development of Sabah to be



